



PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT *HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KETIGA *Third Parliament*

PENGGAL PARLIMEN KEDUA *Second Session*

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH [Ruangan 6307]

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 6307]

Cuti Panjang—Y.B. Tun Datu Haji Mustapha [Ruangan 6307]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 6307]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Disebabkan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 6331]

Ordinan Eksais, Sabah No. 18 tahun 1959 [Ruangan 6331]

Akta Kastam, 1967—

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 24), 1972 [Ruangan 6332]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Lalulintas Jalan dan Kereta-kereta Motor (Negeri-negeri Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah) (Pindaan) [Ruangan 6333]

Rang Undang-undang Galakan Pelaburan (Pindaan) [Ruangan 6369]

Rang Undang-undang Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan) [Ruangan 6392]

Rang Undang-undang Perlindungan Wanita dan Gadis [Ruangan 6438]

Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera [Ruangan 6455]

Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan) [Ruangan 6457]

Rang Undang-undang Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan) [Ruangan 6459]

JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS [Ruangan 6461]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Rabu, 31hb Januari, 1973

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebajikan Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timur).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATUK WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timur).
- „ TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Landu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).

Yang Berhormat TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).

- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).

Yang Berhormat DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).

- .. TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- .. TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- .. DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- .. TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- .. TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- .. WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- .. TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- .. PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- .. TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- .. DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- .. DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- .. TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- .. TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- .. TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- .. TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- .. TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- .. TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- .. DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- .. TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- .. TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).
- .. TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- .. TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUN DR ISMAIL AL-HAJI BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timur).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

- .. Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- .. Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.M.B.S. (Kuala Kangsar).
- .. Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- .. Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).

- „ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibu).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).

DOA

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan;

Datuk Senu bin Abdul Rahman.

PENGUMUMAN YANG DI PERTUA

MENGALU—ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang di Pertua: Bagi pihak Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Senu bin Abdul Rahman, Ahli baharu bagi kawasan Kuala Kedah.

CUTI PANJANG—Y.B. TUN DATU HAJI MUSTAPHA

Tuan Yang di Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak menyatakan iaitu menurut kuatkuasa yang diserahkan kepada saya melalui ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25-4-1961 saya telah memberi kebenaran bercuti panjang daripada menghadiri Persidangan Parlimen Malaysia mulai daripada 25-1-1973 kepada Yang Berhormat Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun, Ahli Parlimen bagi kawasan Marudu, Sabah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

MEJISTRET DI BAWAH SEKIM GAJI SUFFIAN

1. **Tuan R. C. M. Rayan** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa sebelum dilaksanakan Sekim Gaji Suffian, mejistret-mejistret mendapat gaji \$592 sebulan ditambah Elaun Sara Hidup sebanyak \$134 dan elaun perumahan \$120 menjadikan jumlahnya \$846 sebulan tetapi sekarang ini setelah dilaksanakan Sekim Gaji Suffian mereka mendapat \$750 pada hal dahulunya mereka kena membayar cukai pendapatan atas \$592 sahaja.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, saya memang sedar dengan keadaan itu dan ini bukanlah istimewa untuk mejistret sahaja. Pegawai-pegawai lain di dalam Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas juga adalah serupa keadaannya dan ini adalah mengikut perakuan Suruhanjaya Suffian. Sungguhpun gaji penuh permulaan mereka kurang sedikit daripada dahulu, tetapi gaji maxima mereka adalah lebih tinggi daripada dahulu. Selain daripada itu mengikut syarat-syarat perkhidmatan baharu, pegawai-pegawai boleh mendapat pencen yang terjamin selama 12½ tahun dan pinjaman perumahan yang tidak pernah diperolehi dahulu.

Oleh kerana gaji \$750 itu gaji bersih maka cukai atasnya terpaksa dibayar seperti rakyat-rakyat yang lain.

Tuan Mustapha bin Hussain: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang memberi professional elaun sebanyak \$250.00 kepada mejistret-mejistret ini sebagai tambahan kepada gaji mereka?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, oleh sebab soal gaji ini telah ditimbang dengan halus oleh Suruhanjaya Suffian, Kerajaan tidaklah bercadang hendak membuat apa-apa pada masa ini.

GAJI MEJISTRET/PRESIDEN MAHKAMAH—MEMPERBAIKI

2. **Tuan R. C. M. Rayan** minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) samada beliau sedar bahawa ramai mejistret-mejistret dan presiden-presiden mahkamah-mahkamah tengah yang mentadbir keadilan di negara ini merasa dukacita kerana tidak ada keadilan diberi kepada mereka sendiri dengan dibaiki dan dibuat peraturan supaya mereka diberi gaji yang bersesuaian supaya mereka boleh memelihara dan mempertahankan kemuliaan jawatan-jawatan mereka; dan

(b) samada beliau bercadang memperbaiki dan menaikkan gaji presiden-presiden mahkamah tengah sekarang ini daripada \$750 sampai \$1,000 sebulan memandang kepada hal bahawa baru-baru ini gaji hakim-hakim besar telah dinaikkan untuk memelihara dan mempertahankan kemuliaan dan taraf

yang tinggi sebagai pegawai tinggi dan untuk merapatkan jurang perbezaan antara gaji pentadbir undang-undang di mahkamah tinggi dan mahkamah rendah.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum, tanggagaji yang ada sekarang bagi Mejistret-mejistret dan Yang di Pertua-Yang di Pertua Mahkamah Sesyen adalah tanggagaji-tanggagaji yang telah diperakukan oleh Suruhanjaya Suffian. Mejistret-mejistret terutamanya yang mempunyai perkhidmatan kurang daripada 3 tahun adalah diletakkan di dalam Bahagian Kadet dengan tanggagaji 750 x 50-850. Gaji permulaan yang ditawarkan kepada mereka ini adalah setanding dengan apa yang ditawarkan oleh pihak swasta kepada mereka yang mempunyai kelayakan yang sama.

Buat masa ini Kerajaan tidaklah bercadang untuk mengkaji semula tanggagaji-tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan pegawai-pegawai di dalam perkhidmatan awam, termasuklah jawatan-jawatan Mejistret-mejistret dan Yang di Pertua-Yang di Pertua Mahkamah Sesyen.

Tuan V. Veerappen: Soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar iaitu oleh kerana ada dua tanggagaji sahaja untuk Presiden-presiden Mahkamah Tengah iaitu (i) Presiden Biasa dan (ii) Presiden Khas. Presiden Biasa boleh dapat tanggagaji lebih iaitu gaji yang dibayar oleh Presiden Khas apabila jawatan itu ada kosong sahaja, oleh kerana itu banyak Presiden-presiden tidak puas hati dan berhenti dari Judicial Service dan lagi Presiden Khas dengan Presiden Biasa kerjanya sama. Bolehkah Kerajaan hapuskan Presiden-presiden Khas dan adakan tanggagaji yang sama?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, syarat-syarat baharu tanggagaji seperti yang diperakui oleh Suruhanjaya Suffian telah ditawarkan kepada mereka itu dan mereka itu telah menerima tawaran-tawaran itu. Oleh sebab syor-syor Suruhanjaya Suffian telah diterima oleh Kerajaan, maka pada masa ini tidak dapatlah lagi hendak ditimbangkan untuk diubah atau ditukar sehingga perkara ini berjalan beberapa tahun yang akan datang.

KENYATAAN BERSAMA— KANDUNGAN

3. Dr S. Seevaratnam (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah tajuk-tajuk yang telah dibincangkan dengan pemimpin-pemimpin Soviet Union semasa lawatan beliau ke negeri itu dan apakah soal mendapat kelengkapan tentera Soviet untuk pasukan-pasukan bersenjata kita telah dibincangkan juga.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, perbincangan telah ditumpukan kepada perhubungan di antara kedua buah pihak dengan tujuan untuk mempereratkan dan memperluaskan kerjasama. Pada masa yang sama juga pertukaran pendapat-pendapat berkenaan dengan keadaan antarabangsa terutama di Asia telah diadakan. Dalam perjumpaan itu saya juga mengambil peluang untuk menerangkan cadangan Pengecualian Tenggara Asia. Soal mendapatkan kelengkapan tentera daripada Soviet Union tidak dibincangkan.

Kandungan Kenyataan Bersama yang sepenuhnya yang disiarkan oleh akhbar tempatan membayangkan apa yang telah berlaku semasa lawatan saya ke Moscow.

PERKECUALIAN ASIA TENGGERA—REAKSI

4. Dr S. Seevaratnam (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Luar Negeri menyatakan reaksi yang telah ditunjukkan oleh Kerajaan Switzerland, Austria, Poland dan Russia kepada cadangan perkecualian Asia Tenggara semasa lawatannya ke negeri-negeri itu baru-baru ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, Kerajaan Switzerland, Austria, Poland juga Soviet Union semuanya telah menunjukkan penuh perhatian dan persefahaman apabila saya menerangkan dan menjelaskan sebab-sebabnya Malaysia mencadangkan pengecualian Asia Tenggara dan apakah yang dimasukkan oleh kita. Reaksi-reaksi itu sungguh memuas dan menggalakkan memandangkan bahawa saya memang tidak bermaksud hendak mendapatkan persetujuan ataupun sokongan mereka pada ketika itu.

PENGISYTIHARAN KUALA LUMPUR

5. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah benar

bahawa kerajaan Thai akan menolak konsep perkecualian Asia dan apakah usaha-usaha yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia supaya negeri Thailand menerima konsep perkecualian Asia.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, Thailand, seperti Ahli Yang Berhormat tentu maklum, adalah salah sebuah negara yang telah menanda-tangani Pengisytiharan Kuala Lumpur dalam bulan November, 1971, yang mana mengisytiharkan keazaman negara-negara anggota ASEAN untuk mendapatkan pengakuan dan penghormatan terhadap Asia Tenggara sebagai Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali. Kita tidak menerima tanda-tanda samada resmi ataupun secara lain yang menyatakan Thailand tidak lagi menyokong Pengisytiharan itu.

Tuan T. S. Gabriel: (*Dengan izin*) Sir, the Prime Minister of Communist China has expressed his concern on the concept of neutrality because two of the Asean countries are maintaining foreign military bases, namely, Philippines and Thailand. Could the Honourable the Prime Minister enlighten the House of Malaysia's stand on this issue?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, saya telah kerap kali menjelaskan dalam Dewan ini bahawa konsep perkecualian atau neutrality South East Asia ialah bermakna bila konsep itu telah diterima kelak soalan pengkalan-pengkalan (bases) ini mestilah ditimbangkan daripada masa ke semasa.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa berita-berita yang terkemudian ini di mana berita mengatakan bahawa Perdana Menteri Singapura melawat ke Thailand dan meminta supaya tentera Amerika ditempatkan di sana walaupun keamanan akan tercapai di Vietnam. Adakah itu satu gara-gara di mana salah satu antara dua negara ini, samada Thailand atau Singapura tidak begitu setuju dengan konsep perkecualian kita dan adakah ini ada dilaporkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan apakah tindakan selanjutnya?

Perdana Menteri: Perkara ini tidak ada dilaporkan kepada kita dengan secara resmi, tetapi seperti saya katakan tadi Singapura termasuk juga Thailand adalah menanda-tangani Pengisytiharan Kuala Lumpur yang

mengaku bahawa negara-negara ASEAN hendak menjadikan kawasan Tenggara Asia ini kawasan aman, bebas dan berkecuali. Begitu juga kita mendapat tahu dari akhbar-akhbar iaitu Perdana Menteri Thailand telah berikrar yang ia dan Kerajaan Thailand masih menerima Deklarasi Kuala Lumpur itu.

CUKAI JUALAN

6. Tuan Mustapha bin Hussain (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar bahawa cukai jualan 5% yang dikenakan oleh Kerajaan itu adalah dibayar oleh si pembeli dan bukan oleh si penjual.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di Pertua, jawabannya, ya.

CUKAI PENDAPATAN— MEMINDA ORDINAN

7. Tuan Mustapha bin Hussain (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau akan menimbang meminda Ordinan Cukai Pendapatan dengan menaikkan jumlah wang yang hendak ditolak dari pendapatan seseorang kakitangan Kerajaan, pembayar cukai, isterinya dan anak-anaknya memandangkan kepada kenaikan harga barang-barang yang melambung tinggi pada masa sekarang.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, pada 22hb Disember, tahun yang sudah, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menjawab suatu soalan yang serupa yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson, dan saya tidak ada apa-apa lagi untuk ditambah. Bagaimanapun, saya ingin menyatakan bahawa adalah tidak adil dari segi percukaian yang kakitangan-kakitangan Kerajaan diletakkan dalam keadaan yang lebih baik daripada pembayar-pembayar cukai yang lain.

Tuan V. Veerappen: Bolehkah Kerajaan meminda balik pendapatan yang dikecualikan dari cukai pendapatan yang sudah kurang dari \$3,000 sampai \$2,000 untuk pembayar cukai dan \$2,000 sampai \$1,000 untuk isterinya. Bolehkah ditimbangkan balik perkara ini?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Perkara ini tidak ada berbangkit.

KELAS PERPADUAN RAKYAT— PELAJAR-PELAJAR

8. Tuan Sulaiman bin Bulon minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan berapa bilangan Kelas Perpaduan Rakyat yang telah dijalankan, berapa jumlah pelajar-pelajar dan setakat ini sejauh manakah kejayaan peranan kelas ini di dalam memupuk dan menjalinkan Muhibbah antara kaum.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di Pertua, sekarang ada 2,541 buah Kelas Perpaduan Rakyat yang mempunyai pelajar-pelajar seramai 61,244 orang.

Tujuan asal rancangan Kelas Perpaduan Rakyat ini adalah untuk memberi peluang kepada orang-orang bukan Melayu yang tidak fasih dalam Bahasa Malaysia belajar bahasa tersebut untuk membolehkan mereka berhubung dengan rakyat-rakyat Malaysia yang lain melalui bahasa ini.

Pelajar-pelajar yang menghadiri kelas ini adalah diberi pelajaran bahasa Malaysia dan tatarakyat. Dari segi amalan, mereka juga digalakkan mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong, perayaan sambutan hari Kebangsaan, kemah belia (Aksi belia) dan lawatan-lawatan yang memberi peluang untuk mereka bercampur-gaul antara satu dengan lain dan juga dengan masyarakat amnya.

Adalah nyata bahawa pelajar-pelajar Kelas Perpaduan Rakyat, telah mendapat faedah besar daripada rancangan ini. Sebagai contoh, penyertaan mereka dalam rancangan Quiz Perpaduan Rakyat yang telah disiarkan di TV Malaysia tidak berapa lama dahulu telahpun mendapat pujian daripada orang ramai. Mereka telah menunjukkan antara lain-lain, taraf yang tinggi dalam kecekapan penguasaan Bahasa Malaysia.

Sebagai perkembangan daripada program yang berjalan sekarang dari tahun 1973 ini, orang-orang Melayu juga akan digalakkan menghadiri Kelas-kelas ini. Ini adalah selaras dengan dasar baru Kementerian Perpaduan Negara untuk menggunakan Kelas Perpaduan Rakyat bukan sahaja sebagai tempat mengajar bahasa Malaysia tetapi juga untuk memberikan pelajaran tatarakyat di mana

orang-orang Melayu dan bukan Melayu boleh bertukar-tukar idea dan pengalaman dan perhubungan mereka dengan masyarakat amnya. Adalah diharapkan daripada ini akan lahir satu kesedaran kebangsaan yang akan mengukuhkan lagi perhubungan antara kaum di negeri ini.

Akhirnya kelas-kelas ini boleh memainkan peranan yang penting untuk memupuk dan menjalin perasaan muhibbah di antara kaum-kaum di negeri ini. Kementerian Perpaduan Negara sangat sedar atas perkara ini dan tidak akan membazir-bazirkan semua tenaga dan usaha untuk mencapai matlamat ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Kementerian yang berkenaan menyatakan adakah benar bahawa ada kelas-kelas perpaduan rakyat yang mengajar bahasa Tionghua dijalankan kepada orang-orang Melayu. Jika ada, bolehkah Yang Berhormat memberi penعran dalam perkara yang tersebut?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di Pertua, bagi menjawab soalan itu tidak ada.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Oleh kerana adanya berlaku perselisihan antara pelajar-pelajar di dalam kelas perpaduan ini di beberapa tempat yang tertentu, adakah ini dapat dibuat kesimpulan bahawa usaha Kementerian ini untuk menjalankan muhibbah dengan mengadakan kelas ini kurang mendapat kejayaan?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Kita tidak sedar dan kalau ada perkara-perkara yang demikian bolehlah Ahli Yang Berhormat berunding dengan Kementerian Perpaduan Negara.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Apa yang saya maksudkan adakah dengan kejadian seperti itu membuktikan bahawa Kementerian ini kurang mendapat kejayaan di dalam menimbulkan perasaan muhibbah antara kaum dalam negeri ini?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di Pertua, itu saya tidak sedar berkenaan dengan apa yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

WAHIT BIN ABU— TIMBANGAN PENCEN

9. Tuan V. Veerappen (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertahanan menyatakan samada beliau akan menimbang memberikan satu pencen cacat anggota kepada seorang bekas perajurit, Encik Wahit bin Abu, yang telah berkhidmat di dalam tentera selama 14 tahun dari tahun 1955 hingga tahun 1969, dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Tuan Yang di Pertua, Kementerian Pertahanan telahpun menimbangkan kes Perebet Wahit bin Abu dengan telitinya tetapi dukacita tidak dapat mengurniakan pencen tak berupaya kepada beliau. Ini adalah sebab Peraturan-peraturan Pencen Angkatan Tentera yang berkuatkuasa semasa beliau diberhentikan dari Angkatan Tentera tidak membolehkan bayaran pencen tak berupaya kepada anggota-anggota tentera yang terpaksa diberhentikan oleh kerana mengidap penyakit yang tidak berkaitan atau diakibatkan oleh tugas-tugas tentera mereka.

Walau bagaimanapun kes Perebet Wahit bin Abu telah dirojokkan, kepada Jawatankuasa Kumpulan Wang Derma Pertahanan Negara untuk pertimbangan khas dan sukacita saya mengumumkan bahawa Jawatankuasa tersebut telah pun bersetuju membayar elaun bulanan sebanyak \$162.00 kepada beliau daripada wang Tabung tersebut mulai daripada 1-1-73.

LATIHAN BUMIPUTRA— PELABUR ASING

10. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan kemajuan latihan yang telah diberi oleh pelabur-pelabur asing kepada rakyat negara ini khasnya Bumiputra.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Musa Hitam): Tuan Yang di Pertua, semua syarikat yang mendapat kelulusan Kementerian saya untuk menubuhkan projek-projek perkilangan adalah dikenakan syarat supaya mengambil pekerja-pekerja dan melatih rakyat Malaysia dalam semua peringkat pekerjaan hingga ke peringkat pengurusan dan ini mestilah mencerminkan komposisi penduduk-penduduk berbilang kaum di negara ini.

Oleh itu syarikat-syarikat di dalam sektor perkilangan bukan sahaja dikehendaki mengambil pekerja-pekerja daripada warganegara Malaysia yang terdiri dari berbilang kaum malahan dikehendaki juga mengadakan satu rancangan melatih pekerja-pekerja tempatan untuk membolehkan mereka menjalankan kerja-kerja yang ditugaskan kepada mereka dengan sempurna.

Berbagai-bagai cara latihan telah diaturkan oleh syarikat-syarikat yang berkenaan:

- (i) Syarikat-syarikat yang berkenaan mengadakan rancangan latihan dalam perkhidmatan dan latihan sambil bekerja mereka sendiri untuk melatih pekerja-pekerja tempatan dalam berbagai bidang kemahiran perindustrian. Latihan-latihan ini ada kalanya dijalankan di dalam syarikat itu sendiri, di seberang laut ataupun di pusat-pusat latihan. Latihan-latihan ini adalah terbuka untuk semua bangsa dan bukannya dihadkan kepada Bumiputra sahaja. Namun demikian cara ini telah dapat membanyakkan bilangan pekerja-pekerja Bumiputra terutamanya dalam peringkat-peringkat pekerjaan yang memeriuakan kemahiran.
- (ii) Syarikat-syarikat yang berkenaan juga ada mengeluarkan biasiswa kepada pelajar-pelajar tempatan yang mengikut kursus-kursus tertentu di institusi-institusi pengajian tinggi sebagai satu langkah untuk mendapatkan pekerja-pekerja di peringkat eksekutif dan pengurusan. Sebilangan daripada biasiswa-biasiswa tersebut adalah juga diberikan kepada Bumiputra.

Kerajaan senentiasa mengawasi rancangan-rancangan latihan yang dijalankan oleh syarikat-syarikat asing melalui Jawatankuasa Pewarganegaraan dalam perdagangan dan perindustrian di bawah kelolaan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Jawatankuasa ini adalah ditugaskan untuk memastikan bahawa jawatan-jawatan asing, kecuali jawatan-jawatan yang penting, akan diambil alih oleh pekerja-pekerja tempatan dalam tempoh yang ditentukan. Dalam melaksanakan tugas ini pihak Jawatankuasa juga menentukan bahawa sebilangan daripada pelatih-pelatih tempatan adalah terdiri daripada Bumiputra.

Dalam usaha untuk memperbanyakkan penyertaan Bumiputra dalam peringkat-peringkat pekerjaan yang memerlukan kemahiran, pihak Kerajaan sendiri ada menjalankan rancangan-rancangan latihan kemahiran perusahaan yang bertujuan untuk melatih warganegara tempatan khususnya Bumiputra.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Bagaimana yang tercatat dalam soalan saya ialah tentang perlu saya mendapat penjelasan berhubung dengan kemajuan di atas syarat-syarat yang telah dikenakan oleh pihak Kerajaan dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian berhubung dengan syarikat-syarikat asing dan syarikat tempatan untuk melatih rakyat Malaysia khususnya bumiputra. Jadi apa yang saya minta kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan tentang kemajuannya, bukan ertinya syarat-syarat. Saya setuju dengan syarat-syarat yang telah kemukakan dan apa yang saya tahu pun memang demikian. Tetapi sejauh mana sehingga ini, kalau tidak boleh diberi angkanya, berapa anggarannya tentang orang-orang Melayu atau bumiputra yang telah dilatih oleh pihak syarikat itu?

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, dari segi angka-angka saya dukacita oleh sebab nampaknya soalan ini tidak berkehendakkan angka-angka yang tertentu dan saya berpendapat bahawa jawapan yang telah saya berikan tadi lah yang menunjukkan kemajuan iaitu bagaimana syarikat-syarikat ini telah pun menjalankan ataupun melaksanakan rancangan-rancangan melatih mereka-mereka yang berkenaan seperti di tanya oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Tuan V. Veerappen: Sungguhpun syarat-syarat itu diadakan, tetapi adakah bahagian dalam Kementerian ini untuk menjaga atau mengawal syarikat-syarikat yang ada memberi latihan kepada penduduk-penduduk negeri kita?

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, di dalam Kementerian saya ada satu follow-up section ataupun bahagian untuk memperhatikan bahawa syarat-syarat yang dikenakan oleh Kementerian kepada industri-industri ini haruslah di penuhi.

HOSPITAL DAERAH DI PUCHONG

11. Tuan Hor Cheok Foon bertanya kepada Menteri Kesihatan adakah beliau mempunyai

apa-apa rancangan untuk membina sebuah hospital daerah di Puchong, dan jika ya, bilakah kerja-kerja pembinaan akan dimulakan.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di Pertua, Kementerian saya tidak ada mempunyai rancangan untuk membina sebuah Hospital Daerah di Puchong di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Walau bagaimanapun, Kementerian saya sedang memberi pertimbangan untuk membina sebuah polyklinik di Puchong untuk penduduk-penduduk di kawasan tersebut. Perkara ini akan dibincangkan dalam Pengkajian Semula Penggal Pertengahan Rancangan Malaysia Kedua.

YURAN SEKOLAH— MENGHAPUSKAN BAYARAN

12. Tuan V. Veerappen minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau akan menghapuskan bayaran yuran-yuran sekolah di sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan dengan secara beransur-ansur apabila sekolah-sekolah itu menjadi sekolah-sekolah Kebangsaan dengan menjadikan bahasa pengantarnya Bahasa Kebangsaan seperti juga sekolah-sekolah kebangsaan di negara kita.

Menteri Pelajaran (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Tuan Yang di Pertua, Kementerian saya sedang mengkaji perkara menghapuskan bayaran yuran sekolah menengah dan akan membuat satu kenyataan mengenai nya kelak.

GAJI MINIMA PEKERJA

13. Tuan V. Veerappen minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat mengeluarkan satu arahan kepada majikan-majikan untuk memaparkan satu papantanda dalam empat bahasa yang menunjukkan pendapatan minima pekerja-pekerja untuk mengelakkan peras memeras oleh pihak majikan-majikan dengan membayar gaji yang rendah dari gaji tetap yang ditawarkan kepada pekerja-pekerja sebagaimana yang telah dibuat pada masa-masa yang lampau.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di Pertua, di mana kadar gaji minima berkenaan dipakai di bawah Ordinan Majlis Gaji, kadar gaji dan butir-butir lanjut yang lain hendaklah di

pamirkan dengan jelasnya di tempat pekerjaan bagi pekerja-pekerja berkenaan. Kehendak-kehendak ini, pada masa sekarang, terpakai bagi pekerja-pekerja yang bekerja di kedai-kedai, panggong wayang, hotel dan restoran-restoran dan juga pekerja-pekerja di pelabuhan Pulau Pinang kerana kadar gaji minima adalah dipakai bagi mereka.

Bagi kes-kes dimana gaji minima tidak dipakai, memaparkan papantanda mengenai kadar gaji tidaklah memberi apa-apa faedah. Jika pekerja-pekerja dibayar gaji rendah dari gaji yang telah dipersetujui, ini adalah sebenarnya satu penyelewengan kontrek oleh pihak majikan. Pekerja yang berkenaan bolehlah mengatasinya dengan mengadakan kepada Pejabat Buruh yang berdekatan.

Tuan V. David: Soalan tambahan. Kalau Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh menyiasat kilang letronik di Pulau Pinang yang boleh saya katakan menerima gaji yang rendah, saya minta bolehkah Kerajaan menyiasat dan appoint Wages Council Ordinance di electronic factory di Pulau Pinang itu?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di Pertua, sebagaimana sahabat saya Yang Berhormat Menteri telah menjawab pada masa Dewan bersidang dalam Dewan yang mulia ini mengatakan bahawa kita memang sedar iaitu di Kilang Letronik bukan itu sahaja bahkan di kilang textile juga bahawa Kementerian Buruh sedang mengkaji oleh Majlis Penetapan Gaji bagi menyiasat dan membuat kajian-kajian itu dan akan kita beritahu kelak kepada Ahli Yang Berhormat.

PERKHIDMATAN MAS KE SARAWAK

14. Tuan Edmund Langgu (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar tentang sangat kekurangannya perkhidmatan udara dari lain-lain tempat di Sarawak ke Bahagian Kelima dan apa tindakan telah diambil untuk memperbaiki lagi perkhidmatan tersebut.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di Pertua, buat masa ini MAS mengadakan 2 penerbangan seminggu diantara 3 bandar-bandar di Bahagian Kelima Sarawak iaitu Limbang, Lawas dan Long Semado. Selain daripada ini MAS juga mengadakan:

- 16 penerbangan/seminggu di antara Limbang, Lawas dan Miri;

- 4 penerbangan/seminggu di antara Long Semado dan Miri;

- 2 penerbangan/seminggu di antara Long Semado dan Bario; dan

- 7 penerbangan tambahan/seminggu di antara Limbang, Lawas dan Kota Kinabalu.

Penerbangan mingguan juga dilancarkan dari Limbang dan Lawas ke beberapa tempat di Sarawak iaitu Mukah, Sibul, Simanggang dan Kuching. Perkhidmatan-perkhidmatan MAS yang ada sekarang adalah cukup memandang pada keadaan di sana. Sekiranya bilangan penumpang-penumpang bertambah MAS akan mengadakan lebih banyak lagi perkhidmatan untuk menyesuaikan dengan tambahan penumpang-penumpang itu.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, saya ada terbaca dalam suratkhbar, MAS ada lease satu kapalterbang Boeing 707, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini mengapa kita tidak membeli sebuah kapalterbang Boeing 707? mengapa kita ambil lease, barangkali ratenya itu lebih bukanlah lebih baik kita beli sebuah yang baharu?

Tan Sri Sardon bin Haji Jubir: Ini soal kapalterbang kecil di Sarawak.

PEKERJA—PEKERJA MAS

15. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Perhubungan menyatakan jumlah bilang pekerja yang diambil bekari oleh MAS mengikut bangsa hingga sekarang.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, jumlah pekerja-pekerja yang berkhidmat dengan MAS ialah 2,762 orang di Malaysia Barat dan Timor dan 298 orang di pejabat-pejabat MAS di luar negeri. Bagi menjaga kepentingan orang ramai (public interest) Kementerian ini tidak dapat memberi bilangan pekerja-pekerja tersebut dari segi bangsa-bangsa, kita bukan communalis. Walau bagaimanapun Kementerian ini suka menerangkan bahawa urusan pengambilan pekerja-pekerja oleh MAS adalah mengikuti dasar Kerajaan kita.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu berapa orang expatriate officer ataupun alien bekerja dengan MAS?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Itu soalan baharu. Kalau hendak bertanya soalan itu, hendaklah beri notis dahulu, kerana saya hendak tahu berapa banyak.

Tuan V. David: Itu ada bersangkutan dengan soalan ini, berapa orang yang warga-negara dan berapa orang yang tidak warga-negara.

Tuan Yang di Pertua: Dia tidak sediakan angka-angka itu, katanya.

PENUBUHAN INDUSTRI—GALAKAN

16. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan supaya pelabur-pelabur asing tidak akan mencari keuntungan dalam jangka masa yang pendek sahaja dan berapakah kadar keuntungan yang mereka minta berbanding dengan modal mereka.

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, Kerajaan tidaklah hanya menggalakkan penubuhan industri-industri yang mementingkan perolehan keuntungan dalam tempoh jangka pendek sahaja tetapi adalah juga menggalakkan penubuhan industri-industri yang mempunyai tempoh penyesuaian atau "gestation period" yang panjang. Pelabur-pelabur asing adalah juga digalakkan oleh Kerajaan untuk melabur dalam projek-projek yang memerlukan modal yang banyak seperti besi waja, limbongan kapal, projek gula dan kayu-kayan yang dipersatukan, kilang membuat kertas dan kayu lumat, kompleks membuat barang-barang kimia dan minyak petrol yang mana tiap-tiap satu daripada memerlukan masa bertahun-tahun sebelum keuntungan dapat diperolehi. Galakan yang diberikan kepada pelabur-pelabur asing untuk melabur dalam sektor itu ialah ujudnya suasana pelaburan yang menarik di negara ini, galakan-galakan belanjawan, perlindungan pasaran dan kemudahan-kemudahan praserana (infrastructure.)

Berhubung dengan bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat itu, suka saya menegaskan iaitu faktor asasi yang menggalakkan pengusaha-pengusaha melaburkan modal ialah harapan keuntungan yang mungkin diperolehi daripadanya. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan dasar untuk menggalakkan jumlah pelaburan yang

besar di dalam perindustrian, Kerajaan tiada berniat untuk mengambil apa-apa tindakan untuk menghadkan paras keuntungan yang diperolehi daripada satu-satu projek itu. Bagaimanapun Kerajaan telah mengambil tindakan secara tidak langsung untuk mempengaruhi paras keuntungan yang mungkin diperolehi oleh setengah-setengah syarikat dengan cara mengawasi harga jualan. Pemeriksaan juga dibuat ke atas paras keuntungan yang diperolehi dengan cara membenarkan kemasukan pengusaha-pengusaha baharu ke dalam satu-satu sektor itu untuk mengujudkan pertandingan yang sihat.

Tuan V. Veerappen: Soalan tambahan, Tuan Yang di Petua, oleh kerana tujuan Kerajaan ialah menolong industri-industri yang baharu, tetapi kalau ada industri-industri yang mendapat keuntungan besar 40%/45% tiap-tiap tahun bolehkah Kerajaan menarik balik tax incentive yang diberikan kepada industri itu?

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, tax intantsive yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebenarnya dilaksanakan kepada industri-industri yang diberi keistimewaan. Jadi kalaulah sesudah beberapa tahun sesuatu industri telah mula mendapat untung mengikut jadualnya sendiri, maka dengan sendirinya tax incentive itu akan jatuh. Dan juga saya suka kalau dapat Ahli Yang Berhormat itu memberitahu kepada saya manakah industri-industri yang telah mendapat untung hingga 40% hingga 50% semenjak mereka diberikan lesen untuk berniaga di dalam negara kita?

Tuan V. Veerappen: Boleh.

SEKOLAH MENENGAH METHODIST, NIBONG TEBAL

17. Tuan V. Veerappen minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah Kerajaan tidak memberi layanan dan kemudahan-kemudahan yang sama kepada sekolah-sekolah yang dikelolakan oleh "Brothers" dan "Sisters" dan lain-lain pengembang-pengembang ugama seperti Sekolah Menengah Methodist di Nibong Tebal.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohammed bin Rahmat): Tuan Yang di Pertua, dari segi perbelanjaan mengurus tidak ada perbedzaan layanan dan

kemudahan-kemudahan yang diamalkan di antara sekolah-sekolah kepunyaan Kerajaan dengan sekolah-sekolah yang dikelolakan oleh pengembang-pengembang ugama termasuk Sekolah Menengah Methodist di Nibong Tebal.

Walau bagaimanapun, dari segi pemberian bantuan modal (capital grant) memang ada perbedaannya. Bagi sekolah-sekolah yang dikelolakan oleh pengembang-pengembang ugama itu Kerajaan memberi bantuan modal sehingga 50% sahaja daripada perbelanjaan pembangunan. Ini ialah kerana bangunan serta tapak bangunan sekolah-sekolah tersebut tidak dimiliki oleh Kerajaan.

Tuan V. Veerappen: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian ataupun Kerajaan bercadang untuk mengambil alih sekolah-sekolah ini oleh kerana Kerajaan membayar semua belanja mengurus dan gaji-gaji dan seperti yang dikatakan tadi 50% untuk membeli tanah dan bangunan dan ini pun juga dikutip dari rakyat Malaysia, oleh kerana itu bolehkah Kerajaan mengambil balik sekolah-sekolah ini dan berjalan sebagai sekolah kebangsaan ataupun sekolah Kerajaan.

Tuan Mohammed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, kalau satu-satu barang itu bukan kita punya kita tidak boleh ambil balik, tetapi kalau pihak yang lain itu hendak menyerahkan barang dia itu kita sedia menerima—itu masalaah yang sebenarnya.

Tuan V. Veerappen: Tuan Yang di Pertua, adakah Kerajaan sedar iaitu kalau sekolah-sekolah ini tidak dapat bantuan yang serupa murid-murid yang mendapat kesusahan, oleh kerana itu tidak bolehkah Kerajaan membayar compensation dan ambil alih sekolah ini?

Tuan Mohammed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, kalau dari segi kepentingan murid-murid sekolah kita tidak pernah menolak mana-mana permohonan untuk bantuan modal jika kita merasakan bahawa permohonannya yang dibuat itu sesuai dengan tujuan hendak memberi pelajaran kepada kanak-kanak tetapi mengenai soal yang ditimbulkan tadi, jawapan saya tidak berubah.

Datuk Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan.

Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bersetuju iaitu pada keseluruhannya sehingga sekarang ini sekolah-sekolah yang dikelolakan oleh Brothers and Sisters itu telah berjalan dengan cukup memuaskan hati dan juga mengikuti dasar-dasar Kerajaan yang ditentukan oleh Kerajaan dan dengan hal yang demikian tidaklah perlu bagi Kerajaan ditingkat ini untuk mengambil alih mana-mana sekolah yang telah berjalan dengan begitu baik.

Tuan Mohammed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, saya setuju.

SYARIKAT BERTARAF PERINTIS

18. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan pelabur-pelabur yang menanam semula modal dan keuntungan yang mereka perolehi setelah tamat tempuh taraf perintis dan samada mereka membawa ke negeri mereka masing-masing semua modal serta keuntungan yang diperolehi itu.

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, Kementerian saya buat masa ini tidak mempunyai apa-apa data yang tepat mengenai bilangan syarikat-syarikat bertaraf perintis yang melabur semula modal dan keuntungan-keuntungan yang telah diperolehi setelah tamat tempuh taraf perintis mereka. Walau bagaimanapun adalah diketahui bahawa banyak juga di antara syarikat-syarikat ini telah memperluas atau memperbagaikan usaha-usaha mereka dengan menggunakan keuntungan-keuntungan tersebut.

Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk tidak mengadakan sebarang sekatan ke atas pembawaan keluar keuntungan-keuntungan dan dividen-dividen yang diperolehi. Ini dengan sendirinya adalah satu galakan yang besar dalam menarik pelaburan modal asing ke negara ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian bercadang di masa yang akan datang membuat peraturan supaya kadar keuntungan dihadkan untuk dibawa keluar dari negeri ini?

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, di masa ini tidak.

TUNGGAKAN GAJI GURU DI PERAK

19. Tuan V. Veerappen minta Menteri Pelajaran menyatakan samada benar bahawa Pejabat Pelajaran di Ipoh di dalam keadaan kucar-kacir dan ini adalah satu sebab utama tentang kelambatan membayar gaji kebelakangan kepada guru-guru di Negeri Perak; jika ya, apakah tindakan yang telah diambil untuk membaiki keadaan kucar-kacir ini; dan jika tidak, nyatakan sebab kelambatan itu.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, tuduhan itu adalah tidak benar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bilangan guru-guru yang terlibat di dalam pembayaran tunggakan gaji di negeri Perak ialah 11,510 orang dan ini adalah satu bilangan yang sangat besar. Di dalam menempatkan ke tanggagaji bersih dan pembayaran tunggakan gaji, beberapa peraturan tertentu mesti diikuti, umpamanya menyediakan laporan perubahan membuat paysheet, baucer dan sebagainya dan ini adalah memakan masa.

Walau bagaimanapun, setakat ini Jabatan Pelajaran Negeri Perak telah membayar hampir-hampir ke semua guru-guru yang terlibat. Baki guru yang belum dibayar tunggakan gaji mereka hanya 79 orang.

Kelewatan pembayaran kepada baki guru-guru ini ialah kerana Jabatan Pelajaran Negeri Perak tidak dapat mengesahkan setengah-setengah laporan perubahan bagi guru-guru tersebut kerana beberapa masalah. Di antara masalah-masalah tersebut termasuklah:

- (a) Ketiadaan bukti kelulusan yang menunjukkan bahawa guru-guru berkenaan layak ditempatkan ke dalam kategori yang lebih tinggi sedangkan guru-guru pula enggan menerima penempatan ke dalam kategori yang rendah untuk sementara waktu mengikut kelulusan mereka yang ada sekarang, terutama sekali mereka yang lulus sebelum perang;
- (b) Kesilapan-kesilapan di dalam laporan-laporan perubahan dan rekod-rekod perkhidmatan guru-guru yang berlaku pada masa yang lampau yang sekarang terpaksa diperbetulkan dahulu;

(c) Bagi guru-guru Sekolah-sekolah Cina (Conforming School) kebanyakan rekod perkhidmatan mereka tidak ada di Pejabat Pelajaran Ipoh kerana guru-guru itu tidak pernah menjadi pegawai-pegawai Kerajaan Sekolah-sekolah Conforming ini dahulunya ialah sekolah-sekolah swasta dan guru sekolah-sekolah tersebut tidak pernah mempunyai kenyataan-kenyataan perkhidmatan. Oleh yang demikian sebelum guru-guru tersebut dapat dibayar tunggakan gaji mereka kenyataan-kenyataan perkhidmatan bagi guru-guru tersebut terpaksa disediakan terlebih dahulu.

Jabatan Pelajaran Negeri Perak akan mencuba dengan seberapa boleh untuk menyelesaikan pembayaran tunggakan gaji pada guru-guru yang belum dibayar ini.

CUKAI PENDAPATAN BERASINGAN

20. Tuan Hashim bin Gera minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau akan mengenakan cukai pendapatan kepada isteri yang bekerja dan suaminya berasingan dan tidak mengenakan cukai itu kepada suami atas pendapatan yang dicantumkan.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, saya tidak ada apa-apa lagi untuk ditambah kepada jawapan yang saya berikan kepada soalan yang serupa semalam.

PENGKALAN TENTERA ASING

21. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada benar bahawa di Malaysia masih terdapat pengkalan-pengkalan tentera asing dan pasukan-pasukan asing ini akan diminta berundur dari negeri ini tidak berapa lama lagi.

Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri (Datuk Wan Abdul Kadir bin Ismail): Tuan Yang di Pertua, pengkalan-pengkalan tentera asing tidak ada di Malaysia, tetapi ada terdapat dua skuadron tentera udara Australia ditempatkan di Pengkalan Tentera Udara di Raja Malaysia di Butterworth. Skuadron-skuadron ini ditempatkan di Malaysia di bawah Peraturan Pertahanan Lima Negara. Saya telah terangkan di Dewan ini bahawa kita menjangka apabila konsep pengecualian telah diterima oleh

semua negara-negara Asia Tenggara, Peraturan Pertahanan Lima Negara akan dimansokkan berperingkat-peringkat apabila kehendak-kehendak pengecualian dipenuhi. Adalah dijangkai apabila perkecualian terujud sepenuhnya, pengkalan-pengkalan tentera asing akan tidak ada lagi.

LAWATAN KE CINA—CADANGAN

22. Tuan Chan Fu King (*di bawah S.O. 24*) (2)) minta Menteri Luar Negeri menyatakan, oleh kerana lawatan-lawatan telah dibuat ke dua buah negara mendapatkan sokongan terhadap pengecualian Asia Tenggara, samada lawatan ke negara kuasa besar ketiga, Cina, akan dibuat tidak lama lagi.

Datuk Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di Pertua, pada masa ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak ada cadangan untuk melawat negeri Cina. Saya suka menjelaskan bahawa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Amerika Syarikat dan Soviet Union telah dibuat dengan tujuan untuk mengeratkan lagi persahabatan kita dengan negara-negara tersebut. Walaubagaimanapun Perdana Menteri telah mengambil kesempatan itu untuk menerangkan secara am kepada Kerajaan Amerika dan Soviet Union konsep pengecualian Asia Tenggara.

REPABLIK RAKYAT CINA— HUBUNGAN

23. Tuan Chan Fu King (*di bawah S.O. 24*) (2)) bertanya kepada Menteri Luar Negeri:

- (a) adakah terdapat sebarang perkembangan dalam tiga bulan yang lepas terhadap merapatkan perhubungan antara Malaysia dan Republik Rakyat Cina; dan
- (b) adakah Kerajaan Malaysia sedang menimbang untuk membuat satu mesyuarat negara-negara ASEAN untuk mencadangkan satu inisiatif ASEAN bagi memulihkan kembali perhubungan antara Republik Rakyat Cina dan negara-negara ASEAN memandangkan kepada lawatan Perdana Menteri Tanaka dari Jepun ke Peking yang telah selanjutnya membuka jalan baru kemungkinan ujudnya perhubungan antarabangsa di dunia terutama sekali di Tenggara Asia.

Datuk Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di Pertua,

- (a) Tidak terdapat apa-apa perubahan di dalam hubungan Malaysia dengan Republik Rakyat Cina, yang hanya terhad kepada perkara-perkara perdagangan secara tidak resmi dan dalam bidang sukan.
- (b) Soal pemulihan semula hubungan antara negara-negara ASEAN dengan Republik Rakyat Cina adalah soal bilateral, dan terpuulanglah kepada tiap-tiap negara ASEAN sendiri untuk mengambil keputusan. Walaubagaimanapun, Menteri-menteri Luar Negara-negara ASEAN telah bersetuju untuk membincangkan antara mereka berhubung dengan perkara ini.

DASAR PENGECCUALIAN

24. Tuan Chan Fu King (*di bawah S.O. 24*) (2)) minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada lawatan beliau ke Negara Russia dan Switzerland untuk menjelaskan dasar pengecualian di Asia Tenggara telah berjaya, memandangkan peranan beliau sebagai Pengasas Utama di dalam usaha menghasilkan konsep Aisa Tenggara yang Berkecuali.

Datuk Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di Pertua sepertimana yang telah diterangkan dalam Dewan ini, lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Russia dan Switzerland dan juga ke Austria dan Poland telah dibuat untuk memperluaskan dan menguatkan lagi kerjasama di antara Malaysia dengan negara-negara tersebut. Berkenaan dengan dasar Pengeccualian, Perdana Menteri telah mengambil kesempatan lawatan itu untuk menjelaskan kepada negara-negara yang tersebut sebab-sebab dan apa yang dimaksudkan oleh kita dalam mencadangkan Pengeccualian Asia Tenggara. Pemimpin-pemimpin negara-negara yang dilawati telah mendengar dan menerima penjelasan itu dengan penuh perhatian dan persefahaman dan dari segi ini bolehlah dikatakan lawatan itu telah sungguh berjaya dan memuaskan.

KENYATAAN PERDANA MENTERI AUSTRALIA

25. Tuan Chan Fu King (*di bawah S.O. 24*) (2)) minta Menteri Luar Negeri menyatakan apa penjelasan telah Kerajaan Malaysia dapat daripada Perdana Menteri Australia,

Encik William McMahon terdapat kenyataannya yang dibuat di dalam Parlimen Australia bahawa Pasukan-pasukan Keselamatan Australia di Singapura mungkin digunakan untuk campurtangan pergaduhan di antara Malaysia dan Singapura.

Datuk Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di Pertua, dalam siaran soal-jawab dalam talivision pada 9hb Oktober, Perdana Menteri Australia (pada masa itu) telah membuat contoh dalam mana askar-askar Australia di Singapura boleh mencegah kemungkinan tercetusnya perselisihan di antara Malaysia dan Singapura.

Kita menganggap kenyataan itu sebagai tidak betul dan tidak bijak. Dari itu kita telah membawa perkara ini keperhatian Kerajaan Australia dan mereka telah menulis menyatakan bahawa dasar Australia tidak berubah terhadap Peraturan Pertahanan Lima Negara itu ataupun terhadap kedudukan tentera Australia di Malaysia/Singapura seperti yang nyata dalam Peraturan itu. Tidak adapun syarat/peruntukan bagi askar-askar Australia di Singapura itu mencampuri sekiranya terdapat perselisihan di antara Malaysia dan Singapura.

Saya boleh tegaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa sekiranya terdapat perselisihan di antara Malaysia dan Singapura, soal penyelesaian masalah itu adalah untuk kedua-dua negara, Malaysia dan Singapura, menyelesaikannya sendiri.

SELAT MELAKA

26. Tuan Abu Bakar bin Umar: minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah beliau telah membangkitkan soal kedaulatan Malaysia ke atas Selat Melaka dalam rundingan-rundingan resmi dan tidak resmi dengan pemimpin-pemimpin Russia sewaktu beliau melawat negeri itu baru-baru ini, dan adakah Russia telah menerima dakwaan Malaysia bahawa Selat Melaka itu adalah hak Malaysia dan bukan hak antarabangsa.

Datuk Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat mungkin mengetahui, satu Mesyuarat Antarabangsa mengenai Undang-undang Laut akan diadakan pada akhir tahun ini dan tahun depan,

Dari itu tidaklah wajar untuk mengharap Kerajaan membuat ketetapan akhir dalam soal Selat-selat pada masa ini kerana perkara itu akan dibawa ke Mesyuarat tersebut kelak.

PUSAT PENGAJIAN PEMBANGUNAN MALAYSIA—KEJAYAAN

27. Tuan Chan Fu King (*di bawah S.O. 24*)
(2) minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) tujuan-tujuan dan objektif-objektif Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia (Malaysian Centre for Development Studies); dan
- (ii) Kejayaan yang telah dicapai oleh Pusat ini hingga hari ini.

Datuk Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di Pertua,

- (i) Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia telah ditubuhkan dalam tahun 1966 dengan tujuan-tujuan berikut:

- (a) untuk mengujudkan satu badan bagi menimbangkan aspek-aspek ekonomi, kemasyarakatan, pentadbiran dan politik dalam konteks pembangunan Malaysia melalui pertukaran-pertukaran pendapat yang acap antara pegawai-pegawai di Malaysia dan pegawai-pegawai dari negara-negara membangun;

- (b) untuk menjalankan siasatan mengenai masalah-masalah kemasyarakatan dan lain-lain yang ditempuhi dalam proses pembangunan negara di Malaysia dan negara-negara membangun yang lain.

- (ii) sejak penubuhannya, Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia telah menjalankan tugas-tugasnya melalui tiga jenis kegiatan:

- (a) penyelidikan mengenai berbagai-bagai masalah pembangunan;

- (b) mengadakan seminar-seminar antarabangsa, kebangsaan dan juga bengkel-bengkel perbincangan dan simposia;

- (c) percetakan kajian-kajian, majalah-majalah dan lain-lain risalah khusus mengenai masalah dan teknik pembangunan.

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

(Usul-usul)

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Musa Hitam): Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga semua urusan yang tertara di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini telah selesai dipertimbangkan, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini hendaklah ditangguhkan pada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga semua urusan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini telah selesai dipertimbangkan, dan apabila tamat mesyuarat Dewan ini hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

ORDINAN EKSAIS SABAH No. 18 TAHUN 1959

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 4), 1972

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 3, Ordinan Eksais, Sabah, No. 18 tahun 1959, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 4), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 8 tahun 1973 disahkan.

Perintah yang ada di hadapan Majlis ini ialah bertujuan untuk menaikkan kadar duti eksais atas minyak petrol daripada 65 sen kepada \$1.20 segelen dan atas minyak

pelicin (lubrication oil) daripada 65 sen kepada \$1.00 segelen. Perintah ini yang dikenakan di Sabah telah dibuat berikutan dengan permintaan daripada Kerajaan Negeri Sabah. Di bawah peraturan-peraturan perlembagaan hasil daripada duti-duti tersebut di atas adalah diberi kepada Kerajaan Negeri itu.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam seksyen 3, Ordinan Eksais, Sabah No. 18 tahun 1959, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 4) 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 8 tahun 1973 disahkan.

AKTA KASTAM 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 24), 1972

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11 Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 24), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 9 tahun 1973 disahkan.

Tujuan Perintah ini ialah untuk menaikkan duti-duti impot atas minyak petrol dan minyak-minyak seumpama itu termasuk minyak pelicin dan barang-barang daripada minyak pelicin. Duti-duti impot atas minyak petrol dan minyak-minyak seumpama itu dinaikkan daripada 65 sen kepada \$1.20 segelen manakala duti-duti impot atas minyak pelicin dinaikkan daripada 65 sen kepada \$1.05 segelen dan barang-barang daripada minyak pelicin dutinya dinaikkan daripada 65 sen kepada \$1.00 segelen. Perintah ini yang dikenakan di Sabah telah dibuat berikutan dengan permintaan daripada Kerajaan Negeri Sabah. Sebagaimana

yang disebutkan dahulu hasil daripada duti-duti tersebut adalah diberi kepada Kerajaan Negeri itu, di bawah peraturan-peraturan perlembagaan sekarang.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 24), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 9 tahun 1973 disahkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LALULINTAS JALAN DAN KERETA- KERETA MOTOR (NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU) SARAWAK DAN SABAH (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Akta Lalu Lintas dan Kenderaan Bermotor (Negeri-negeri Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah) (Pindaan), 1973 dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini adalah mengandungi cadangan-cadangan Pindaan kepada Ordinan Lalu Lintas Jalan, 1958 bagi Negeri-negeri Tanah Melayu, Ordinan Lalu Lintas Jalan, 1960 bagi Negeri Sarawak dan Ordinan Kenderaan Jalan, 1963 bagi Negeri Sabah. Undang-undang ini hendaklah akan mula berkuatkuasa dari tarikh ianya diluluskan.

Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih di atas syor-syor Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali Parti-parti Pembangkang dan juga pihak Bebas supaya mengambil tindakan keras kepada mereka yang melakukan kesalahan lalu lintas, samada pemandu kenderaan perdagangan ataupun kereta-kereta persendirian. Pada hari ini saya telah

membawa syor-syor tersebut ke Dewan Yang Mulia ini dan saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk dari pihak Pembangkang dan Bebas akan memberi sokongan penuh terhadap pindaan Rang Undang-undang tersebut supaya dapat menyempurnakan cadangan-cadangan mereka yang selama ini telah disuarakan di dalam Dewan ini. Syor-syor memperketatkan lagi hukuman yang dikenakan ke atas pemandu-pemandu dan tuan-tuan punya kenderaan ini agak lewat sedikit dibentangkan dalam Dewan Yang Mulia ini, kerana Kementerian saya dengan kerjasama daripada Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain adalah mengambil masa sedikit untuk berikhtiar mencari jalan yang paling berkesan sekali bagi meminda undang-undang tersebut dengan tujuan untuk mengurangkan daripada berlakunya kemalangan terutama sekali kemalangan-kemalangan yang dahsyat di jalan-jalan raya yang telah kita baca tiap-tiap hari dalam surat-surat-khabar.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa bilangan kenderaan dalam Negeri-negeri Tanah Melayu ini telah bertambah dari masa ke semasa; malangnya apabila bertambah bilangan keretanya, bilangan kematian telah juga bertambah kerana dengan banyaknya bilangan kemalangan. Dalam tahun 1967, bilangan kenderaan ialah sebanyak 505,455 buah manakala bilangan kemalangan jalanraya ialah 25,136 dan bilangan kematian akibat kemalangan jalanraya ialah 700. Lima tahun kemudian manakala dihujung bulan Ogos, 1972, jumlah bilangan kenderaan di atas jalanraya ialah 787,737 buah. Bilangan kenderaan yang terlibat dalam kemalangan bagi tempoh hanya 8 bulan bagi tempoh dari Januari hingga Ogos, 1972 ialah 25,728 dan bilangan kematian kerana kemalangan jalan raya bagi tempoh 8 bulan yang tersebut itu ialah 900 orang. Angka-angka ini menunjukkan betapa perlunya Kerajaan mengambil langkah-langkah untuk mencegah kemalangan yang menyebabkan kematian yang disebabkan oleh kemalangan kenderaan di jalanraya, sekurang-kurangnya bilangan kemalangan dan kematian dapat dikurangkan. Perbekalan di dalam Undang-undang Lalu Lintas yang berkuatkuasa sekarang ini sudah didapati tidak sesuai lagi kerana kuasa-kuasa dan hukuman-hukuman yang diberi kepada Mahkamah dan penguatkuasa lain nampaknya tidak begitu luas.

Faktor utama yang menyebabkan kemalangan itu ialah kurang cermat dan juga kurang bertimbang rasa di kalangan pemandu-pemandu, khususnya memandang kepada bilangan pengaduan, keluhan dan juga sungutan yang dibuat mahupun di dalam Dewan yang berbahagia ini ataupun di luar daripada khalayak orang ramai terhadap pemandu-pemandu lori, van, teksi dan bas.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini mengadakan dua cara tindakan. Cara tindakan yang pertama ditujukan kepada pemandu-pemandu amnya. Pindaan kepada Seksyen-seksyen 33, 34, 34A, 35 dan 36 adalah bertujuan memberi kuasa kepada Mahkamah-mahkamah yang berkenaan menjatuhkan hukuman denda atau penjara yang lebih berat lagi di atas kesalahan-kesalahan bersabit dengan memandu kenderaan. Mithalnya denda di atas kesalahan di bawah Seksyen 33 yang sekarang ini dihadkan kepada \$500.00 akan dinaikkan kepada \$1,000.00 ataupun penjara tidak lebih daripada 6 bulan atau kedua-duanya sekali. Dan seterusnya kesalahan-kesalahan di bawah Seksyen-seksyen 34A, 35 dan 36 boleh dihukum lebih berat lagi daripada hukuman-hukuman yang ada sekarang.

Saya juga sedar bahawa memandu kenderaan dengan kelajuan yang melampau-lampau ialah salah satu sebab-sebab berlakunya kemalangan. Kesalahan memandu lebih daripada had laju yang dibenarkan di bawah Seksyen 34, pada masa ini boleh dikenakan hukuman di bawah Seksyen 146 (1), iaitu denda tidak lebih daripada \$250.00 atau penjara selama 6 minggu bagi kali pertama dan denda \$500.00 atau 3 bulan penjara atau kedua-keduanya sekali bagi kesalahan yang berikutnya. Pindaan yang disyorkan kepada Seksyen 34 membolehkan hukuman dijatuhkan di bawah Seksyen ini juga iaitu denda \$500.00, catitan dibuat di atas lesen pemandu (endorsement) dan penggantungan lesen selama sebulan bagi kesalahan pertama dan 6 bulan bagi kesalahan yang berikutnya. Pengalaman telah membuktikan bahawa kebanyakan dari pemandu-pemandu lebih berasa takut dan mereka akan berhati-hati jika lesen mereka dicatit (endorse) daripada mereka dikenakan hukuman denda yang berat.

Cara tindakan yang kedua ditujukan kepada tuan-tuan punya kenderaan perdagangan seperti lori, van, teksi dan bas kerana mereka itu diberi permit atau lesen dengan syarat-syarat yang ditentukan. Sekiranya mereka itu melanggar syarat-syarat itu boleh dikenakan sesuatu tindakan atau hukuman. Pada masa sekarang hukuman yang dikenakan ke atas kenderaan yang melakukan kesalahan di atas jalanraya hanya jatuh ke atas pemandu kenderaan itu sahaja. Umpamanya drebar lori balak lori lebih daripada hadnya pendaftar boleh menggantung lesen membawa lorinya tetapi lesen lori itu sekarang ini, undang-undang yang ada ini tak boleh digantungkan, sekurang-kurangnya sebulan. Jadi inilah yang kita hendak pindaan, hendak dikenakan juga kepada tuan punya lori itu mesti bersama-sama bertanggungjawab. Cara kuatkuasa undang-undang ini, jika ditinjau dari sudut matlamat masyarakat adil adalah tidak sesuai lagi, kerana dari pengalaman-pengalaman saya yang lalu didapati sebahagian daripada tuan-tuan punya kenderaan membayar gaji pemandu-pemandu mereka berdasarkan dengan lebih trip dan lebih jauh perjalanan, lebih banyak lagi dapat wang, dapat lagi banyak barang yang diangkut, banyak lagi keuntungan, maka di sinilah tuan punya lori juga terlibat. Oleh kerana dengan trip lebih, dengan tujuan untuk mendapat keuntungan lebih, secara tidak langsung tuan-tuan punya kenderaan itu menggalakkan pemandu-pemandu mereka memandu dengan deras dan berkemungkinan besar untuk mendapat atau menyebabkan kemalangan. Kadang-kadang terlampau dahsyat beberapa orang mati, lori bertempur dengan motokar—5 mati, atau 9 orang mati. Ini mesti diberhentikan.

Pemandu-pemandu itu juga tidak akan berasa ragu-ragu lagi untuk memandu dengan deras kerana jika ditangkap atau didenda maka denda itu akan dibayar oleh tuan-tuan punya kenderaan itu. Untuk mengurangkan daripada berlakunya perbuatan yang tidak bertimbang rasa dari segi kemanusiaan, maka saya berpendapat bahawa tuan-tuan punya kenderaan patutlah dikenakan hukuman yang sewajarnya iaitu dengan digantung lesen-lesen kenderaan perdagangan mereka apabila pemandu itu terlibat di dalam suatu kesalahan lalu lintas sebagaimana yang saya akan terangkan nanti.

Pindaan-pindaan kepada Seksyen 16, 18, 60, 120 dan 125 akan membolehkan Pendaftaran dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor menggantung sesuatu lesen bagi apa-apa jua kenderaan perdagangan selama suatu tempoh tidak lebih daripada 6 bulan. Penggantungan ini akan dilakukan dengan adil dan untuk penggantungan ini memberi kesan digantung dengan segera. Dalam tindakan pentadbiran yang baharu ini, tiada lagi akan berlakunya pembicaraan ditangguh-tangguh untuk membawa pesalah-pesalah kepada keadilan. Dengan pindaan ini seseorang diberi peluang untuk didengar dengan segera dan jika didapati bersalah, akan serta-merta dikenakan hukuman penggantungan lesen-lesen pemandu Kenderaan perdagangan dan cara ini difikirkan akan memberi kesan. Seseorang yang musykil dengan keputusan Pendaftaran boleh merayu kepada Pesuruhjaya (Ketua Pengarah Penangkutan Jalan). Ini adalah untuk memastikan yang Pendaftaran tidak menyalahgunakan kuasa-kuasanya, akan tetapi supaya Pesuruhjaya tidak dikejutkan dengan rayuan-rayuan yang akan merosakkan sistem keseluruhannya, maka peruntukan adalah dibuat dalam mana tiada apa-apa rayuan boleh dibuat terhadap keputusan Pendaftaran jika tempoh penggantungan sesuatu lesen kenderaan itu kurang daripada satu bulan. Ini tidaklah pula bererti bahawa Pesuruhjaya tidak akan membuat penyeliaan pada masa yang tertentu ke atas Pendaftaran dalam menjalankan kuasa-kuasanya. Saya memberi jaminan kepada Dewan Yang Mulia ini bahawa penggantungan tidak akan dikenakan sehingga orang yang berkenaan telah diberi peluang membela dirinya dengan adil dan Pendaftaran telah berpuashati bahawa kereta itu telah digunakan berlawanan dengan Seksyen 16. Pindaan-pindaan kepada Seksyen 16 akan menanamkan sikap tanggungjawab di pihak tuan-tuan punya kenderaan tentang hal pengurusannya.

Untuk memperkukuhkan pentadbiran ini pindaan kepada Seksyen 60 pula adalah dibuat supaya mewajibkan Mahkamah menyampaikan notis kepada Pendaftaran dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor yang berkenaan, sesuatu hukuman salah di atas pemandu kenderaan perdagangan yang melanggar perintah had laju. Dengan adanya notis itu Pendaftaran dapatlah mengambil tindakan sewajarnya di atas lesen pemandu

vokesyenal di bawah Seksyen 133 dan juga tindakan di atas lesen kenderaan tersebut mengikut kuasa di bawah Seksyen 16.

Pindaan kepada Seksyen 120 juga mewajibkan Mahkamah menghantar notis kepada Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan di atas kesalahan tidak mematuhi syarat-syarat di bawah Seksyen 120 (1) (a) dan (b) dan juga kepada Pendaftaran di atas pemegang lesen pemandu vokesyenal. Dengan adanya notis tersebut maka Lembaga Pelesenan bolehlah mengambil tindakan sewajarnya di bawah Seksyen 125 yang juga dipinda untuk memberi kuasa-kuasa yang lebih kepada Lembaga tersebut.

Maknanya apabila seseorang pemandu telah dihukum oleh mahkamah, maka mahkamah akan berhubung dengan Pendaftaran dan Pemeriksa Motor dan juga pada Majlis Pelesenan dan kedua-dua bahagian ini akan menjalankan kewajibannya mengambil tindakan mengikut keadilan yang mesti ditimbangan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa pendakwaan di atas pemandu-pemandu yang membawa motokar melampaui had laju kerap kali terlepas dari pada hukuman yang sewajarnya oleh kerana Mahkamah mewajibkan keterangan ataupun "proof" yang nyata di atas "accuracy" jentera-jentera yang digunakan untuk mengukur had laju motokar. Pindaan yang disyurkan kepada Seksyen 143 dengan menambah perbekalan baru, Seksyen-kecil (11), ialah untuk membolehkan Mahkamah menerima sijil perakuan (certificate) daripada seorang jurutera elektrik kerajaan berkenaan dengan "accuracy" jentera tersebut.

Selain daripada pindaan-pindaan yang saya telah nyatakan tadi, pindaan-pindaan lain untuk menjaga keselamatan di jalanraya ialah pindaan kepada Seksyen-seksyen 57 dan 143 yang membolehkan Menteri yang bertanggungjawab membuat peraturan-peraturan penggunaan tali pinggang keledar.

Seksyen 55 juga dipinda untuk membolehkan pegawai-pegawai Polis mengarahkan kenderaan-kenderaan yang rosak di jalan-jalanraya dan mengganggu ataupun menjadi bahaya kepada lalu lintas, diubah oleh orang tuan punya kenderaan itu ataupun yang mengawal kenderaan tersebut. Seorang

pegawai Polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor pula diberi kuasa mengubah kereta-kereta tersebut jika keadaan memerlukan.

Kerajaan bercadang mengadakan suatu Pasukan Khas (Highway Flying Squad) dan tugas utama ialah mengambil tindakan yang tegas terhadap pemandu-pemandu yang melanggar undang-undang.

Kerajaan bercadang melengkapkan pasukan-pasukan itu dengan alat kelengkapan yang perlu untuk memastikan tertangkapnya pesalah-pesalah itu. Bersesuaian dengan cadangan-cadangan pentadbiran ini Kerajaan juga bersetuju untuk mengambil lebih banyak lagi pegawai-pegawai Penguatkuasa untuk memastikan yang kereta-kereta motor adalah dalam keadaan yang baik yang tidak merbahaya digunakan di jalanraya. Kerajaan juga bercadang menambah bilangan mesen-mesen timbang yang sedang atau yang besar di jalan-jalan besar atau di highway supaya kenderaan-kenderaan yang disyaki membawa muatan lebih boleh dibawa ke tempat-tempat yang dekat sekali dengan lebih menyenangkan mereka yang hendak dibawa ke situ, terutama sekali lori-lori yang muatannya balak yang besar-besar. Dengan tidak ada mesin yang besar tentu tidak dapat ditimbang dengan betul dan tentu susah hendak didakwa di dalam mahkamah.

Dengan pindaan ini serta tindakan-tindakan yang dicadangkan oleh pihak Kerajaan, saya tidak berasa ragu-ragu lagi bahawa kita akan dapat mengurangkan kemalangan-kemalangan lalulintas dalam negara kita ini dengan syarat mereka yang berkenaan yang saya telah terangkan tadi dan orang ramai juga akan memberi kerjasama dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di Pertua, sekianlah penerangan-penerangan saya atas pindaan-pindaan yang penting untuk menjaga keselamatan di jalanraya dengan mengurangkan kejadian-kejadian yang membawa kepada beberapa orang mati, boleh dikatakan tiap-tiap hari. Saya percaya pindaan ini akan dapat disokong penuh, terutama sekali daripada pihak-pihak pembangkang dan juga pihak bebas, pihak Kerajaan sudah pasti akan menyokong sepenuhnya. Jadi kalau tidak dapat sokongan yang penuh di sini maka kami akan menyerahkan kepada rakyat, pihak pembangkang tidak bertanggungjawab.

Kalau sudah begitu banyak kematian dan begitu lama mereka sudah laungkan apabila kita bawa satu cadangan pindaan yang baik tidak disokong. Ini bermakna dia cakap angin keluar asap (hypocrite) sahaja. Saya minta maaf, tetapi saya menyeru supaya lekas disokong, lekas dijalankan, banyak kita menyelamatkan jiwa untuk undi mereka itu sendiri.

Selain daripada itu, pindaan-pindaan lain yang disyorkan di dalam Rang Undang-undang ini ialah kepada seksyen 10 Ordinan Lalulintas Jalan Tahun 1958, Negeri-negeri Tanah Melayu dan Seksyen 5 Ordinan Lalulintas Jalan Tahun 1960 Sarawak dan Seksyen 5 Ordinan Kenderaan Jalan, 1963 Sabah berkenaan dengan pertukaran sistem penomboran kereta-kereta.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di Pertua, saya ucapkan terima kasih dan juga saya bangun memberikan sokongan yang bersungguh-sungguh kepada cadangan Yang Berhormat Menteri Perhubungan berhubung dengan Akta bagi meminda Ordinan Lalulintas Jalanraya, gemar saya memberikan beberapa pandangan. Walaupun Rang Undang-undang ini akan diluluskan, saya harap Rang ini diluluskan supaya dapat dilaksanakan bukan sahaja diluluskan, dilaksanakan oleh tiap-tiap Jabatan yang ada berkenaan dengan Rang Undang-undang ini. Maka dengan itu baharulah boleh melapangkan dan melegakan rakyat dalam negeri ini dengan ketakutan setiap hari, setiap masa dengan kemalangan jalanraya, bukan sahaja kena sakit melarat bahkan ada yang maut dan menderita.

Satu perkara, Tuan Yang di Pertua, saya fikir kempen keselamatan jalanraya tidak berguna lagi. Sebab seberapa lekas, seberapa banyak kita adakan kempen, sebanyak itulah juga kemalangan jalanraya di jalanraya yang mengerikan berlaku. Bagi menyempurnakan undang-undang jalanraya, maka lima golongan, menurut hemat saya perlu bekerjasama. Pertama, Jabatan Perhubungan, kedua Jabatan Kerja Raya, ketiga Jabatan Polis,

keempat Jabatan Mahkamah dan kelima pengguna jalanraya. Jadi inilah yang saya kata tadi yang hendak dilaksanakan Rang Undang-undang pindaan ini.

Berhubung dengan Kementerian Perhubungan ketika mengeluarkan lesen kepada pemandu-pemandu kita hendaklah disekat umurnya, 21 tahun. Sebab kalau kita beri kepada belia-belia yang berumur 18 tahun menggunakan motorsikal dengan semangat mudanya melarikan motorsikal itu mendatangkan satu kemudharatan kepada lalu lintas di jalanraya. Jadi menurut hemah saya kalau mereka yang telah berumur 21 tahun, maka darah panas mahu maju, mahu lekas itu akan berkurangan sedikit. Yang kedua pemandu yang belum cekap itu jangan kita berikan lesen. Yang ketiga, kenderaan tidak layak lagi jangan dibenarkan masuk ke bandar-bandar melalui jalanraya. Yang keempat, kenderaan hendaklah selalu diawasi kerosakan dengan lampu isyaratnya, brake-nya, tayar botaknya, melebihi had laju. Kenderaan bersendirian adalah diawasi supaya jangan dijadikan teksu sapu. Ini satu perkara yang selalu mendatangkan kemalangan di jalanraya dan juga pemandu yang menjadikan jalanraya sebagai gelanggang lumba kereta mereka.

Kepada Kementerian Kerja Raya dan Tenaga, saya harapkan di mana juga kemalangan yang selalu terjadi di jalanraya itu dengan sebab cornernya sangat bengkok ataupun jalan itu selalu bersesak dengan manusia supaya diadakan satu penyiasatan dengan segera dan diadakan satu tindakan membuat jalan yang baharu. Kita tidak mahu terjadi, Tuan Yang di Pertua, sebagaimana jalan di negeri kami, negeri Johor iaitu Yong Peng dengan Simpang Rengam telah membuat korban berpuluh-puluh manusia sampailah sekarang, maka Jabatan Kerja Raya ini belum boleh berbuat apa-apa. Jadi kalau keadaan semacam ini tidak diberikan kerjasama oleh Jabatan Kerja Raya ini, usaha Kementerian ini membawa Rang Undang-undang tidak akan berjaya dan berhasil.

Tuan Yang di Pertua, berhubung dengan pihak Polis. Pihak Polis hendaklah menjalankan perlaksanaan Rang Undang-undang lalulintas ini dengan cukup jujur dan saya sangat besar hati bahawa Kementerian ini akan menambahkan Pasukan Polis Khas. Sebab saya maksudkan sangat jujur Tuan

Yang di Pertua, jangan hendak adanya pihak anggota Polis mencari satu undang-undang yang boleh melonggarkan seseorang yang telah membuat satu kesalahan berhubung dengan jalanraya. Jadi dengan keadaan yang macam ini bagi pihak yang membuat kesalahan atas jalanraya itu dia berasa lega dengan adanya pertolongan dari orang-orang polis ini dan kepada mereka yang telah dua kali melakukan kesalahan berhubung dengan jalanraya ini, saya harap kali yang keduanya jangan dihukum denda dengan wang, tetapi dipenjarakan.

Tuan Yang di Pertua, berhubung dengan pihak Mahkamah hendaklah menjatuhkan hukuman dengan seberat-beratnya, sebagaimana yang telah dicakapkan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan tadi, ketika kesalahan yang dilakukan oleh pemandu kita kerana setengah-setengah pemandu dalam negeri ini, Tuan Yang di Pertua, mendakwa jalanraya itu sebagai hak dia, dan mereka menganggap kesalahan-kesalahan mereka boleh ditebus. Jadi keadaan yang macam ini pihak Mahkamah supaya mengawasi manusia-manusia yang bersifat demikian.

Kepada pihak pengguna jalanraya hendaklah menggunakan segala peraturan dan jangan dicuainya sama sekali dan bagi pihak Kementerian ini sepatutnya memberikan penerangan-penerangan berhubung dengan undang-undang jalanraya yang baharu kita pinda ini.

Akhirnya, Tuan Yang di Pertua, saya gemar memberikan pandangan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa lori-lori balak yang besar-besar lalu dalam negeri kita ini bilamana mereka masuk dalam kawasan bandar hendaklah dihadkan satu-satu jalan. Jadi kalau kita berikan keluasan kepada mereka, ini juga menakutkan orang ramai dan mengganggu lalu lintas di bandar-bandar yang saya maksudkan terutama sekali bandar-bandar yang besar.

Bagi lori-lori yang panjang tidak patut kita benarkan mereka bersaing sampai tiga buah lori. Umpamanya lori yang membawa tangki minyak itu kalau tiga buah lori panjangnya $3\frac{1}{2}$ rantai, maka lori-lori yang panjang seumpama ini yang ada trailer itu saya harap supaya tidak dibenarkan mereka itu berjalan bersaing sampai tiga buah lori.

Kesalahan tuan punya kenderaan atau syarikat ini, saya bersetuju dengan langkah-langkah yang dibuat oleh Kementerian ini, tetapi saya harap bahawa kesalahan itu bukan sahaja dibuat oleh tuan punya syarikat atau kenderaan ini tetapi kadangkala sengaja dibuat oleh pemandu-pemandu lori. Jadi kita hendak awasi kalau kesalahan itu dibuat oleh pemandu itu sendiri, kepada pemandu itulah kita kenakan hukuman. Janganlah kenakan kepada syarikat ini sebab syarikat ini menjalankan satu usaha yang mendatangkan keuntungan kepada Kementerian ini dan juga kepada Kerajaan.

Tuan R. C. M. Rayan (Ipoh): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, generally speaking, having regard to the large number of accidents, fatal or otherwise, that are taking place almost daily in this country, this Bill gives the people some amount of satisfaction and confidence to note that the Government is also taking action to minimise the risk of accidents on the road by increasing the amount of penalties that are imposed on erring drivers of motor vehicles.

The term "motor vehicles" includes motor cars, motorcycles and scooters, motor lorries and buses.

Most of the accidents, as we all know, are caused by drivers of motor lorries and these accidents are also caused by speeding motorists, not so much by the drivers of motor buses. These lorries on account of their huge sizes take almost half the road when on the road, and the speed at which they are being driven is more often than not over 50 m.p.h., although at the back of the lorry it is written in bold and clear characters "35 B.S.J.", meaning not exceeding 35 miles per hour.

In addition to speeding in excess of the maximum speed prescribed, these drivers have their lorries fully loaded with goods and are so covered with canvas that it is hardly possible for a vehicle following them to see what is going on in front of those motor lorries. Further, these drivers of motor lorries are seldom seen giving any signals to the vehicles at the back. The biggest offenders are those lorries carrying timber and tin ore.

What is necessary today to minimise the number of accidents on the road is to put a curb on the speed of lorries by, for example,

sealing the carburettor of the engine or such other gadget at 45 m.p.h. as was done during the pre-war days in regard to the P.W.D. vehicles. Another device to keep a check on these offending lorry drivers is to see that a siren is fixed to the lorry which will blast out the moment the vehicle exceeds, say, 45 m.p.h.

I can well understand a lorry speeding at over 35 m.p.h. if there is no plate showing a speed limit of 35 m.p.h. But for a lorry with a plate showing 35 m.p.h. in bold characters to be driven in excess of this speed in utter disregard of this plate is utter contempt for the law.

Now, coming to the provisions of the Bill itself, I would refer to Section 4 of this Bill, which is Section 33 of the Ordinance. By this amendment not only the person who drives but a person who causes or permits any person to drive in contravention of the provisions of this Section shall be guilty of an offence and shall be liable to a fine not exceeding \$1,000 or to a term of imprisonment not exceeding six months or both. It is well and good to increase the fine from \$500 to \$1,000, but to increase the fine by \$500 and in addition to give the discretion to the Magistrate to impose a term of imprisonment is in my opinion too harsh as it provides double punishment and the original Section 33 never contemplated giving a term of imprisonment.

Dealing with Section 11 of the Bill, which concerns Section 56 of the Ordinance, Section 56 has now been repealed. I would say this Section is important because it gives the offender notice to the intended prosecution and details of the offence such as the day, the time and the place at which the offence was committed.

The other Section which is also important is Section 16, which concerns Section 143 of the Ordinance; it has not been amended, and I quote—

"When in any proceedings it is necessary to prove the speed of any vehicle, a certificate purporting to be signed by any public servant who is an electrical engineer and certifying that any radar equipment or similar device used for determining the speed of vehicles had been examined within the previous eight months and found to be accurate shall be accepted by

any court as *prima facie* proof of the facts certified in such certificate and such public servant shall not be called for cross-examination on the certificate unless for any reason the court considers the cross-examination to be necessary or desirable in the interests of justice."

We all know machines go faulty and go rusty during a period of 6 months if they are not serviced. Motor cars are serviced almost every month and still they go faulty and these equipment are bound to go faulty if they are not serviced regularly. Therefore, I would suggest that the radar equipment should be tested by an engineer and a certificate should be given at least once a month before that certificate can be used as conclusive evidence in a court of law without having the necessity to call the person who gave the certificate to come to court for cross-examination. If the Section were to remain as it is, we should give the offender a chance to call the person who gave the certificate to come into court and give evidence; otherwise, even though the machine is faulty, even though the man was driving at a speed which was less than the maximum speed, he will be found guilty through no fault of his own. Subject to these amendments, I welcome this Bill.

Tuan Tai Kuan Yang (Kulim Bandar Bahru): Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Pindaan ini dengan mengemukakan sedikit penjelasan. Saya bukanlah seorang jurutera yang berkelayakan penuh bagi menyampaikan pengetahuan tentang perkara-perkara yang berupa teknikal kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semua, akan tetapi setelah membaca segala kandungan pindaan itu saya merasa bahawa terdapat ada kelemahan-kelemahan yang mungkin dapat menjejaskan keadilan.

Dalam Seksyen 143 (c) berbunyi demikian: "Tetakaia dalam sebarang perbicaraan didapati perlu untuk membuktikan kederasan sebarang kenderaan, satu sijil yang perlu ditandatangani oleh seseorang pegawai awam yang bertugas sebagai jurutera letrik dan yang memberikan pengesahan bahawa sebarang alat radar atau seumpamanya yang digunakan bagi menentukan kederasan kenderaan-kenderaan telah diperiksa dalam tempoh delapan bulan sebelumnya dan telah

didapati betul keadaannya akan dapat diterima oleh sebarang mahkamah sebagai bukti yang sah tentang perkara-perkara yang disahkan dalam sijil itu dan pegawai awam itu tidaklah akan dipanggil untuk bersoal-jawab tentang sijil itu melainkan untuk sebarang tujuan yang mahkamah dapati perlu untuk bersoal-jawab demi kepentingan keadilan semata-mata.

Saya tidaklah pula begitu yakin bahawa seorang pegawai awam yang bertugas sebagai seorang jurutera letrik mempunyai kelayakan yang cukup untuk mengesahkan sebarang alat radar atau seumpamanya yang digunakan bagi menentukan kederasan kenderaan-kenderaan yang bermotor. Saya berpendapat bahawa hanya seorang yang berkelayakan tentang alat radar dan mempunyai pengalaman dalam menjalan dan menjaga alat-alat yang seumpama itu perlu mempunyai kedudukan bagi menentukan samada sesuatu alat radar atau seumpamanya itu betul perjalanannya atau sebaliknya. Untuk menyebut bahawa jurutera-jurutera letrik adalah cukup berkelayakan bagi menentukan kecakapan perjalanan alat radar adalah terlalu umum pada pendapat saya. Tidaklah pula dapat dinapikan bahawa seorang jurutera letrik benar-benar tahu sedikit-sebanyak tentang kejuruteraan radar akan tetapi sudah tentu ia bukanlah seorang pakar dalam perkara tersebut. Sukacita saya menyatakan bahawa adalah bagi kepentingan setiap orang untuk memasukkan rangkaikata, "dengan pengetahuan yang cukup dalam teknologi radar" selepas dua perkataan "jurutera letrik". Dengan memasukkan rangkaikata ini, saya fikir bahawa kelayakan seseorang yang menentukan kelayakan atau kecakapan alat itu dapat dipertahankan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di Pertua, sukacitalah juga saya mengemukakan di sini bahawa tempoh 8 bulan yang diberi sebagai tempoh pengesahan bagi menerima alat yang akan diperiksa dan diperakukan itu nyatalah terlalu lama. Sebagai alat mesin, banyak kemungkinan bahawa alat itu akan berkarat meskipun sesudah digunakan selama sebulan atau malah tiga bulan, akan tetapi jika sijil kelayakan bagi tempoh delapan bulan itu sudah cukup untuk membuktikan bahawa alat itu berjalan dengan baik, maka saya bimbang bahawa ada kemungkinan bahawa kederasan yang ditentukan oleh alat itu akan tidak selaras atau tersilap. Oleh itu pada pendapat saya samada alat itu terpaksa

diperiksa pada ketika yang tertentu dan disahkan, umpamanya 3 bulan sekali atau, jika difikirkan perlu, sebulan sekali.

Tuan Yang di Pertua, saya percaya bahawa hujah-hujah saya di atas perlu mendapat pertimbangan yang bersungguh-sungguh supaya fasal ini dapat dimasukkan ke dalam Rang Undang-undang Pindaan itu.

Datuk Tajudin bin Ali (Larut Utara): Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Lalulintas (Pindaan) yang telah dimajukan oleh Yang Berhormat Menteri baharu sebentar tadi dan saya ingin mendatangkan beberapa pandangan untuk pertimbangan Yang Berhormat Menteri.

Sebagaimana yang kita maklum kemalangan jalanraya bukan semata-mata disebabkan berjalan laju tetapi ada beberapa sebab lagi iaitu orang-orang naik basikal berlumba-lumba di jalanraya, orang-orang tua yang matanya kelabu dibenarkan membawa motor. Undang-undang ini kalau diluluskan pada pendapat saya, Tuan Yang di Pertua, tidak ada negara dalam dunia ini membuat Undang-undang bagini keras sekali seperti yang kita buat, negara-negara lain pun mempunyai kenderaan-kenderaan motor lebih banyak daripada kita, tetapi barangkali jalanraya lebar dan orangnya itu berjalan lebih berdisiplin dan sebagainya, maka dengan sebab itu kemalangan jalanraya berkurangan. Dan juga Kerajaan kita menggalak bagi menggunakan minyak-minyak yang laju seperti Esso Extra, Special. Perkara ini saya rasa patut juga Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian supaya minyak yang menggalakkan motor berjalan lebih baik dan lebih laju lagi ditahankan daripada kegunaan dalam negara ini semua sekali kalau Yang Berhormat Menteri berfikir berjalan laju di jalan-jalan kita itu tidak baik kepada negara kita.

Tuan Yang di Pertua, kerana berjalan lambat pun menyebabkan kemalangan jalanraya. Umpamanya kereta lembu jalan lambat pun mendatangkan kemalangan jalanraya. Budak-budak sekolah yang berjalan dengan tidak ada disiplin pun menyebabkan kemalangan jalanraya yang banyak. Perkara-perkara yang semacam itu akan dapat perhatian Yang Berhormat Menteri supaya satu-satu Undang-undang bagini keras tidak mendatangkan kepayahan kepada pemandu-motokar kita.

Baharu-baharu ini, Tuan Yang di Pertua, segala mata telah tertumpu kepada pemandu-motokar dan lori-lori dan mereka ini bukannya semua salah; betul ada sebahagian daripada mereka itu bersalah tetapi tidak semuanya.

Seksyen 16 sangat-sangat dahsyat kerana pemandu motokar ataupun lori yang menyebabkan kemalangan dan sebagainya dia bukan tuan punya kenderaan itu dan tuan punya, umpamanya, duduk di Singapura ataupun di England kena juga hukum ataupun denda serupa sahaja dengan pemandu. Saya rasa ini tidak adil, saya harap perkara ini dikaji semula oleh Yang Berhormat Menteri. Satu perkara lagi

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Untuk penjelasan, tuan punya kenderaan tidak dihukum. Kalau ada ejennya yang disiasat bagi syarikat yang ada di situ, lorinya itu digantung, digantung ini bukan didenda, tetapi bayaran cukai kenderaan yang telah dibayar itu kerana digantung sebulan-kah, atau dua bulankah; wang cukai itu kena rampas juga kerana membuat kesalahan mengikut syarat yang dikenakan dalam lesen itu.

Datuk Tajuddin bin Ali: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, tetapi itu pun mendatangkan kesusahan. Ekonomi negara kita akan terganggu kalau perkara ini berjalan berluasan pada fikiran saya. Lain yang bengkak, lain yang bernanah, tuannya duduk di Singapura atau duduk di England, dia pun kena salah, undang-undang apa ini, ini akan diketawakan oleh orang ramai. Saya rasa orang-orang yang menasihatkan Menteri ini patut mengkaji perkara ini dua kali.

Barang diingat bahawa Pendaftar dan Pemeriksa ini cuma diberi pelajaran, diberi kerja untuk memeriksa motokar, memeriksa lesen, ini sahaja yang dia tahu.

Berkenaan dengan mengantung lesen dan sebagainya, saya rasa, itu adalah tidak patut. Kalau sekiranya perkara ini dijalankan oleh Mahkamah, maka itu lebih wajar dan semasa Menteri mengemukakan Rang Undang-undang dalam Parlimen ini tidak menerangkan samada orang-orang yang bersalah itu dapat dibela atau tidak, di hadapan Pendaftar dan Pemeriksa, kalau tidak dapat,

lagi berat. Kerana orang yang membawa motokar ini, itulah sahaja kerjanya, memandu lori dan dia bukan tahu apa-apa. Kelulusannya, kelulusan kelas dewasa. Bagaimana dia dapat membela dirinya di hadapan Pendaftar dan Pemeriksa, ini tentu sekali tidak dapat. Ini bermakna apabila ditarik, diheret sahaja ke hadapan Pendaftar dan Pemeriksa Negeri, sudah mesti lesen dia kena tahan. Ini saya rasa kurang bijak.

Barang diingat, Tuan Yang di Pertua, bagi sebuah negara seperti kita kalau hendak mendatangkan hukuman yang lebih berat, dan ekonomi kita berjalan dengan baik dan Kerajaan kita mendapat hasil yang nombor dua banyak sekali dengan cara-cara melesen motokar dan impot motokar dan sebagainya dan kalau hendak dibuat begini, kita tidak menggalakkan orang-orang kita dengan memberi peluang menggunakan fikirannya sendiri; salah sedikit, hukum, salah sedikit, tahan, salah sedikit, gantung. Saya rasa, bagi sebuah Kerajaan kita yang bercorak demokrasi yang tulin, ini adalah kurang bijak kita menjalankan cara begini. Saya harap Menteri akan berfikir dan saya telah menyatakan terlebih dahulu tadi, kalau argument beliau orang tua yang matanya sudah kelabu, dia sendiri tidak tentu hala membawa motokar di jalan orang ramai, patut juga ditahan. Dikatakan bahawa orang tua yang berumur 90 tahun jangan dibenarkan membawa motokar, stopkan lesennya, ditarik balik, umpamanya orang yang sudah mabuk membawa motokar, tidak ada Menteri yang menyebut bahawa orang-orang ini menyebabkan kemalangan yang banyak sekali. Patutkah orang ini juga diheret oleh Pendaftar dan digantung lesennya oleh Pendaftar selama sebulan, tidak disebutkan. Saya harap mendapat penjelasan dengan lebih jelas lagi oleh Yang Berhormat Menteri apabila menggulung perbahasan atas Rang Undang-undang ini.

Saya menyokong Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di Pertua.

Tuan Lim Cho Hock (Batu Gajah): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I believe it is the aim of this Bill to reduce the rate of accidents in our country. Admittedly the rate of accidents has reached an alarming stage: almost every day we hear of accidents and of people dying on the road. However, it is my belief that just increasing the maximum

fines for certain bad drivers is not good enough. At times, I believe it is the fault of the Government too in not providing better road safety measures.

Mr Speaker, Sir, at the moment we have got a number of bridges over railway lines and over rivers and so on and so forth. These bridges had been built many, many years ago and they are very narrow and invariably they are situated at corners. So, it should be the policy of the Government to replace all these bridges with wider ones, or to bypass the bridges with new roads.

The other aspects of road safety the Government ought to look into will be these. The visibility on the roads sometimes is not very good. The view is blocked by hillocks, by trees, by *lalangs* and so on and so forth. The Government can, for instance, chop down some of the trees at corners particularly, and also the *lalangs*, so that the visibility on the road is improved. We, the Members of Parliament, State Assemblymen, Ministers and other Government officials, on our part, should set an example to the other road users that we are also driving slowly and we expect others to follow suit. But, unfortunately, Members of Parliament, particularly Ministers, travel at a very fast rate—they go at 90 miles per hour or even at 100 miles per hour. Thus we are setting a very bad example to the members of the public. I understand the Minister himself, about a few years ago, wrote a letter to the *Straits Times* saying that he overtook another car at a speed of 90 miles per hour. So, we as leaders of the people ought to set an example to the people

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, on a point of clarification. If a taxi was overtaking other vehicles at 85 miles per hour, should I not save the situation? So, I had to go faster and stop the driver, but I was not driving for pleasure. I did mention this in this House in fact in order to express how carelessly and how fast taxi drivers are driving. We have to stop them.

Tuan Lim Cho Hock: Sir, I thank the Minister for his explanation. I thought he was speeding with the lorry. The point is that as leaders of the people we ought to set an example. I am not disputing the fact that

lorries are going at a very high speed, but even the Police vehicles and also the Military trucks and Military vehicles are travelling at more than the speed limits imposed, i.e., they are travelling at 50 miles per hour, 60 miles per hour, 70 miles per hour and so on and so forth. If the Government does not clamp down on its own drivers, then how can you expect others to be law-abiding? The first thing we must do is to set an example by clamping down our own drivers and then try to teach others.

Sir, I would like to tell the House a joke. At the Kuala Kangsar Road, near Ipoh, there is a signboard. It reads: "Beware, Speed Trap ahead". How can you have such a signboard. If you want to trap the speedsters, then you don't put a signboard asking them to beware. You must trap them unaware. So, this sort of signboards in the country should be pulled down. If there is a trap, then it must be a trap, not a trap to be made known. A secret must be a secret and it cannot be a known secret.

Another thing is this. The zebra crossings in our country ought to be done away with. They are road hazards. People, when walking across, sometimes are just banged by drivers. So, I think it is not safe to have these zebra crossings but we should instead have overhead bridges, particularly in busy roads like Jalan Bukit Bintang in front of Federal Hotel and other areas particularly around theatres. Also, if possible, we should have tunnels. If the overhead bridges are not possible to build, then we should have tunnels, so that pedestrians can cross the roads safely. Furthermore, there are a lot of accidents happening outside schools, particularly when school hours are over and the school children come out of the schools. I suggest that the roads leading to the schools ought to be closed for at least an hour after school so that the children can take their own time to go back. If that is not possible, then the traffic should be controlled by Police, not just by the school jaga. At the moment, we see school jagas carrying signboards showing "Stop", "Go" and so on. That is dangerous. We ought to have a few policemen to guard the road and also to control the traffic at both ends, not just outside the school.

The Government is fond of playing with fire at times. In Gopeng town, 12 miles from Ipoh, about a year ago, the Police put up a few oil drums acting as road dividers in the middle of the road. Soon after that, accidents occurred—3, 4 or 5 within a short period of a month—and no action was taken by the Police to remove these oil drums. This road was narrow enough but then the Police put the oil drums right in the middle of the road hoping that cars would go slower. But they proved to be road hazards and in fact the oil drums caused more accidents. So I hope the Government will not be too hasty in trying to do things but will consider all angles before they plunge forward.

Mr Speaker, Sir, in other countries, although they have modern vehicles, vehicles that can go beyond 100 m.p.h., I see that the drivers go very slowly. They follow the speed limit and the road signs. I think that points to one thing, that the people there are educated—educated by the Government that killing a person on the road is a crime and is sinful—it is morally sinful to kill a person on the road. So I think the Ministry of Information should come in here and launch a campaign to educate the people in general that it is in their interests and also in the interest of others that we ought to drive slowly and safely on the road.

The last point I wish to make Mr Speaker, Sir, is that at the moment, there is no limit as to the number of passengers that can get into a private car. There should be a limit, say, 6 in a car, not 10 or 11. There was a nasty accident about 3 or 4 years ago where a private car knocked into a lorry. This private car carried about 10 persons and all of them were killed except one. So the Government should impose a limit as to the number of passengers that can get into a private car.

Tuan Stephen Yong Kuet-Tze (Padawan): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I would like to support this Bill. I was very impressed by the Honourable Minister when he made an appeal that we should all support this Bill. Although he put it rather fiercely, I think he brought up the point with good intentions that we should do everything we could to save lives and also to prevent any miseries arising from injuries from road accidents.

Mr Speaker, Sir, the heavier penalties and fines to be introduced here, I am sure, are not intended to increase the revenue of the Government but more as a deterrent to would-be careless drivers on the road, even careless road users. This, of course, is one of the ways of trying to prevent more road accidents from happening. There are, of course, more ways than just doing this rather negative approach. I am sure that with the same sort of happenings we find all over the world, i.e. increasing death tolls on the roads, ways and means are being found or studied to prevent this from getting into uncontrollable proportions.

There are, of course, factors which are peculiarly ours, which we have to take into consideration. As has been stated, some new cars now can go beyond 100 m.p.h., but these cars are being manufactured to suit special type of roads that are found in other parts of the world and our roads may not be suitable for cars of such speed. Sir, the road users, therefore, must take this into consideration, and they should not feel that because they have a car that can do so many miles, therefore, they must drive at a fast speed to do justice to their cars on our roads, some of which are not designed for the high speed vehicles.

Sir, I remember that there was a report in the Press a few years ago of the introduction in West Malaysia of compulsory examination of private vehicles of so many years' vintage. It had then provided a bit of discussion in East Malaysia. I would myself support that such a measure be extended to East Malaysia if it is already enforced in West Malaysia, because I think if vehicles, like anything else, get too old, certain parts may give way without the owners knowing it and if there are no laws to require owners to have these cars or vehicles of old age to be examined before a road licence is issued, then they could constitute a danger to the other road users or even to the owners themselves. This is a matter which I hope the Honourable Minister might consider as I know that he is all the time, in spite of his fairly rough exterior, really very sympathetic towards human sufferings.

Again, Sir, we know that when vehicles go wrong, we send them to the garage and ask the mechanics to look over them. So

mechanics are, in a way to vehicles what doctors are to human beings. I am not very certain whether there is any licensing system for mechanics. I do feel that since these vehicles are placed in the hands of the mechanics—and motor-vehicles can constitute a danger, or become dangerous weapons if it is not safe due to some mechanical defect—then we should fix a minimum standard for these mechanics who handle and repair our vehicles.

I don't mean, of course, that mechanics must have paper qualifications. If a mechanic has gone through the mill by being apprenticed to a well-known firm of engineers and has been given some form of certificate of proficiency, or has gone through some tests, then I think he should be given some form of a licence even though the licence is given free, and only such licensed mechanics should handle vehicles. I think here is one way of ensuring that no defective vehicles will be on our roads, and I am sure and we cannot deny that so many of the accidents which have happened are because of mechanical defects in the vehicles. The saddest thing of course is that not only does the person who uses the defective vehicle get hurt or killed but usually it also causes injuries and death to others who are quite unaware of such dangers.

Mr Speaker, Sir, in connection with this, I feel that other than the short-term measure, that is to say, the higher penalties and other measures to be taken to see that the rate of road accidents would be reduced, I think we have to think of a long term policy as well. Here, Sir, I refer to the functions of the Road Safety Council of which I think the Honourable Minister is the National Chairman. Although I know that there are posters and other campaigns being launched by the Road Safety Council, I feel that more efforts should be made in order to propagate the essence of road safety. We have a few pictures in the cinemas and some slides and I would like to see all the cinema operators voluntarily providing the facilities for slides or pictures to be displayed in all the cinemas in the country to make sure that everybody is made aware how road accidents can be avoided. Here, Sir, I would like to really appeal to the Minister of Finance that the Road Safety Council has got very little money on its own.

I know it, Sir, because I am also the Chairman of the Road Safety Council of the State of Sarawak and we are operating on a shoe-string finance. As we know, for any programme to be launched properly, we need finance and we need personnel. I think the Honourable Minister here will agree with me that more funds should be made available to the Road Safety Council so that it can carry out its functions properly. I would like to see a joint effort being made by all the States in East and West Malaysia in this regard. I would like to see very much the National Road Safety Council sending someone, even if it is not the Minister himself, to come and see that the Road Safety Councils in the various States are working properly.

Tuan Richard Ho Ung Hun (Sitiawan): Tuan Yang di Pertua, terlebih dahulu saya bangun untuk menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang ini.

Di sini, Tuan Yang di Pertua, izinkan saya merujuk kepada ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Bharu, rakan saya dan adalah diharap Yang Berhormat Menteri kita mengambil perhatian tegas atas kekuatiran yang telah disuarakan olehnya tentang seksyen 143, seksyen-kecil 11 yang baharu itu dan nampaknya, Tuan Yang di Pertua, dalam kedua-dua naskah Rang Undang-undang ini iaitu dalam bahasa Inggeris dan juga yang dalam Bahasa Kebangsaan seksyen yang baharu itu telah dicatitkan dalam bahasa Inggeris dan oleh sebab itu saya mohon izin kebenaran bercakap sedikit dalam bahasa Inggeris juga supaya menyenangkan lagi saya buat sedikit komentar di atasnya.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, this new section appears to be couched in terms which are open to challenge in our courts. Far better, I say, if someone who is specially trained for radar equipment is required to issue certificates such as are envisaged in this section; for otherwise, our courts may be asked to hear applications for cross-examination in the interest of justice—"In the interest of justice," Sir, which is a term so dear to the hearts of lawyers and those engaged in the administration of justice in our country including Magistrates, Presidents, Judges and Senior staff in our Attorney-General's Chambers. It is hoped, Sir, that Yang Berhormat Menteri Perhubungan would give us a suitable clarification as to this aspect of the Bill when he replies.

Tuan Yang di Pertua, jarang kita bertemu dengan sebuah Rang Undang-undang seperti ini yang menyentuh kepada keselamatan bagi begitu ramai rakyat jelata. Lebih jarang lagi kita berjumpa dengan sebuah Rang Undang-undang seperti ini yang telah membangkitkan perhatian tajam orangramai kerana tepatnya masa dan mustahaknya tajuk yang terkandung di dalamnya.

Tuan Yang di Pertua, kematian-kematian akibat kemalangan jalanraya makin lama makin melarat bilangannya dan darjat dahsyatnya. Muda-mudi kita sentiasa dialami merbahaya di atas jalanraya kita, apatah lagi orangramai yang sudah tua atau tidak begitu pantas lagi untuk mengelakkan diri daripada dilanggar oleh kenderaan-kenderaan bermotor yang kian sesak di jalanraya kita serta dipandu oleh orang yang tidak begitu cermat.

Tuan Yang di Pertua, membazir sahaja nyawa-nyawa orangramai kita dan membazir sahaja tenaga rakyat negara kita apabila kemalangan maut yang kerap berlaku di atas jalanraya itu. Maka oleh sebab itu tidak dapat tidak semua orang yang tahu berfikir akan mengalu-alukan kedatangan Rang Undang-undang ini. Tuan Yang di Pertua, sudah tentu sahaja Rang Undang-undang ini berisi dengan langkah-langkah yang berani serta tegas untuk cuba mengurangkan berlakunya kemalangan jalanraya kita. Tajuk ini akan membangkitkan berbagai-bagai perasaan dan teguran. Walau bagaimanapun apa juga teguran-teguran yang senang ditimbulkan, marilah kita jangan lupa akan pati ataupun essence Rang Undang-undang ini yakni peruntukan baru untuk menjaga keselamatan orangramai yang pasti lalu-lalang di atas jalanraya kita kerana mencari nafkah masing-masing dari sehari ke hari.

Tuan Yang di Pertua, janganlah kita lupa juga akan sesuai masanya Rang Undang-undang yang dibentangkan ini. Siapa tahu jika Rang Undang-undang ini telah dibentangkan dan diluluskan lebih awal lagi dan telah dijalankan dahulu mungkin sebahagian daripada kehilangan nyawa-nyawa yang telah berlaku pada tahun-tahun sudah pun telah dapat dielakkan.

Tuan Yang di Pertua, mungkin juga pada masa sekarang perhatian orangramai yang telah hilang ahli keluarganya atau sahabat karibnya sedang tertumpu kepada Dewan ini.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan patut dipuji kerana telah menyusun perbekalan dalam Rang Undang-undang ini yang begitu novel dan berani. Sudah memang apa-apa undang-undang ataupun peraturan-peraturan juga bermakna kedatangan sesuatu sekatan kepada kebebasan manusia, akan tetapi inilah harga yang kita harus membayar supaya kita dapat hidup dalam sebuah masyarakat yang teratur.

Tuan Yang di Pertua, beliau sedia membentangkan Rang Undang-undang ini yang beliau sudah tentu tahu akan mencetuskan berbagai-bagai teguran kerana nampaknya isinya bersifat keras sedikit.

Dengan kelulusan Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di Pertua, pegawai-pegawai tertentu akan diberi kuasa yang lebih daripada yang biasa dipegang. Seperti yang Dewan ini sedia maklum pegawai-pegawai pun manusia juga dan manusialah sentiasa tertakluk di bawah perasaan dan sentimen dan senang didorong oleh keadaan yang istimewa sehingga tersilap dalam tugas-tugas masing-masing. Maka haruslah diakui bahawa masa inilah satu masa yang ditimpai oleh kemalangan-kemalangan jalanraya yang dahsyat berturut-turut. Orangramai sedang menunggu-nunggu sesuatu tindakan yang tegas oleh Kerajaan supaya bilangan kemalangan itu dikurangkan. Dalam keadaan ini pegawai-pegawai kita apabila menjalankan tugas-tugasnya di bawah perbekalan baru dalam Rang Undang-undang ini, walaupun dengan suci hati, jika tidak berhati-hati atau terlalu bersemangat giat, dalam tugas-tugasnya (over zealous). Misalnya bukan semua pemandu kenderaan, bermotokar atau moto lori cuai atau tidak bertanggungjawab. Ada yang cermat, ada yang kurang cermat ada pula yang sungguh-sungguh cuai dan tidak bertanggungjawab. Adalah diharapkan Yang Berhormat Menteri kita akan memberi arahan yang sesuai supaya pegawai-pegawai enforcement kita menimbangkan setiap satu kes cuai memandu di atas jalanraya kita dengan keadaan kes itu sendiri. Hanya dengan inilah pemandu-pemandu yang tidak patut disalahkan akan bebas daripada gangguan-gangguan yang tidak sengaja dibuat oleh pegawai-pegawai enforcement kita nanti. Hanya dengan inilah kita dapat menjamin satu dasar yang akan memberi sumbangan kepada membina satu masyarakat yang adil.

Saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Ahmad bin Haji Ithnin: Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang lalulintas yang dikemukakan dalam Dewan ini.

Tuan Yang di Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Kementerian Perhubungan dengan berani dan tugasnya iaitu meminda undang-undang lalulintas kerana memandangkan bertambahnya kemalangan jalanraya di seluruh negara kita sekarang.

Tuan Yang di Pertua, walaubagaimanapun, saya suka memberikan pandangan dan pendapat saya dalam pelaksanaan undang-undang ini apabila diluluskan nanti terutama sekali berhubung dengan masalah pemandu-pemandu. Kita mengharapkan pihak Pegawai Pendaftar Kereta Motor apabila memberi ataupun mengizinkan sesuatu lesen samada lesen motor atau lesen motokar dan juga lesen lori kepada pemandu, bagaimana yang telah diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Muar Utara, pertama sekali berkenaan umur itu amatlah mustahak. Selain daripada itu dalam masalah percubaan ataupun tester janganlah hendaknya pihak pegawai Pendaftar dan Pemeriksa Motor bilamana hendak meluluskan lesen itu dengan begitu senang sahaja dalam satu minggu belajar sahaja mereka boleh dapat lesen. Jadi dengan mudahnya pengeluaran lesen itu menjadi satu sebab berlakunya kemalangan. Jika pemandu-pemandu yang belum cekap itu memandu kereta, walaupun dia sudah ada mempunyai lesen, dia boleh melakukan satu kecuai dan kemalangan jalanraya mudah berlaku. Oleh sebab terlalu mudah sangat pemberian lesen kepada pemandu-pemandu yang memohon lesen kereta dan motor, maka ada setengah-setengahnya bila disiasat dalam satu-satu kemalangan yang berlaku, didapati orangramai mengatakan: Ini pihak lesen kopi. Jadi kita tak mahu lagi lesen kopi ini disebut-sebut oleh orangramai. Kita harap pihak Pendaftar dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor akan mengawal dengan ketat, memeriksa dan menguji dengan betul supaya pemandu-pemandu itu dapat menjalankan tugas memandu dengan cermat pada masa yang akan datang. Selain daripada itu saya suka juga memberikan pendapat berhubung

dengan kemalangan-kemalangan yang berlaku itu ada banyak masalah yang menyebabkannya, bukanlah hanya disebabkan oleh dua tiga perkara sahaja.

Selain daripada itu berhubung dengan Kementerian Perhubungan hendaklah bekerjasama sungguh-sungguh dengan Kementerian Kerjaraya dan Tenaga. Kalau kita perhatikan di jalan-jalannya terutama sekali di bukit-bukit ada banyak kekurangan dengan papan-papan tanda menunjukkan samada selekoh yang berat ataupun selekoh kecil, bukit dan sebagainya. Adapun menjadi sebab pemandu-pemandu boleh memikirkan tempat itu tidak merbahaya, maka dia membawa keretanya dengan laju, maka laju itu bila terserempak menjadi kemalangannya. Maka kita mengharap kepada Kementerian yang berkenaan dengan Kementerian yang saya katakan tadi supaya dapat memberikan kerjasama sungguh-sungguh, mudah-mudahan tiap-tiap satu tempat di jalanraya sana mesti ada mempunyai papan tanda yang lengkap menunjukkan kepada pemandu-pemandu supaya dia mengawasi dan berjaga-jaga, mudah-mudahan ini dapat mengelakkan kemalangan jalanraya dan lalulintas.

Selain daripada itu, berhubung dengan papan tanda juga iaitu had laju, saya tengok banyak tempat-tempat yang perlu diadakan had laju. Pihak lalulintas patut diadakan umpamanya had laju 30, 35 atau pun 40 b.s.j. perlu dipasang kerana mengelakkan daripada beberapa kemalangan oleh lajunya kereta-kereta dan kesibukan di pekan-pekan samada pekan kecil atau pekan besar, maka ini juga bagi Kementerian yang berkenaan supaya dapat menjalankan tugasnya dengan betul, mudah-mudahan hasrat Kementerian dan Kerajaan kita hendak mengelakkan, hendak mengurangkan daripada kemalangan jalanraya iaitu berlaku maut dan sebagainya dapat kita elakkan.

Akhirnya, Tuan Yang di Pertua, saya suka juga menarik perhatian bagi pihak Kementerian dan dengan pindaan undang-undang ini iaitu kita hanya dapat mengawal, barangkali dalam muatan berat lori dan sebagainya. Tetapi saya suka juga memberi pendapat berhubung dengan muatan pada tiap-tiap kereta kecil patut juga kita adakan satu peraturan bukan hanya teksi sahaja, iaitu yang 1,600 c.c. boleh bawa 4 orang ataupun

1,200 c.c. 3 orang passenger tetapi kereta-kereta pakai juga perlu bagi pihak Kementerian memberi satu had muatan. Misalnya 1,300 c.c. boleh isi 4 orang termasuk drebar sahaja, 1,300 c.c. ke atas sampai 2,000 c.c. boleh isi 5 atau 6 orang termasuk drebar. Sebab saya mengatakan begitu baharu-baharu ini 2 kemalangan berlaku iaitu di Air Hitam/Simpang Rengam. Kedua-dua kemalangan itu berlaku betul-betul ke atas orang-orang dari kawasan saya, Serkam dan Pulaui. Sebuah kereta kecil Hillman tahun 1950 iaitu muatannya 9 nyawa di dalamnya, sembilan-semblan nyawa terkorban di dalam kemalangan yang berlaku sebagaimana yang kita sedia maklum. Dan yang keduanya sebuah kereta Mercedes lama pun dimuatkan dengan 9 orang juga. Kesembilan-kesembilan-pun terkorban dalam kemalangan itu. Ini saya mengharap bagi pihak Kementerian ini supaya dapat membuat satu sekatan iaitu tiap-tiap kereta yang 1,300 c.c. boleh muatkan 4 orang termasuk drebar dan 1,300 c.c. sampai 2,000 c.c. 6 orang termasuk drebar kerana hendak menyelamatkan mereka daripada kemalangan selebih-lebih 4 atau 6 orang sahaja dan tidak sampai 9 atau 10 orang terkorban nyawa yang banyak dalam kemalangan jalanraya dan lalulintas di negara kita ini. Ini sebagai satu cara mengurangkan dan ini adalah pendapat saya. Dan dengan itu, saya mengharap sungguh-sungguh bagi pihak perlaksanaannya pindaan undang-undang yang dikemukakan ini dapat berjalan dengan baik, mudah-mudahan satu cara lagi iaitu rasa saya bagi pihak Kementerian ini perlu mengkaji dalam hal alat jerat laju.

Sekarang alat jerat laju yang digunakan oleh pihak polis kebanyakan atau lebih-lebih dua atau tiga motorkar sahaja dapat ditangkap atau dapat dikawal tetapi selainnya, oleh kerana alat jerat laju itu boleh diperhatikan oleh drebar motokar dengan senang. Saya berharap pihak Kementerian ini memberi satu jalan iaitu alat jerat laju yang tidak diketahui, tetapi boleh memerangkap kereta-kereta yang melanggar peraturan-peraturan atau kawasan had laju sebagaimana yang ditetapkan. Dengan ini rasa saya mudah-mudahan pihak Kerajaan dan Kementerian berkenaan dapat mengatasi iaitu dengan pindaan undang-undang ini dapat dikurangkan kemalangan dan jenayah jalanraya atau lalulintas di negara kita. Sekian.

Tuan Yang di Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak mengingatkan iaitu sesiapa yang hendak membangkang sahaja, boleh bercakap. Menyokong sudah cukup.

Dr Chen Man Hin (Seremban Timur): Tuan Yang di Pertua, saya suka mengambil bahagian dalam perbincangan di bawah Akta bagi meminda Ordinan Lalulintas Jalan, dan saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di Pertua: Saya tidak boleh izinkan, Cakap dalam Bahasa Kebangsaan!

Dr Chen Man Hin: Saya campurkan dua bahasa, bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia.

Tuan Yang di Pertua: Saya tidak tahu ada dua bahasa rasmi. Saya tahu satu sahaja bahasa rasmi.

Dr Chen Man Hin: Saya minta izin.

Tuan Yang di Pertua: Baiklah!

Dr Chen Man Hin: Terima kasih. (*Dengan izin*) I appreciate the motive of the Honourable Minister of Communications in introducing this Bill to promote road safety, but imposing heavy fines and possibly imprisonment on the drivers of motor vehicles who drive too fast is probably not the only solution to avoid accidents. I wonder whether the Ministry concerned has done research into the causes as to why commercial vehicle drivers speed—only some of them speed and not all of them—most of them do not speed, but those who do speed, as to why they do speed, or why they do drive carelessly or recklessly.

Tuan Yang di Pertua, I am not the owner of a string of motor vehicles or taxis, but I have spoken to some of those people and they tell me that it is not just that they want to drive fast, but they have to earn a living and that the more trips they make the more money they make—and this was pointed out also by the Honourable Minister. The other reason they give is that they are driving for somebody and that the motor vehicle does not belong to them; and if they were to become owner drivers there is a motive for them to be more careful in driving, not only in looking after their own vehicle but also to drive more carefully and slowly. So, I think,

it is quite important for the Ministry concerned to do more research into the causes of over speeding by commercial motor vehicles and not just slap on fines and imprisonment. Then they also say that sometimes it is just due to fatigue. As the Honourable Minister of Communications knows quite well, commercial air pilots are not allowed to be at the controls after a specified time and they are given a day off or given a rest after a few hours of piloting. Similarly, for the taxi drivers, or the lorry drivers, or the truck drivers, if they are pushed too much, or if they are at the controls too long, in my opinion, fatigue sets in; they become tired and they lose concentration in driving. Some of them even admitted to me that sometimes they even drive while sleeping but with their eyes open. In other words, they drive reflexly. This is a sign of fatigue, and therefore, I suggest that the Ministry concerned should do research and find out just how many hours a truck driver, or a taxi driver, should be allowed to drive at any one time. Maybe, for two or at the most four hours, but certainly not eight hours at a stretch.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Mr Speaker, Sir, on a point of clarification. The Member for Seremban Timur says that he is opposing this Bill. Now what he is trying to say is that I have to do research. I have done ten years research as the Minister responsible. But my point is this: we are debating the principle now—do you or do you not agree to stop these accidents which have caused so many deaths? What he suggested comes under the Rules and Regulations I am entitled to make. That is for clarification, Sir. There are two different laws: firstly, the law which involves the principle of the policy. What he is talking now comes under the Regulations which will be gazetted by me. We will look into the points raised by him, but I already know all these things.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di Pertua, on this particular issue, I am saying that to prevent road accidents, it is not just merely slapping on fines and imprisonment. We must also investigate into the causes of these accidents. Sir, I am trying to point out to the Honourable Minister concerned that not just fines alone can decrease the number of accidents. After all, the blame should not be laid on commercial drivers alone. As my

colleague for Batu Gajah pointed out, the Government itself is also responsible for some of the accidents. Take, for example, the acute traffic congestion not only in cities but also along main highways. Are there provisions for pedestrians? Most of the roads do not have pedestrian walks. Are there provision also for bicycles? So this contributes to congestion. Speeding itself might cause death in roads, but I would say that travelling under twenty-five miles an hour can also cause death; if there is acute traffic congestion and pedestrians and bicycles are knocked down by motor vehicles that run at, say, about twenty miles an hour or even ten miles per hour, such an accident can cause death. So the Government itself also must look into the matter of providing better roads, wider roads and also make provision for pedestrian walks, bicycle paths and other similar facilities.

Mr Speaker, Sir, there is also the question of education of commercial drivers. While the Government may want to threaten them with heavy fines and imprisonment, I think it also should take preventive measures such as giving them courses on road safety every now and then—say, every year once at least they should take a week off and be given special instructions on road safety measures and also on careful driving. That is all.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, saya mengucapkan banyak terima kasih atas sokongan-sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat atas ucapan-ucapan dan pujian-pujian mereka itu. Pujian-pujian itu yang sebenarnya ialah kepada pegawai-pegawai saya yang telah bekerja kuat menjalankan kerjanya.

Kami faham kenderaan-kenderaan yang digunakan untuk perdagangan kerana hendak kejar duit, lari kuat, menjadikan kemalangan, banyak kematian. This is the principle.

Di dalam negeri Malaysia yang kalau kita katakan hendakkan Kerajaan yang adil, masyarakat mestilah adil.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timur, sila ambil ingatan bahawa pada 22 haribulan, pukul 2.30 petang, saya akan briefing kepada semua pengusaha-pengusaha di Seremban dan saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di Seremban tolong bersama-sama hadir di sana. Saya telah

menjadi Menteri Pengangkutan sudah 10 tahun lebih. Saya tahu soalnya begini. Timbulnya soal Ali-Baba ini ialah disebabkan dibayar sewa mahal, dia hendak dapat duit lebih dia lari kuat, hendakkan lebih trip. Banyak trip bawa barang boleh dapat banyak untung. Driver pun boleh dapat lebih, dengan sebab itu dia lari deras—fine dia bayar. Ini susah hendak diselidiki. Kalau dalam masyarakat adil driver yang membuat kesalahan, kita sudah adakan hukumannya, gantung lesennya tidak lebih dari sebulan. Ini kuasa Registrar. Tetapi kalau didapati oleh Registrar bahawa setelah disemak di bawah Seksyen 16 ini yang tuan punya ada memberi tip, ada memberi dia inducement, cuba kalau saya bertanya kepada Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timur yang membangkang, dia seorang sahaja yang membangkang, Ahli-ahli yang lain semuanya menyokong. Dia bersetuju supaya tuan punya yang bersubhat larikan kenderaannya dengan laju, mati kerana kemalangan disebabkan lari deras adakah dia menyokong? Kalau suka menyokong, saya minta dunia semua mengetahui, barangkali kalau ia masuk pilihanraya sekali lagi, tidak ada seorang pun yang akan menyokong dia.

Saya beri contoh ini, bukan sebagai imputing improper motive, but I am trying to argue on a common sense basis.

Saya dapat rayuan daripada pihak Pembangkang walaupun secara individual, dia boleh beri opinionnya, opinion itu saya ambil ingatan baik-baik, pegawai saya akan menjalankan, kalau baik dalam rules and regulations yang saya boleh gazettekan pada tiap-tiap minggu atau pada tiap-tiap hari. Tetapi pada dasar yang hendak memberi apakah sebabnya kalau ada undang-undang ini soal Ali Baba pun kurang. Tuan punya teksi kalau dia tidak bawa sendiri, nanti teksinya kena gantung. Driver teksi pula yang membuat kesalahan, lesennya juga kena gantung. Ini satu cara yang baik. Kita minta kerjasama dengan taukeh-taukeh lori. Bukanlah kita kata semua, tetapi kita tahu yang kebanyakannya hendak untung, dia beri tip lebih. I have done my research over ten years as Minister of Transport.

Dan lagi soal “gantung” lesen Registrar bukan gantungkan lesen mereka, dia gantung cuma vocational driving licence. Ini hendaklah kita bezakan. Ahli-ahli Yang Berhormat

barangkali salah faham bahawa Registrar ada kuasa to suspense the original driving licence, tidak ada kuasa. Yang ada kuasa ialah mahkamah. Apabila ada conviction in court, then the court impose suspension beberapa bulan bagi kesalahan pertama, second offence imprisonment six months ataupun dia boleh kensel lesen itu, itu order of court, nobody else can do. Maka vocational driving licence ini kerana membawa lori, bas, van dan juga teksi. Saya harap Ahli Yang Berhormat jangan keliru atas masaalah ini. Dan lagi mahkamah apabila telah sabit, kesalahan dan hukuman ia beri notis kepada Licensing Board. Ini berkenaan dengan tuan punya lori. Licensing Board buat siasatan. Kalau tuan punya lori didapati bersubahat conspiring with the driver by giving tips, to get more trips in order to get more money, and it is established beyond reasonable doubt they have got every right to be represented, they have got every right to put up their case. Kalau dia tidak puas hati dia boleh appeal kepada pihak yang berkenaan yang lebih atas daripada itu. Kalau tidak kepada Licensing Board, kepada saya. Jika tidak puas hati ulang bicara kepada Registrar, kepada Pesuruhjaya (Commissioner).

Saya harap Ahli Yang Berhormat janganlah keliru dalam masaalah kita hendak gantungkan lesen ini, lesen membawa kereta perdagangan ataupun perमितnya yang memang dimasukkan dalam syarat-syaratnya.

Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara membangkitkan bahawa di mana dunia pun tidak ada membuat undang-undang semacam ini. Saya suka menerangkan bahawa beliau seorang yang berpengalaman dari segi pengangkutan samada bas ataupun lori, maka tiap-tiap seorang yang memohon lesen bas, menjalankan bas atau menjalankan lori, van atau teksi, semuanya diberi syarat. Satu daripada syarat itu yang akan diadakan nanti ialah lori tidak boleh berjalan laju lebih daripada 40 batu satu jam. This is one of the many conditions. Tetapi apabila didapati driver itu membawa lebih daripada 40 batu satu jam, itu pun dia diberi lesen not to exceed, to transgress Section 16, Vocational Driving Licence, if proved, is liable to be suspended at least for a month. Dan lagi tuan punya lori pun ada syaratnya. If you transgress or if you go against any of the conditions that permit is already null and void for that moment. Apa yang ditakutkan.

Ini hanya hendak menyekat daripada lori itu lari laju yang menyebabkan kemalangan yang membawa kepada banyak kematian. Saya haraplah Ahli Yang Berhormat jangan salah faham: we do our best to dispense justice applicably with the best care and boleh complain kepada Menteri kalau tidak puas hati. Saya telah beri pengakuan di sini bahawa kalau ada orang-orang yang sakit hati, kita kena siasat. Kalau tidak cukup bukti, tidak ada tindakan diambil.

Saya memberi pengakuan di sini terutama sekali sahabat-sahabat saya dari Sarawak yang telahpun sedar bahawa undang-undang ini mustahak, kalau patut, boleh dipanjangkan ke Sarawak, itu elok juga. Saya akan beri pertimbangan dan cadangan Ahli Yang Berhormat tadi berkenaan dengan to educate the children, the young people, the school children.

Yang sebenarnya, beliau telahpun menunjukkan kepada saya berkenaan dengan model traffic educational for Kuching Municipality. Kalau di sini pun di mana negeri seperti di Pulau Pinang ada juga traffic mengajar budak-budak bagaimana hendak belok kiri, belok kanan—ini sangat mustahak.

Yang sebenarnya, saya juga sebagai Pengerusi Majlis Keselamatan Jalanraya Malaysia yang mana pihak Sabah dan Sarawak sungguhpun mereka masih lagi bersendirian sampai sekarang ini mengenai policy dan dasarnya mereka bersetuju bersama-sama kita terutama sekali dalam soal keselamatan jalanraya dan saya akan berunding supaya mendapat tambahan peruntukan bukan sahaja di Malaysia Barat, tetapi juga di Malaysia Timur supaya dapat dimulakan kalau mereka bersetuju—Kerajaan Sarawak dan juga Kerajaan Sabah oleh kerana mereka masih lagi menggunakan undang-undang Negeri di sana yang boleh mengadakan undang-undang berdasarkan soal seperti undang-undang kita ini juga yang dipakai di sana. Saya ucapkan terima kasih atas perkara itu supaya dapat menyelamatkan banyak jiwa sebelum benda ini merebak seperti di Malaysia Barat ini.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara menyentuh tentang perlaksanaannya oieh kerana memakan waktu. Kerajaan telah mengarahkan yang mana saya menjadi Pengerusi Jawatankuasa Jemaah Menteri supaya mengadakan pengakuan-pengakuan

atau recommendation yang kita telah memasukkan supaya melebarkan, membaiki jalan-jalan di seluruh Malaysia Barat dan Malaysia Timur juga. Ini satu daripada principle.

Berkenaan dengan cadangan beliau tadi supaya Jabatan Kerja Raya dan juga Kementerian Perhubungan, Polis, Mahkamah dan orang yang menggunakan jalan semua bekerjasama supaya diselaraskan di dalam Majlis Keselamatan Jalanraya yang mana saya sebagai Pengerusinya, semuanya ada di situ. Perlaksanaan sebagaimana yang telah diakui akan ditubuhkan sebuah Pasukan Highway Flying Squad yang istimewa yang akan melaksanakan perkara-perkara ini, bagaimana undang-undang hendak dipinda, hendak diberatkan, tetapi kalau tidak cukup kakitangan dan pegawai-pegawai yang akan menjalankan kuasa undang-undang ini tentulah undang-undang itu tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna. Sebab itulah memakan waktu kerana Jawatankuasa Kabinet ini telah bersidang tiga empat kali dan kami telahpun menghantarkan pengakuan persediaan supaya undang-undang ini diluluskan pada hari ini dan kita siapkan segala alat-alatnya sekali supaya kita dapat melaksanakan, mengurangkan dan mengelakkan kemalangan di jalanraya supaya rakyat Malaysia yang tidak bersalah naik kereta, naik teksi, naik bus yang terkena kemalangan di tengah jalan dapat dielakkan. Inilah sebabnya saya mengatakan barang siapa yang membangkang pada dasarnya mengurangkan soal kemalangan jalanraya ini, maka orang itu sendiri pada satu waktu nanti akan sendiri berasa apabila sudah kena pada dia, kena kepada orang lain, barangkali dia tidak terasa, tetapi bila kena pada dia dan saudaranya, baharulah dia tahu dan dia rasa. It will be too late by then. Either you do something now, otherwise it will be too late to do anything later. Inilah sahaja, Tuan Yang di Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas pandangan-pandangan tersebut.

Berkenaan dengan radar, kita akan mendapat bantuan daripada negara-negara yang menggunakan radar-radar ini dan tentulah tujuan mengadakan electrical engineer ini tentulah dia telah ditugaskan memeriksa alat-alat ini dari semasa ke masa mengikuti orang yang membuat radar ini tiap-tiap minggu, dan kalau perlu di Mahkamah, kita boleh panggil dia, bukan bermakna kita

bebaskan menggunakan certificate sahaja. Ini kita akan gunakan segala-segala siasatan supaya jangan terkeliru pada ukuran laju dan orang itu nanti akan teraniaya kerana lari laju dengan sebab meter barangkali tidak diperiksa lebih dahulu.

Berkenaan dengan kereta-kereta tadi juga Ahli Yang Berhormat sahabat saya dari Sarawak membangkitkan berkenaan dengan mechanical. Ini juga saya sedang berunding dan latest device in electronic. Sebelum kereta itu diregistered atau belum hendak dijual secondhand adalah diperiksa lebih dahulu, kalau tengok ada rosak itu dan ini dengan electronic system, kita boleh tahu melalui siasatan tersebut mana yang hendak patah, tidak boleh dijual—tidak boleh digunakan kereta itu. Ini pun kita sedang membuat recommendation dalam Jawatankuasa Kabinet supaya dengan itu kita akan menyiasat cara moden bagi memeriksa kereta-kereta ini dengan cara yang lekas dan cara yang teliti supaya kereta-kereta yang berjalan di jalanraya ialah dengan technically road-worthy.

Sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan atas Rang Undang-undang ini dan saya juga berharap apabila Ahli-ahli Yang Berhormat balik ke kawasan, ke negeri masing-masing supaya dapat menerangkan kepada orang ramai dan memberi kerjasama yang penuh. Kalau tidak ada kerjasama yang penuh daripada pengguna-pengguna jalanraya, tentulah undang-undang tinggal pada undang-undang sahaja.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG GALAKAN PELABURAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Musa Hitam): Tuan Yang di Pertua, saya mohon mengemukakan satu Rang Undang-undang bagi meminda "Akta Galakan Pelaburan 1968 untuk mengadakan peruntukan bagi galakan tempat kedudukan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya" atau secara ringkasnya dikenali sebagai "Rang Undang-undang Galakan Pelaburan (Pindaan) 1973" untuk dibacakan buat kali yang kedua.

Sebagai lanjutan kepada pengistiharan yang dibuat baru-baru ini mengenai galakan-galakan ekspot yang lebih luas dan menarik, Kerajaan bercadang mengemukakan satu galakan kewangan yang baru dikenali sebagai Galakan Pelaburan Tempat Kedudukan. Selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru, adalah menjadi tujuan Kerajaan untuk menggalakkan penyebaran perusahaan-perusahaan daripada kawasan penumpuan perusahaan yang terdapat sekarang di bandar-bandar kepada kawasan-kawasan luar bandar. Penyebaran secara ini, saya yakin, akan membawakan pembangunan dan kemajuan kepada kawasan-kawasan luar bandar. Galakan Pelaburan Tempat Kedudukan ini seperti yang terdapat di dalam Rang Undang-undang Galakan Pelaburan (Pindaan) 1973 adalah merupakan satu daripada langkah untuk mendorong pengaliran pelaburan modal ke kawasan-kawasan desa.

Di bawah undang-undang yang terdapat sekarang, sememangnya terdapat peruntukan untuk galakan tambahan bagi perusahaan-perusahaan yang ditubuhkan di "Kawasan Pembangunan". Sesuatu projek taraf perintis yang ditubuhkan di kawasan-kawasan pembangunan adalah dibenarkan menikmati tempuh kelepasan cukai tambahan selama setahun lagi dan sesuatu projek yang diberikan Kredit Cukai Pelaburan adalah dibenarkan menikmati galakan tambahan sebanyak 5% lagi.

Walau bagaimanapun galakan-galakan tersebut telah tidak begitu memberikan kesan di dalam usaha Kerajaan untuk mendorong pengusaha-pengusaha mendirikan kilang-kilang mereka di kawasan-kawasan desa.

Sebagai satu langkah untuk mempercepatkan pelaksanaan objektif Kerajaan mengenai penyebaran perusahaan adalah dirasakan bahawa galakan yang lebih menarik daripada yang terdapat sekarang perlu diadakan.

Memandang kepada hal yang demikian, pada awal tahun lepas Kerajaan telah mengarahkan Jawatankuasa Kajisemula Berkenaan Galakan-galakan Pelaburan untuk menimbangkan semula perkara-perkara berkenaan dengan taraf printis sebagai sejenis galakan untuk penyebaran perusahaan agar ianya sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru. Jawatankuasa tersebut telah mencadangkan, di antara lain, supaya diwujudkan Galakan Pelaburan Tempat Kedudukan berdasar kepada Rang Undang-undang ini.

Galakan Pelaburan Tempat Kedudukan ini mempunyai faedah-faedah yang nyata. Ciri utama galakan ini ialah pemberian tempuh kelepasan cukai yang maksima selama 10 tahun kepada perusahaan-perusahaan tertentu yang telah ditetapkan dan diberi kelulusan untuk ditubuhkan di kawasan-kawasan yang ditetapkan. Kawasan-kawasan yang ditetapkan ini adalah kawasan-kawasan yang tertentu samada di dalam kawasan-kawasan bandar, kawasan-kawasan perusahaan atau pusat-pusat pembangunan kepada mana Kerajaan bercadang untuk menyebarkan perusahaan. Tempuh kelepasan cukai bagi kawasan-kawasan yang ditetapkan ini adalah berbeza di antara satu dengan lain.

Kawasan-kawasan yang akan ditetapkan sebagai Kawasan Galakan Pelaburan Tempat Kedudukan, jenis-jenis perusahaan yang layak mendapatkannya dan juga tempuh kelepasan cukai untuk satu-satu kawasan yang ditetapkan itu akan diwartakan dari satu masa ke satu masa.

Galakan yang baru ini merupakan satu sistem galakan pelaburan yang lebih berkesan dan bertujuan untuk menyebarkan aktiviti-aktiviti pengilangan daripada ditumpukan di kawasan-kawasan bandar. Satu lagi ciri yang menarik berkenaan dengan galakan ini adalah tempuh kelepasan cukai yang diberikan kepada kawasan-kawasan yang ditetapkan itu. Ini akan dapat menolong

pembangunan dan perkembangan kawasan-kawasan yang kurang maju melalui pembinaan kilang-kilang di kawasan tersebut terutama sekali kilang-kilang kecil dan juga perusahaan-perusahaan yang menggunakan bahan-bahan mentah tempatan.

Satu lagi ciri yang lain mengenai Rang Undang-undang Galakan Pelaburan Tempat Kedudukan ini ialah bahawa tiap-tiap kawasan yang ditetapkan akan diberikan tempoh had waktu yang tertentu mulai daripada tarikh pengistiharan kawasan-kawasan tersebut dalam mana pengusaha-pengusaha akan diberi peluang mengambil kesempatan memohon galakan itu. Peruntukan ini telah diadakan memandang kepada kejayaan peruntukan yang sama yang telah dikenakan di dalam galakan pelaburan taraf printis untuk perusahaan elektronik.

Tuan Yang di Pertua, Rang Undang-undang ini akan memberi hak kepada Menteri yang berkenaan untuk mengenakan syarat-syarat yang dianggap sesuai dalam memberikan Galakan Pelaburan Tempat Kedudukan.

Kerajaan sedar bahawa setiap galakan walau bagaimana menarik sekalipun tidak akan menghasilkan penyebaran perusahaan selagi Kerajaan tidak menyediakan kemudahan-kemudahan "infrastructure" di kawasan-kawasan yang diistiharkan sebagai kawasan yang telah ditetapkan. Kerajaan Negeri dan pihak-pihak yang berkenaan akan memainkan peranan mereka dalam menyediakan kemudahan-kemudahan "infrastructure" seperti air, elektrik, jalan-jalanraya dan sebagainya di kawasan-kawasan yang telah diistiharkan. Saya yakin bahawa kedua-dua langkah ini, penyediaan "infrastructure" dan Galakan Pelaburan Tempat Kedudukan akan dapat mendorong pengusaha-pengusaha tempatan dan juga luar negeri melaburkan modal-modal mereka di dalam projek-projek perusahaan yang ditubuhkan di kawasan-kawasan tersebut.

Tuan Yang di Pertua, saya percaya bahawa semua Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini akan memberikan sokongan kepada Rang Undang-undang ini yang mana adalah bertujuan untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru kita.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Abdul Taib Mahmud: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail (Muar Dalam): Tuan Yang di Pertua, saya suka memulakan perbahasan berkenaan dengan Rang Undang-undang ini dengan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian ini dan Kerajaan, kerana membawa Rang Undang-undang ini ke Dewan yang mulia ini oleh kerana undang-undang ini memberikan galakan yang lebih menarik berdasarkan tempat letaknya perindustrian bagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri baharu sebentar tadi.

Rang Undang-undang ini patutlah mendapat sokongan Dewan ini bagaimana permintaan Timbalan Menteri tadi oleh kerana tujuan atau objectivenya dengan Rang Undang-undang ini adalah untuk menwujudkan perindustrian di merata wilayah atau region supaya memperseimbangkan pembangunan perindustrian wilayah.

Objective ini adalah sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru jika tujuan kita adalah untuk menyusun semula dan memodenkan masyarakat-masyarakat maka adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan memerhatikan supaya faedah-faedah kemajuan dapat dinikmati di seluruh negara.

Pada hemat saya keperluan yang seimbang dan lengkap bergantung kepada beberapa perkara iaitu perkara-perkara sosial dan ekonomi berkenaan yang saya butir di bawah ini:

- (i) Adanya masalah perbezaan pendapatan bukan sahaja di antara berbilang kaum malahan di antara negeri-negeri di dalam Malaysia sendiri walaupun konsipikasinya perbezaan pendapatan di antara berbilang kaum dan Negeri-negeri belumlah lengkap dan memerlukan kajian yang lebih lanjut tetapi tanda-tanda yang ada sekarang ini jelas menunjukkan jurang yang besar terdapat pada pendapatan, pada pengeluaran, pada jurang yang besar pada kemajuan iaitu di antara sektor bandar dan sektor luar bandar. Bagaimana kita sedia maklum, Tuan Yang di Pertua, di bandar yang moden yang sudah maju dari segi pengilangan, pembinaan, perdagangan, kemudahan-kemudahan, perkhidmatan-perkhidmatan dan lain-lainnya manakala

diluar bandar yang telah berketurunan mengandungi pekebun-pekebun kecil yang tidak ekonomik, penternakan dan lain-lain kegiatan pertanian yang mencerminkan keadaan ekonomi secukup hidup sahaja atau "subsistence economy". Paras pendapatan dalam bandar yang moden adalah dianggarkan lebih kurang 3 atau 4 kali ganda dimana boleh didapati kurang 60% daripada pekerja-pekerja di Malaysia ini. Selain dari perbezaan dari pendapatan di antara berbagai-bagai sektor maka terdapat juga perbezaan dikalangan kaum-kaum.

- (ii) Adanya masalaah pembangunan perindustrian yang tidak setara di antara negeri-negeri. Tumpuan kegiatan perindustrian yang terus-menerus berlaku di kawasan-kawasan yang tertentu seperti di Petaling Jaya, Batu Tiga atau Shah Alam, Mak Mandin, Kawasan Perindustrian di Prai, Di Tasek, di Larkin dan sebanyak sedikit di Kamunting. Sebaliknya hanya ada satu sahaja kawasan perindustrian di kawasan yang kurang maju di Negeri-negeri Pantai Timur di Semenanjung Malaysia. Pembangunan perindustrian di Negeri Kedah, di Perlis, di Sabah dan Sarawak juga amat terbatas. Di negeri saya di Negeri Johor hanya di sebelah selatan sahaja banyak pembangunan, tetapi di kawasan yang berhampiran dengan kawasan saya iaitu Muar hanya sangat sukar untuk mendapatkan pelabur-pelabur dengan sebab-sebab yang kekurangan tarikannya. Mereka yang tinggal di dalam kawasan-kawasan dan Negeri-negeri ini tidak dapat merasa faedah tidak dapat merasa kemudahan-kemudahan dan tidak dapat merasa peluang-peluang yang dinikmati oleh penduduk-penduduk di kawasan-kawasan yang lebih maju.
- (iii) Tuan Yang di Pertua, pengangguran di kawasan luar bandar adalah lebih tinggi daripada purata nasional sebanyak 8%. Hal ini menimbulkan implikasi yang amat serious yang menyebabkan ramainya penduduk-penduduk luar bandar berhijrah kepada Pusat-pusat Pembangunan di bandar-bandar.

- (iv) Sungguhpun pertanian masih merupakan bidang utama ekonomi Malaysia, tetapi peluang-peluang untuk memasukkan atau penyerapan semua sumber-sumber tenaga manusia "manpower" yang berlebihan di dalam sektor pertanian amatlah terbatas. Oleh yang demikian, perindustrianlah yang memegang anak kunci kepada kemajuan sosial, kepada kemajuan ekonomi dan kepada kemajuan politik negara kita.

Tidaklah disyaki lagi bahawa pertumbuhan ekonomi yang melibatkan terkembangnya atau tersebarnya Teknologi Moden dan meninggikan pendapatan seseorang itu hanyalah dengan perindustrian. Ini apa yang jelas kelihatan di hadapan mata kita berlaku di negara kita ini. Oleh kerana itu, amatlah perlu digalakkan pembangunan perindustrian di negeri-negeri yang saya sebutkan tadi dan kawasan-kawasan yang seumpamanya.

Suatu strateji lengkap yang disemak semula hendaklah digubal dan dilaksanakan kerana adalah jelas bahawa dasar yang ada sekarang ini serta jentera-jenteranya tidak mencukupi. Strateji ini pada hemat saya hendaklah bertujuan mewujudkan:

- (i) Suatu pembahagian pendapatan yang adil dan peluang-peluang pekerjaan yang di antara berbagai-bagai keturunan di antara negeri-negeri;
- (ii) Penggunaan Optima dari punca-punca yang ada terutamanya tenaga manusia;
- (iii) Menyelesaikan masalaah berkenaan pengangguran dan kekurangan penggunaan tenaga (underemployment);
- (iv) Mengurangkan berhijrahnya penduduk-penduduk dari kampung-kampung ke kawasan-kawasan maju dan ke bandar-bandar besar yang mana jika tidak dikawal akan mengakibatkan masalaah sosial dan juga masalaah politik yang lebih besar;
- (v) Memodenkan kawasan-kawasan luar bandar dan penghapusan pengenalan kaum dari segi pekerjaannya dan dari segi tempat tinggalnya.

Adanya Rang Undang-undang ini Tuan Yang di Pertua, menandakan bahawa dasar-dasar yang dahulu tidak berupaya untuk mempercepatkan langkah-langkah pembangunan indasteri di kawasan-kawasan

yang kurang maju dan saya sendiri telah mengambil bahagian pada masa Rang Undang-undang Galakan Pelaburan ini dibahaskan di dalam Dewan ini dalam tahun yang lepas. Ini dapat difahami oleh kerana dasar-dasar ini dapat dirancang sebelum dasar-dasar ekonomi baru dilancarkan.

Dasar-dasar itu tidak dapat membezakan antara keperluan-keperluan kawasan bandar bagi satu pihak dan keperluan-keperluan istimewa kawasan yang kurang maju di pihak yang lain. Akibatnya galakan-galakan yang terdapat sekarang cenderung kepada memperluaskan jurang tidak seimbang dan sektor-sektor dua ini iaitu sektor luar bandar dan sektor bandar.

Cadangan di sebalik Rang Undang-undang ini memberi masa 10 tahun dengan tidak dikehendaki membayar cukai kepada perindustrian yang bertaraf perintis dan yang tidak bertaraf perintis akan seterusnya memberi dorongan kepada pengusaha-pengusaha untuk mendirikan kilang-kilang mereka di kawasan-kawasan yang tidak begitu maju.

Hanya satu pandangan yang saya suka membuat terhadap Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di Pertua, iaitu galakan cukai ini hanya merupakan tarikan jangka pendek atau (short-term incentive) sahaja. Pembangunan perindustrian di dalam kawasan yang kurang maju melibatkan pelaburan dan harga pengurusan yang besar, iaitu modal yang besar untuk pembangunan tapak atau "site development" bangunan termasuk perumahan untuk pekerja-pekerja, kemudahan-kemudahan asas atau (infrastructure) dan juga pelaburan yang diperlukan untuk latihan tenaga manusia atau "manpower training" dan saya sangat gembira mendengarkan bahawa apa yang diterangkan oleh Timbalan Menteri tadi iaitu di kawasan-kawasan yang tertentu yang dipilih untuk kawasan-kawasan perindustrian akan diadakan (infrastructure) ini. Kerana ini pengalaman daripada apa yang ada berjalan di kawasan Muar sekarang sukar untuk mendapatkan pelabur-pelabur walaupun sudah disediakan tempat perindustrian.

Bekalan perkhidmatan yang tertentu adalah terbatas dan juga masalah membawa pekerja-pekerja professional dan juga Pengurus-pengurus untuk menjalankan perusahaan-perusahaan ini juga sangat terbatas.

Seorang pelabur di kawasan yang kurang maju menghadapi kesulitan-kesulitan kawasan seperti perbelanjaan pengangkutan yang tinggi dan jauh daripada pemasaran. Masalah-masalah ini akan menjadi lebih rumit lagi dengan darjah kesediaan yang berbeza oleh Kerajaan Negeri untuk pembangunan indasteri ini.

Oleh sebab itu Tuan Yang di Pertua, saya berpendapat selain daripada mengadakan pengecualian cukai bagaimana yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini Kerajaan patutlah juga menimbangkan lain-lain jentera pelaksanaan dasar seperti yang saya cadangkan di bawah ini:

- (i) Patutlah ada satu pihak berkuasa di peringkat "Federal" yang bertanggungjawab untuk menjamin kejayaan dasar perindustrian wilayah ini dan untuk melicinkan perbelanjaannya, walaupun saya tidak mencadangkan supaya kuasa ini diberi hanya kepada seorang. Adalah perlu juga dengan satu tempat dengan sebab adanya satu Pusat atau satu tempat di "Federal" ini, maka sesuatu bolehlah dirujukkan kepada tempat ini untuk menolong bakal-bakal pelabur berhubung dengan perkara-perkara yang berhubung dengan galakan cukai-cukai pelindung, kemudahan-kemudahan asas atau infrastructure kawalan pertukaran wang (foreign exchange) dan juga peraturan-peraturan Kastam dan lain-lainnya.
- (ii) Mustahak bila merancang kawasan perindustrian ini mengadakan rumah untuk pekerja-pekerja di dalam ataupun di pinggir-pinggir kawasan perindustrian ini.
- (iii) Pengembalian ataupun rebate kadar cukai hendaklah diadakan juga kepada pelabur-pelabur untuk perbelanjaan melatih pekerja yang kurang mahir.
- (iv) Pertimbangan hendaklah juga diberikan kepada pelabur-pelabur yang membelanjakan wangnya untuk pemindahan dan juga untuk mengadakan perumahan pekerja-pekerja kanan yang bagi projek-projek di kawasan kurang maju ataupun Kerajaan melalui FIDA ataupun melalui Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri menyediakan rumah-rumah dengan disewakan yang dengan sewaan yang menasabah untuk pekerja-pekerja kanan ini supaya menggalakkan

pekerja-pekerja kanan atau key officers atau employees untuk datang ke kawasan-kawasan perindustrian ini; dan

- (v) Rancangan pembinaan jalanraya yang menghubungkan kawasan-kawasan perindustrian ini di satu pihak dan pelabuhan-pelabuhan serta tempat-tempat pemasaran di pihak yang lain.

Sebagai menutup syor saya ini saya berpendapat, Tuan Yang di Pertua, iaitu peruntukan pengecualian cukai pendapatan tidak mencukupi untuk mengimbohi kesulitan tempat kedudukan yang kurang maju. Oleh sebab itu Kerajaan patutlah mengadakan juga bantuan atau subsidi yang menasabah untuk pelaburan yang hendak menjalankan projek mereka di kawasan yang kurang maju.

Negara-negara seperti Brazil, Itali, Australia dan Sepanyol yang juga menghadapi masalah-masalah seperti yang dinyatakan tadi telah berpendapat bahawa perlu diadakan pengecualian cukai dan subsidi ini dan sudahpun dijalankan di negara-negara itu bagi menggalakkan pelabur-pelabur pergi ke kawasan-kawasan yang kurang maju dan saya percaya, Tuan Yang di Pertua, Malaysia tentu sekali boleh mendapat faedah daripada pengalaman negara-negara yang saya sebutkan tadi.

Tuan Walter Loh Poh Khan (Setapak): *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, I fully support this Investment Incentives (Amendment) Bill, 1972. But there are a few important factors which have contributed to industries not being keen in investing in the rural areas. Most important is the location where industries are to be set up. "Location" means where they can get skilled manpower and skilled manpower is not something which we can get in plentiful supply. For example, in the rural area you have the manpower, but you don't have the skilled manpower and so you have got to shift manpower from one area to another area. Even by doing so, it is not that easy to find the required manpower because they prefer to work in a location where they live in. That is the problem that we now have. So, we have to encourage industries to attract these skilled workers to their industries. I will go

back to this point later because I have some other points to touch on.

Now the other problem is transportation. Transportation is a major problem. For example, if you ask an electronic company to set up an industry in Pahang—say in Bentong—they would not set up the industry there. Why? It is because the electronic industries are so competitive and so quick in changing all the up-to-date modern models and new inventions, that everything has got to be air-freighted. So electronic industries will never go to these areas because there is no air-freight facility to transport their goods as quickly as possible to the destination of the buyer.

Now, water and power are another major problem. We have plenty of water here and we have power but there seems to be a lack of something. We have all the experts, the engineers, the economists and whatnots, but we lack one thing. Like in the case of a teacher who is an expert in teaching mathematics, if you ask him a question without a factor, he would not be able to answer you and that factor is what an industry requires to set up an industry there. What is this requirement? For example, if it is power, I don't want to go very far—let us take Sungei Way. They are screaming for power in that area, not because we don't have the people to give them the power, but we don't have the factor—the amount of kilowatts the industries require. The engineers are not able to work out how many kilowatts are required by the industries, and when they found out the industries that require so many kilowatts. We have to order from overseas the transformers to satisfy the power needed by these industries there. But, in the meantime, how are the industries going to operate without power, these industries have no choice but to import generators from overseas to temporarily generate power. This sort of shortcoming will discourage industries coming into our country.

Water supply is another problem too, because we do not know how many gallons of water are needed. An industry in Sungei Way has not enough water and has to get it from a contractor who is building a factory there because he has permission to tap water from the main pipe from the highway for building the factory. This industry has to tap water from him and has to pay \$4 per

1,000 gallon instead of \$2. That would discourage industries coming in. We have to plan out what are the requirements needed by industries before we set up a free trade zone area or a developed area or a designated area. We must first plan out what sort of industries we need to be in these areas and what sort of requirements they need. There is no point in opening up areas and put them in and eventually finding that we have got no facilities. Such news will travel to other people outside the country, and they will say, "Malaysia does not give us enough facilities quick enough. They have the resources, they have the manpower, labour is cheap, they have everything, except that they do not plan and programme their development."

I think the incentives are not good enough to attract investors. Like the pioneer status, for example, they get two years' tax relief, or tax holiday as it is known, and another one year if their capital expenditure is not less than \$250,000, plus a further year if it is not less than \$500,000 and plus another year if it is not less than \$1 million. This incentive is good to encourage foreign investor to come in but it is not enough. Why I say that because some industries do not require a lot of capital, but the number of workers they employ would be 10 times as many as those who put in \$5 million. But for those who put in \$5 million will get the highest amount of relief. These small industries which bring in a capital of \$250,000 get only three years, but in terms of employment it is 10 times their number, and this will discourage them from coming in because their type of industries do not require a big investment, in terms of money. So we have got to strike a balance, or rather we have got to find a plan, i.e. if you bring in so much money, you get so much; if you don't bring in so much money but you employ so many people you get the same relief. That is very important because many industries would like to come in, but they don't like to put in too much money because their companies do not require so much money to begin with. There is no point in bringing a million dollars when you don't use even one-quarter of it. No industry or capitalist will ever do that, just putting in their money and not making use of it.

I think our whole Investment Incentive Act has to be completely reviewed because

at that time we enacted the Act, we were not quite sure because we were new to industries. Industrialisation was new to us and we made an Act in order to cope up with the immediate demand then. Now, that we have enough experience, we have to get experts from the Government side, from the private sector, even from the Members of this House who are experts in industries to form a committee to look into this Act and if need be to restructure our Investment Incentives Act because we did not have enough experience to foresee what was required for the future planning of our country's industrialisation. Therefore, I urge the Minister of Trade and Industry to look into this. As you can see amendments after amendments are coming in by piecemeal which is not healthy. Whenever there is a problem, then we start to think how to tackle it and put in an Amendment Act to overcome this problem and we keep on amending and amending each time there is a new problem. We have to restructure the whole present Act and do a complete overhaul to see how best we could attract more industries to invest in our country. Without a proper and up-to-date Act no investors would dare to come in because they say, "Your Act is so confusing, so many new clauses are coming in and going out and do not know what you are going to do next". These people bring in millions of dollars and they have to think very far ahead. They plan for the their future, not immediate, not five years, they plan for the future ahead. They do not simply come in here and get out as quickly as possible. We do not want that sort of industries. We want industries to come in and stay forever. In order to attract them, we must have an Act to ensure that they are protected in certain ways so that they are not afraid to come into our country. I therefore, urge that this must be done first.

Datuk James Wong Kim Min (Miri-Subis): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, this Bill which is before the House today on the Investment Incentives Act is a very welcome one, like most of the Bills which endeavour to create incentives for people to invest in this country.

Mr Speaker, Sir, I am reminded by the various Bills which have been passed in this House of a story which I heard many, many years ago, and which I think will illustrate the point which I am trying to put across

here. This story concerns a centipede which has 100 legs. Unfortunately, Mr Speaker, Sir, this poor centipede had rheumatism in its 100 legs. So it staggered around in the jungle in agony. Finally, someone suggested to him that he should see the wise man of the forest. So he asked, "Where can I find the wise man of the forest?" "Oh," said the other chap, "you will find the wise man of the forest up in a tree somewhere." So this poor centipede staggered along in the forest until he finally saw a monkey sitting on a tree. And he asked, "Well, are you the wise man of the forest?" The monkey answered, "Yes, what is your problem?" "Oh," he said, "I have been asked to see you, I have got rheumatism in my legs. It is terrible". "Oh," the monkey said, "that is no problem, all you have got to do now is to cut off 96 of your legs. Everybody in the world gets along with two legs or four legs at the most. But you have got 100 legs. If you cut out 96 of your legs, you will reduce your pain by 96%. It is simple." The centipede replied, "Oh, this is excellent, but how do I go about it?" The wise man said, "Do not come and ask me about it. I will only tell you what to do, what needs to be done. You have got to find somebody to carry it out and cut them out for you."

Mr Speaker, Sir, I hope this Bill here is not going to do that. This is the Investment Incentives Act. How is this Act going to be implemented? How is this Act going to benefit the people who are meant to be benefited? How is this Act going to be understood by the people who wish to make use of it? As the Honourable Member who had spoken earlier on said, many people are confused. I know many people have approached me particularly in East Malaysia. They said, "We want to set up an industry. Now, how do we go about it?" "Well," I said, "it is simple; all you have got to do is to write to the Ministry of Trade and Industry or write to the Sarawak State Development Committee." But they said, "Well, how do we go about it? We have approached the people in the State Development Committee and they suggested that we should write to Kuala Lumpur and we have approached the people in Kuala Lumpur, and they suggest we should see the State authority, and we go merry ding dong the whole way and nothing happens."

Mr Speaker, Sir, this is the frustration that is at the moment being suffered by the people, particularly in Sarawak. Well, let us take a particular case. For instance, the ship building industry now in Miri. I pointed out this in the House during the last meeting. There is a budding ship industry in Miri. They are building ships; in fact, they have built one or two ships of nearly a thousand tons. But recently, last year, they lost a substantial order to a neighbouring country because I understand that they are charged 25% duty for the engines which are going to be put into the ships which they build. I understand, Mr Speaker, Sir, that if a ship is imported or comes from other countries into Malaysia with engine, it is not subject to duty but yet an engine which is imported into Sarawak, for instance, for a ship which is built there, will be subject to duty. Now, this is the kind of contradictory position which is very embarrassing to the industry, and I hope, Sir, that the Ministry will look into the matter; probably the Ministry will also look into this particular problem which I have just pointed out.

Mr Speaker, Sir, I have pointed out earlier on that there is a need for the Government to carry out a survey of the rural areas, and I refer here in particular to Sarawak, and I even suggest that survey should be carried out in all the five Divisions. The officers from the Ministry, i.e. the experts or a Commission should go there, into every Division, to find out what is their problem, how the Government can best help them and what is the best industry for that particular locality. Well, unless the Government does that, Sir, how can they find out which is the best "designated area" to go into? This is precisely the point. How do you know? It is no use putting a "designated area" in a place where in point of fact there is no need for it and nobody wants to go there. The thing to do is to find out exactly what is there, what the people want to do there and then put a designated area on the spot, but you can only do this provided you first have a dialogue with the people who are going to do it. Mr Speaker, Sir, as I pointed out earlier on, the objectives are good, but objectives alone will not create the industries we need and the objectives must be followed by action.

I am sad to say here, Sir, with some regret actually, that our State Development Committee in Sarawak, at the moment is not functioning very well somehow or other. That is the impression I get from business friends of mine and people who wish to start industries in Sarawak. As I said earlier on, there is severe short-circuit on the line. Now, I hope the Deputy Minister in his reply today in the House would give us an assurance on the concrete steps, I repeat, the concrete steps, the Government is going to take to overcome this problem of communications. If we cannot communicate, nothing can be done. For instance, if a person in Limbang or in Miri wants to have a plant there or do something there whom does he get in touch with? Who shall he write to get immediate action? And how long would the Government take to give a reply to applications made?

This again is a frustrating factor because applications sometimes are made and it takes months before anyone gets a reply and in between that the interest is lost and then things are just wasted away.

This is undesirable, I would suggest and commend to the Honourable Deputy Minister that a booklet should be printed, especially now under the dynamic leadership of our Deputy Minister, where it should be stated what one should do in order to apply for a pioneer status or to benefit under the Investment Incentives Act in simple Chinese, in Bahasa Malaysia, in Tamil and in English. I suggest this should be done.

Mr Speaker, Sir, I would also suggest that the Honourable Deputy Minister should visit the rural areas to find out for himself what is the need there and give more publicity to this Investment Incentives (Amendment) Bill, which is a very good one, Sir, if it is implemented. But if there is a short-circuit and it could not be carried out, then this Bill instead of bringing more encouragement to the trade would cause frustrations and this, Mr Speaker, Sir, I would solemnly urge the Honourable Deputy Minister not to do.

Tuan Loh Jee Mee: (*Dengan izin*) This is a good Bill, Sir, and I have some observations to make and I hope that the Minister concerned will take note. While all out efforts are being made to lure foreign investors into this country by offering attractive incentives,

it is important that the Government keep red-tape to a minimum. It will be pointless, Sir, in promising investors the moon and the earth, but making them wait for a long period to get the necessary approval from the authorities concerned. One such example of the delay caused by red-tape would be the case of an application made to set up a factory in Tapah in my constituency. This particular application was made more than a year ago and till now, to-date, approval has not been received. Sir, news of such delay is bound to spread fast and no amount of incentives can help to restore the confidence.

In view of the present trend to decentralise industrialisation so as to prevent an influx of the people from the rural areas to the cities, I appeal to the Government to consider setting up an industrial site in my constituency of Batang Padang. Most of the towns in my constituency are situated along the north/south trunk road, including a small airport, which in itself is an advantage in so far as the transportation problem is concerned. Besides, there are no major firms or industries to provide employment to the rural youths in this area and the opening up of an industrial estate could go a long way in solving the unemployment problem which exists there. Sir, in the urban areas the problem of unemployment is far from being solved and would no doubt be further aggravated if the influx of people from the rural areas is continued. Another point is that the fact that there is already an application pending approval in my constituency indicates that these investors are prepared to go and put up projects outside the urban areas.

In conclusion, I hope that something concrete could be done about it and I sincerely hope that my suggestion would be accepted by the Ministry concerned.

Dr Chen Man Hin: Tuan Speaker, saya suka mengambil bahagian dalam perbincangan di bawah Investment Incentives (Amendment) Bill dan saya minta izin untuk bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, Malaysia by itself is not alone in wanting to disperse industries to the non-urban or rural areas. In fact, if we take the case of the other countries like Japan and the United States of America, we also can note that they are also attempting to disperse their industries from the cities into the rural areas. In fact,

the new Japanese Premier has centred his whole campaign on this policy of industrialisation of the rural areas. It is probably for different reasons. Japan and America are so congested and industries are polluting the cities to a very dangerous extent that they have perforce to spread out the industries; in our case, Malaysia, the reasons are to provide employment in the rural areas and also to provide modern amenities to the people in the kampungs and the new villages in the rural areas. Therefore, we support this Bill, but we feel that it is not sufficient to provide the incentives to lure these investors from places like Kuala Lumpur, Batu Tiga and Petaling Jaya to the less developed areas of the East Coast and other parts of the country. Many points have been raised by Honourable Members here. I do not wish to repeat them. Of course, as I said, the less industrialised areas compare very unfavourably with places like Kuala Lumpur or Petaling Jaya. Therefore, this incentive by itself would not balance these great differences between the city and the rural areas. Provision of infrastructure in the rural areas is very, very important and also transport to cut down the cost of production and other amenities. Although there is a lot of labour in the rural areas, most of this labour is quite unskilled. This problem will have to be solved probably by the setting up of more vocational schools and technical schools in the rural centres so as to provide skilled manpower to service these new industries.

My point today is there must be some research again by the Ministry concerned to define the type of industries which could be set up in a definite area. In reply to a question raised by me some weeks ago, the Deputy Minister of Trade and Industry in replying said that the amount of private investment in this country in 1971 and 1972 amounted to \$800 million and of this about \$600 million are from local entrepreneurs, local businessmen; only \$200 million came from foreigners. So, in other words, Mr Speaker, Sir, there is a large amount of money to be tapped from our own local people, who have the money but do not have the know-how and are not provided with the advice which is meant to be provided by FIDA and other institutions.

Therefore, I would ask the Government to earnestly study the matter and to do complete

research so that there is definite planning: in Miri, for example, there should be this type of major industry and other supporting industries to support that particular industry; or in Malacca a certain type of industries should be set up suitable for that area and so on. I think FIDA should buck up and do more work and I hope that it will present a report of that nature to our local businessman and also since local businessmen or traders or merchants have been asked often to change their mode of occupation and to venture into industries not only by the Finance Minister but also by many other people, I feel that there could be more communication between the Ministry of Trade and Industry and local traders, merchants and potential industrialists—probably in the form of orientation courses or meetings where FIDA officials or experts or economists could go and give lecture and tell them about the intricacies of participating in industries.

There is one other point which I think should also be taken into consideration and that is the question of big business lobbying. In this matter of lobbying for business or industries, the poor, less developed States like Negri Sembilan, Malacca or Pahang have no chance whatsoever. I quote the example of the Good Year Tyre Factory which is now due to be set up in Batu Tiga. At that time, about a year or two ago, when an officer from the Good Year Tyre Factory came over to investigate and to look into the question of a potentially good site for this factory, it boiled down to three States—either Malacca, Negri Sembilan or Selangor—and finally it settled down, I think, in Batu Tiga, Selangor. Why? It is because of the obvious benefits to be accrued in Batu Tiga and largely because, I think, of big business lobbying. Therefore, the Government should take steps in this matter and help the less developed States and not to allow big businesses to monopolise the industries and also to give the less developed areas a fair chance to attract industries.

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan masing-masing dan juga memberi pendapat-pendapat masing-masing berkaitan dengan Rang Undang-undang yang sedang dibincangkan pada hari ini.

Nampaknya pada keseluruhannya bolehlah dikatakan bahawa tiap-tiap seorang daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berdiri tadi telah bersetuju dan menyokong di atas Rang Undang-undang ini dan saya sangat sukacita atas sokongan ini oleh sebab pada pendapat kami dalam Kerajaan langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan meminda Rang Undang-undang Galakan Pelaburan ini ialah satu langkah yang penting bagi membaiki kedudukan kawasan-kawasan yang masih belum dapat lagi menikmati perindustrian yang pada masa ini ditumpukan di kawasan-kawasan yang sudahpun maju.

Tuan Yang di Pertua, pertama sekali saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam yang sebetulnya telah memperkukuhkan hujah-hujah Kerajaan yang kita mengadakan Rang Undang-undang untuk dipinda di dalam perbahasan kita pada hari ini. Apa juga yang dikatakan oleh kebanyakan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, saya mengambil ingatan dan saya suka menegaskan bahawa oleh sebab kekurangan kemudahan-kemudahan di dalam kawasan-kawasan yang tertentulah maka pihak Kerajaan telah mengambil keputusan meminda Rang Undang-undang Galakan Pelaburan pada hari ini.

Tuan Yang di Pertua, mengikut apa yang diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam, saya suka menyatakan bahawa berhubung dengan syornya ataupun cadangannya supaya ada satu peringkat pusat ditubuhkan di Kuala Lumpur untuk memberi nasihat ataupun mengawas soal-soal perindustrian yang dikehendaki di dalam satu-satu kawasan itu sebetulnya cara pentadbiran ini sudah pun ada di Kementerian saya terutama sekali seperti saya sebutkan tadi di dalam masa kita mengadakan soal jawab, di Kementerian saya telah ada satu Follow-up Section yang akan menentukan bahawa apa-apa juga keputusan, apa-apa juga kebenaran yang diberi kepada pengilang-pengilang akan dipatuhi oleh mereka-mereka itu sendiri. Dan dari segi koordinasi dalam melaksanakan dasar Kerajaan di peringkat perkilangan ini, perindustrian ini, maka saya suka menyatakan memang susah diambil langkah baharu-baharu ini terutama sekali bahawa pihak FIDA, pihak Industrial Development Division dan pihak Perbadanan Kemajuan Negeri-negeri masing-masing telah

berhubung rapat dan mengambil peranan yang pesat di dalam menentukan kawasan-kawasan yang harus diadakan perindustrian di dalam tiap-tiap negeri.

Ada beberapa soal yang berbangkit dengan soal koordinasi ini. Misalnya pada masa ini mengikut undang-undang ataupun peraturan di dalam negeri kita ini, soal tanah masih di dalam tangan atau kuasa Kerajaan Negeri. Sungguhpun begitu, seperti saya katakan tadi, soal ini tidaklah menjadi satu soal yang akan membuntukan rancangan kita oleh sebab pihak Kerajaan Federal ataupun Kerajaan Persekutuan berhubung rapat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk melicinkan pentadbiran dari segi memberikan tanah kepada kawasan-kawasan yang hendak didirikan perindustrian.

Tuan Yang di Pertua, memanglah benar dari segi apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam, Setapak dan Seremban Timur bahawa soal yang dihadapi apabila kita hendak membawa perindustrian di dalam sesuatu kawasan luar bandar itu ialah soal kekurangan pekerja-pekerja yang mahir. Dalam soal ini saya berpendapat bahawa selagi kita tidak membawa perindustrian kepada kawasan-kawasan yang kurang maju, selagi itulah kita tidak akan dapat kemahiran di kawasan-kawasan yang berkenaan itu. Dari segi ini saya suka menyatakan sekali lagi bahawa apabila satu-satu industri itu diberi kebenaran untuk memulakan kerja-kerjanya di dalam kawasan yang tertentu itu, maka satu daripada syarat yang dikenakan kepada industri itu ialah bahawa mereka hendaklah melatih seberapa banyak pekerja-pekerja mahir dari peringkat bawah sehinggalah ke atas untuk kepentingan mereka dan untuk kepentingan kawasan-kawasan yang berkenaan sama juga.

Tuan Yang di Pertua, selain daripada soal kekurangan pekerja-pekerja yang mahir, Ahli Yang Berhormat dari Setapak telah menyebutkan bagaimana dalam kawasan-kawasan luar bandar misalnya memang soal-soal pengangkutan, soal air, soal api dan sebagainya ialah satu soal yang rumit yang dihadapi oleh kawasan-kawasan ini.

Saya suka menyatakan juga seperti saya sebutkan di dalam ucapan saya tadi bahawa oleh sebab itulah maka kita telah menegaskan bagaimana mustahaknya Kerajaan-kerajaan

Negeri menentukan dahulu bahawa infrastrukter ini betul-betul ada dan cukup serta betul-betul akan menyenangkan industri itu datang ke kawasan-kawasan yang ditentukan oleh kita. Saya suka menyatakan di sini bahawa pihak Kementerian dan pihak-pihak yang berkenaan yang hendak menarik industri ataupun perindustrian di kawasan-kawasan luar bandar terutama sekali tidak akan menentukan ataupun mewartakan satu-satu kawasan itu melainkan kita berpuashati, boleh dikatakan berpuashati 100% bahawa pembawaan perkilangan ataupun pembukaan satu-satu kawasan untuk diberi kepada perindustrian akan dapat berjaya terlebih dahulu dan cukup dengan infrastrukter yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Saya berpendapat bahawa sebelum kita hendak menentukan kawasan perindustrian, saya fikir tentulah kita pada mulanya membuat rancangan, selepas itu menentukan apakah industri yang patut dibawa ke sana, selepas itu baharulah didirikan infrastrukturnya dan lepas itu baharulah kita beritahu kepada mereka yang cenderung untuk pergi ke kawasan yang kita tentukan tadi. Dan sekiranya kita tidak dapat, kita akan meminta mereka-mereka yang berkenaan supaya pergi ke dalam kawasan-kawasan yang kita tentukan tadi.

Dari segi incentive, Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Setapak telah menyatakan bahawa incentive yang diberikan oleh Kerajaan mengikut undang-undang sekarang ialah semata-mata incentive mengikut masa berdasarkan kepada perbelanjaan ataupun capital expenditure sesuatu industri itu. Hujah ini tidaklah benar oleh sebab selain daripada incentive berasaskan kepada capital expenditure. Pada masa sekarang ada satu incentive yang dinamakan Labour Utilisation Relief iaitu satu incentive yang diberikan kepada sesuatu perusahaan diberi masa sehingga lima tahun—maksudnya lima tahun bergantung kepada berapa orangkah yang diambil bekerja ataupun berkhidmat di dalam satu-satu kawasan itu.

Tuan Yang di Pertua, soal communication yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Miri-Subis dan juga Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timur kalau tidak salah saya dan juga disebutkan cara tidak langsung oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang berhubung dengan soal red-tape dan sebagainya. Itu betul, terpuanglah kepada mereka-mereka yang betul-betul

hendak membuka suatu industri di dalam sesuatu kawasan itu. Dari segi Kerajaan misalnya di negeri Sarawak, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari Miri-Subis, Negeri Sarawak, kita telah mengadakan satu survey pada tahun 1971 berhubung dengan potential ataupun kemungkinan industri di dalam negeri itu dan apa juga syor-syor dan cadangan-cadangan yang telah dibuat mengenai survey itu sedang dan akan dilaksanakan.

Adalah diharapkan bahawa sekiranya seorang itu ada cenderung untuk mendirikan suatu industri di dalam mana-mana kawasan juga samada di Sarawak, Sabah ataupun di Negeri-negeri mana juga tolonglah berhubung terus dengan Industrial Division ataupun FIDA.

Di negeri Sarawak misalnya memang ada di Kuching satu bahagian Industrial Division, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan saya harap Ahli Yang Berhormat itu akan menasihatkan mereka yang di dalam ini supaya pergi bertanya kepada mereka, tak payahlah kalau Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri tidak faham procedure ini, saya fikir tidaklah dapat kita menjalankan tugas kita dengan berkesan. Dan dari segi ini juga, saya suka menyatakan bahawa kalau hendak ditanyakan cara-cara hendak mendapatkan kemudahan-kemudahan dan sebagainya untuk mendirikan sesuatu industri, maka saya berharap bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan kita oleh sebab pihak Kementerian saya sudah pun ada mengeluarkan pamphlet-pamphlet ataupun buku-buku yang berkenaan memberi nasihat kepada sesiapa juga yang suka mendirikan sesuatu industri di mana-mana kawasan juga.

Buku-buku ini ataupun pamphlet-pamphlet ini sentiasa ada, tulis sahaja ataupun pergi di Bahagian Industri ataupun Industrial Division di Kuching, maka buku-buku ini akan dapat diberikan dengan percuma kepada Ahli Yang Berhormat ataupun siapa-siapa juga yang ada kecenderungan dalam ini. Soal red-tape dan sebagainya saya berharaplah bahawa

Datuk James Wong Kim Min: Saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Berkenaan dengan penjelasan yang diberikan oleh Timbalan Menteri tadi ialah ertinya permintaan-permintaan ini hendaklah ditujukan

kepada FIDA bukan kepada Sarawak Economic Development Corporation atau kepada siapa? Harap saya mendapat penerangan.

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, saya fikir soal ini tidak menjadi rumit, oleh sebab dari segi FIDA kita akan memberi apa-apa juga pertunjuk kepada mereka yang hendak melaburkan modal di dalam satu-satu kawasan dari segi apa yang dikatakan Penasihat Am. Tetapi kalau kita betul-betul tahu di manakah kawasan yang ada dan boleh dimohon dan apakah industri yang dapat modal dalam kawasan itu yang mungkin didapati, saya harap Ahli Yang Berhormat ataupun sesiapa yang berkenaan bolehlah pergi berjumpa dengan SEDC ataupun Perbadanan Kemajuan Negeri masing-masing. Seperti yang saya sebutkan tadi soal tanah misalnya ialah soal Negeri. Jadi kalau ada soal permohonan yang tertentu, projek yang tertentu, bolehlah pergi kepada mereka di Negeri yang berkenaan.

Walaupun bagaimanapun, saya suka menyatakan bahawa Kementerian saya ada dua bahagian yang berkenaan dengan pelaburan modal ataupun mendirikan sesuatu industri iaitu Industrial Development dan FIDA di peringkat-peringkat Negeri kalau ada sesuatu rancangan tertentu bolehlah diminta penjejasan daripada Perbadanan Kemajuan Negeri masing-masing.

Tuan Yang di Pertua, soal yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak yang telah mengesyorkan supaya kita semua mengkaji balik dasar ini, saya fikir perkara itu tidaklah timbul. Oleh sebab, saya suka menegaskan bahawa dari semasa ke semasa Kerajaan memang sentiasa mengkaji balik, tidaklah boleh kita menentukan bahawa sesuatu Undang-undang ataupun peraturan itu ditetapkan dan selepas itu tidak akan dapat dipinda.

Ini bukanlah cara kita menentukan sesuatu undang-undang, sesuatu undang-undang itu bolehlah dipinda berasas kepada pengetahuan ataupun pengalaman yang kita dapati apabila kita melaksanakan undang-undang itu. Tetapi dari segi Kementerian saya, saya beranilah mengatakan bahawa pihak Kerajaan setakat ini memang berpuas hati di atas undang-undang yang ada di dalam negeri ini terutama sekali dari segi Rang Undang-undang Galakan Pelaburan

di dalam negeri kita ini. Buktinya boleh kita dapati ataupun apabila kita melihat bagaimana banyak industri daripada luar dan dalam negeri yang boleh dikatakan beratur hendak datang masuk melaburkan modal mereka ke dalam negeri kita.

Tuan Yang di Pertua, saya rasa tidak ada lagi hujah-hujah ataupun jawapan yang hendak diberi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap pada hari ini dan saya suka sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan kita pada hari ini dan apa juga pandangan-pandangan yang telah diberi, telah dicatat dan diambil perhatian muga-muga dapat kita gunakan untuk memperbaiki kedudukan ataupun cara pelaksanaan dasar ekonomi negara kita untuk kepentingan rakyat jelata pada keseluruhannya.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PERINDASTRIAN KAYU MALAYSIA (PERBADANAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di Pertua, terlebih dahulu saya akan bercakap dalam bahasa Malaysia dan mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Saya mohon mencadangkan Akta Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan) 1973 dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menubuhkan dan menyusun semula Lembaga

Perindustrian Ekspot Kayu Malaysia yang ada sekarang ini untuk menjadi satu badan Kebangsaan yang lebih kuat dan lebih berkesan. Lembaga baru ini diberi nama Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia. Lembaga yang akan diganti, telah ditubuhkan di bawah Akta 1966 dan menjalankan tugas-tugasnya sebagai sebuah Lembaga bersama dengan negara Singapura tetapi tidak termasuk negeri-negeri di Malaysia Timur. Lembaga baharu yang akan ditubuh di bawah Rang Undang-undang ini akan pula meliputi sekitar Malaysia dan akan ditugaskan untuk menyelesaikan masalah-masalah dalam keseluruhan perindustrian kayu; mengikut rupa keadaan di negara ini amnya dan di negeri-negeri khususnya. Tujuan utama bagi Lembaga baharu ini ialah untuk menggalakkan pembangunan perindustrian kayu untuk menjadi sebuah perindustrian yang moden dan lebih dinamis.

Bentuk dan garis-garis kasar Lembaga baru ini akan membolehkannya memberi pimpinan dan daya utama yang perlu kepada keseluruhan perindustrian kayu dalam menyelesaikan masalah-masalahnya dengan cara, apa yang saya akan panggil, "integrated approach" terhadap pembangunan perindustrian kayu. Ini berkehendakan kesan-kesan dan penyelarasan yang rapat (interaction and co-ordination) di antara pemasaran, sebagai satu perkara yang penting, dan pembangunan barangan, penyediaan perbagaian dan industrilazasi untuk membolehkan bahan-bahan mentah, supaya digunakan dengan lebih baik dan berhasil dan disesuaikan dengan peluang-peluang pemasaran yang sudah terdapat pada masa sekarang, dan yang akan timbul pada masa hadapan. Dengan kata lain: "This involves the interaction and close co-ordination of marketing, as a vital feature of the development strategy, with product development, research, diversification and industrialisation to enable the pattern and direction of our resource development to be better integrated to the present and potential market opportunities that can be taken advantage of. In this way we can ensure that our timber resources will progressively be more and more fully utilised."

Dalam strategi "integrated approach" ini adalah mustahak bagi kita meluaskan kuasa dan menambahkan tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab Lembaga yang baru

ini. Itulah sebabnya, Rang Undang-undang ini memberi kuasa kepada Lembaga yang baru untuk menjalankan tugas-tugasnya, bukan sahaja dari segi aspek-aspek perdagangan dan ekspot tetapi juga dari segi pembangunan industri. Lembaga ini mestilah bertanggungjawab bukan sahaja atas usaha mengeluarkan kayu balak dan kayu yang digergaji, tetapi juga atas pembangunan barang-barangan kayu keseluruhannya termasuk kayu lapis/veniar (plywood and veneer) papan serpih (particle board) papan gentian (fibre board), cebis kayu (wood chips) dan kayu kisar (ground wood).

Tentu ada mereka yang bertanya mengapa kita bersusah-payah menyusun semula bentuk Lembaga Perindustrian Kayu ini apakala perindustrian kayu sekarang ini sedang berjalan dengan cukup baik, seperti terbukti daripada kenaikan ekspot kayu balak, kayu yang digergaji, kayu lapis dan veniar. Saya tidaklah menafi bahawa perindustrian ini telah berjalan dengan begitu pesat, sehingga menjadi sumber pendapatan ekspot yang ketiga besarnya di negara ini. Tetapi kemajuan tidaklah boleh menutupkan mata daripada beberapa kelemahan asas yang mungkin menyebabkan kemunduran di dalam perindustrian kayu pada masa hadapan. Jika tindakan yang tertentu tidak diambil untuk mengatasi kelemahan-kelemahan ini, industri ini akan hilang momentumnya atau tertinggal ke belakang, dan akan terbelenggu kepada hanya tingkatan pembangunan, kegunaan punca-punca keluaran yang ada pada sekarang sahaja. Saya tidaklah boleh membiarkan Perindustrian Kayu ini terperangkap dalam keadaan kekurangan kecukupan yang akan membawa akibat socio-economic bertentangan dengan tujuan Dasar Ekonomi Baharu yang telah dizahirkan oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri kita.

(Dengan izin) Tuan Yang di Pertua, the Malaysian Timber Industry has developed under generally buoyant market conditions. While such conditions have elicited a rapid response in production, they have also tended to create apathy and a somewhat lack of concern in pushing for new and more progressive market development to obtain the best benefits for the industry. This in turn has led to an unfortunate stagnation in the dynamics of industrial management and a lack of innovation in the improvement of

standard and techniques. It has also jeopardised the rapid diversification of manufacturing into new and more promising lines and products.

To illustrate my point, Mr Speaker, let me depict the profile of the sawmilling industry of West Malaysia. It has an estimated capital investment value of round about \$60 million, an employment of some 25,000 and an annual export value of over \$200 million. This industry has established and has expanded rapidly since 1968 in response to world demand for Malaysian tropical wood.

Investigations into the structure and efficiency of this industry have revealed that its expansion has not been accompanied by modernization, and that many of the defects of the original structure persist today. These investigations clearly point to the fact that the sawmilling industry is not operating to the best economic advantage of West Malaysia and that it is not utilising its resource base to maximum advantage.

A stage in the development of the industry has been reached where a major readjustment of values and attitudes is necessary, if this industry is to survive the challenges and meet the opportunities which so obviously exist in the future. A new injection of vitality is necessary; a new structure is required. Modern concepts of industrial management and production economics must be applied to what is now a virtually stagnant situation.

At the present point of time, the sawmilling industry lacks cohesion and strength, and although, in aggregate, it is large, comprising 477 operational mills, and its overall export performance is impressive, it cannot be regarded as either dynamic, progressive or, looking to the future, even healthy. A major change is vital if this industry is to expand to its full potential and establish itself as a permanent long-term industrial activity with all the benefits of permanent employment and economic diversification.

The weakness of this industry is amply illustrated by its low value added yield. On the average only 55% of the timber sawn is of exportable grade; the domestic market is saturated with low quality badly sawn timber and an excessively high proportion of this is wasted. About 65% of our export is

dependent on only 104 of our 477 sawmills, showing that $\frac{1}{4}$ th of our sawmills are not as active as we expect them to be. To show again their weaknesses, only 18% of our sawmills have breakdown saws which are regarded as adequate. Virtually all the resaws used within the industry are undersized and underpowered and only a handful of mills are designed for high speed, high quality production at minimum cost.

Traditional attitudes towards the production of sawn wood are now creating a problem which must be overcome, if the industry is to survive as a major contributor to the world timber economy in the face of increasingly strong international competition.

Indeed, the future development and fuller utilisation of timber resources require a progressive adjustment by industry towards the increasing use of not only the best quality logs but all other commercially viable timber. The evaluation of the forest resource of the country has indicated that it has considerable potential to support not only the existing industries but a significant increment in new processing capacity. Although we have this potential available, the industry must nevertheless recognise that this potential is not there if it only means creaming off the best of our forests. Even with the large potential of timber resources, I cannot guarantee that all timber industries can survive. I can, however, say that whether particular industries can survive or not depend very much on their response to new exacting conditions. Some relocation is probably necessary to enable industries to be closer to their source of log supply. Industries will have to get over the idea that logs will be for their picking and that they will do with nothing less than the best logs. The sooner industries face up to this fact the better. And the ones that survive will be the ones that begin, if they have not already done so, to reorientate and adjust their production processes to include the use of a wider range of species and smaller diameter logs.

I am aware, of course, that many technical and marketing problems remain to be solved in the processing of smaller sized and somewhat defective logs, and in the use of species which are currently of marginal acceptance in the market; for not only must utilisation be more effective to reduce costs, but

Mr Speaker, Sir, while it is easy to check the quality of sawn timber, the checking of the quality of logs would be much more difficult. This is the only observation I am making on this particular point. Now, this is important.

On the other side of the coin, may I draw attention to Clause 30, which reads:

"30. Whoever, in purported exercise of the powers under section 27, vexatiously and unnecessarily seizes or detains any books. etc.

This is under "Abuse of power." If you read this Clause in conjunction with Clause 27,

this will mean that any abuse of power under Clause 30 will render the Minister liable to a commission of the offence under this Clause because of the abuse of power which emanates from the Chairman. I am not a lawyer, but this is what strikes me because under Clause 27 it says here that "the Chairman or any officer of the Board so authorised in writing by the Chairman . . ." Therefore, it is the Chairman—if I may quote further Clause 30,

"Whoever, in purported exercise of the powers under section 27"

will be committing an offence. I only want to draw the attention of the Minister to a point of law.

Mr Speaker, Sir, may I now come to Clause 34 (2) (d). May I ask, Mr Speaker, Sir, if it is the intention of the Board to fix the price of timber which is sold in a competitive world market? Is it the intention here to straight-jacket the industry? Is it the intention here to prevent the industry from free bargaining? Is it the intention of the Government in this Bill to kill private enterprise? If not, let me suggest to the Government that nothing can be more conducive to cripple the timber industry than to straight-jacket it with rules and regulations. Like other commodities, Mr Speaker, Sir, the prices of timber go up and down and furthermore some operators in order to protect themselves have to resort to forward sales and some in order to clear stocks have to resort to clearance sales of the old stocks at cheaper prices in order to meet their financial commitments. This is one of the things which happens to a private enterprise. Hence, I cannot understand the inclusion of this Clause and I suggest that in order that it would not be misunderstood, if it is not the intention of Government to straight-jacket the timber industry, then this particular sub-clause should be deleted or amended.

May I now come to Clause 35 (1). This clearly confirms that the Board is merely the servant of the Minister and that the Board has no discretion at all.

Mr Speaker, Sir, I notice that an amendment to Clause 1 will be introduced by the Minister of Primary Industries at the Committee stage. I am glad, Mr Speaker,

Sir, that the Honourable Minister has seen fit to introduce this amendment for it is clearly impossible to implement this Bill in Sarawak until Sarawak has sufficient trained graders and has sorted out the various problems of shipping—just to mention one or two of the problems associated with the timber industry there. Probably, the same applies to Sabah and to some other parts of Malaysia. I do not wish to elaborate further on this as the Honourable Member for Payang has already touched on this point too.

Mr Speaker, Sir, I would like to make one further observation here and that is when ultimately it is the intention of the Government to implement this Bill in Sarawak, I hope the Board would establish a Branch in Sarawak. Furthermore, it is essential that the staff there are fully trained and are conversant with their job. I know of a case in Sarawak where senior officers were so carried away by zealousness that on one occasion they even imposed a fine on logs when in fact they had not been sold although royalty and cess had been paid. In other words, they were billing the operator for timber which belonged to the operator.

Finally, Mr Speaker, Sir, may I once again say that whatever observations I have made here are no reflection at all on the incumbent Honourable Minister, who is my friend and, indeed, on any Ministers; and if I have emphasised strongly on certain points, I merely illustrate the concern that I have in connection with those particular clauses. I hope that my observations will be taken in the spirit in which they have been given, in that, whilst I welcome the Board to assist in the co-ordination of the timber industry as a whole, I would strongly condemn any infringement of the rights of citizens to earn an honest living and the right to appeal to the courts and the prevention of the private industry from being able to manoeuvre and negotiate freely in order for the industry to survive and prosper for the benefit of the industry and the nation. I commend my observations, Sir, to the Honourable Minister.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Yang di Pertua, saya bangun untuk menyokong dengan penuh, pada dasarnya Akta Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan) 1973.

Adalah sampai masanya untuk kita menubuhkan satu Lembaga yang berasingan dengan Singapura untuk memberi perkhidmatan kepada keperluan-keperluan Malaysia. Lembaga yang ada sekarang ini yang sedang berjalan semenjak beberapa tahun yang lalu telah didapati tidak cekap untuk menyelaras dan menggalakkan perdagangan dan perindustrian kayu. Adalah sukar untuk dilihat bagaimana Lembaga yang ada sekarang ini dapat dijalankan bila ia terpaksa menyatukan kehendak-kehendak negara-negara Malaysia dan Singapura dalam perkara seperti kegunaan sumber-sumber kayu dan pembangunan. Apa yang telah terjadi ialah lembaga bersama ini telah hanya membenarkan pengaliran kayu balak dan kayu gergaji yang tidak digredkan ke Singapura untuk diproseskan atau hanya untuk ditambah nilai untuk diekspot, yang menyebabkan kerugian pendapatan kepada kita.

Saya percaya bahawa tidak salah lagi jika saya katakan Lembaga tersebut telah berkhidmat untuk kepentingan Singapura dan tidak untuk kepentingan negara kita kerana bersama-sama dengan ikatan-ikatan kewangan yang lain yang pengilang-pengilang dan pengeksport-pengeksport Singapura dapat menubuhkan dengan pembalak-pembalak Lembaga perusahaan kayu telah digunakan untuk mendapatkan pengeluaran kayu balak dan kayu gergaji yang tidak digred ke Singapura. Kesemuanya yang telah menolong menggalakkan penubuhan perindustrian-perindustrian yang berasas kepada kayu di Singapura dan tidak di negara kita sendiri.

Penubuhan Lembaga yang baru ini akan mencerminkan kelemahan-kelemahan dan kekurangan yang terdapat pada masa dahulu, sementara masa itu juga memberi tumpuannya yang tidak berbelah bagi kepada masaalah-masaalah yang banyak terhadap pembangunan perindustrian dan perdagangan kayu dalam negara kita sendiri. Ini adalah mustahak khasnya kerana perdagangan Antarabangsa dapat menjadi lebih bertanding dalam masa hadapan. Ini adalah juga benar dengan perkara ekspot kayu balak. Adalah tidak dapat dinafikan bahawa jika jenis-jenis barang yang luas dan lebih lagi yang diperbuat daripada kayu dan lebih sophisticated dan terus dikeluarkan dan dijual pemasaran Antarabangsa terpaksa diberi lebih pertimbangan dan tumpuan daripada masa-masa yang lalu.

Sementara berusaha untuk perdagangan Antarabangsa kita juga hendaklah mengelakkan daripada diarah oleh satu atau dua negara-negara pengimpot yang besar. Ini adalah benar dengan perdagangan kayu kita terutama sekali berkenaan dengan kayu balak yang diekspot ke pasaran Jepun. Pada masa-masa yang baik pengimpot-pengimpot Jepun berusaha untuk mengimpot kayu balak kita untuk memproses untuk menjadi barang-barang kayu yang berguna. Tetapi masa-masa yang kurang baik seperti yang terjadi dalam tahun 1971 mereka tidak tergesa-gesa lagi untuk memberhentikan pemberian dan mengeksploit pasaran yang berlebihan dengan menggunakan sumber-sumber pemberian yang lain. Saya percaya kita telah dapat pengalaman yang sama dengan bijeh besi kita yang telah bergantung di atas pasaran Jepun. Bila mereka jumpa bijeh yang lebih baik lagi di Australia kita telah ditinggalkan.

Tuan Yang di Pertua, apa yang saya hendak tegaskan ialah kita melihat perindustrian kayu kita dengan prospektif yang lebih luas lagi dengan tujuan untuk menguatkan kedudukan kita. Keduanya dalam perindustrian dan perdagangan berkenaan dengan perkara ini adalah mustahak kita mengadakan usaha yang serious untuk menggunakan bahan-bahan kayu kita dengan luas lagi dengan membina lebih banyak lagi perusahaan kayu di sekeliling tempat pengeluaran bahan-bahan kayu kita. Dengan perbuatan demikian kita hendaklah menentukan proses-proses pengeluaran kita adalah cekap untuk membolehkan kita bertanding dengan pasaran dunia. Dengan kenaikan kos kerja dan inflasi dalam negara-negara yang telah maju peluang-peluang untuk menempatkan barang-barang untuk memproses kayu di Malaysia dan di negara-negara yang membangun yang lain adalah bertambah. Dengan ini kita hendaklah cuba menggunakan peluang-peluang dengan baik lagi, menjemput mereka-mereka yang ada pengetahuan teknikal jika perlu dan ada daya usaha untuk mengadakan pengeluaran pasaran di luar negeri. Jika kita dapat menubuhkan satu perindustrian kayu yang cekap dan baik dan meluaskan saluran pemasaran kita, kita akan dapat mencapai bukan sahaja kestabilan yang lebih luas dalam pasaran-pasaran kita tetapi juga kandungan yang lebih besar dalam peluang pekerjaan dan pendapatan untuk rakyat di negara kita.

Sementara kita berusaha untuk menggalakkan pasaran luar negeri kita juga kita harus melupakan pasaran dalam negeri kita pada masa-masa yang lalu. Perdagangan dan perindustrian kayu telah mendapat syarat-syarat pemasaran yang baik hingga pasaran dalam negeri dilupakan dan dianggap sebagai pasaran milikan untuk kayu-kayu yang rendah mutunya dan yang tidak diterima untuk diekspot. Ini adalah sangat dikesalkan sebab dengan pembangunan yang besar yang sedang berjalan di negara kita. Pasaran dalam negeri, ada kemampuan untuk menyerak sebahagian yang besar kayu dan barang-barang yang diperbuat daripada kayu untuk digunakan membuat bangunan-bangunan, pembinaan dan lain-lain aktiviti-aktiviti perindustrian. Pada masa yang sama, pemasaran dalam negeri juga dapat perkhidmatan untuk membuat dan menggunakan barang yang baharu dan juga untuk mempopularkan jenis-jenis kayu yang kurang dikenali.

Saya harap bahawa Lembaga kayu yang disusun semula dan ini akan memberi pandangan yang lebih lagi kepada pasaran dalam negeri di samping pasaran luar negeri, untuk mencapai tingkat kegunaan kayu yang lebih tinggi lagi dalam negeri. Untuk tujuan ini hendaklah diadakan perundingan yang hebat lagi di antara pengusaha kayu dan pengguna-pengguna utama supaya industri tersebut dapat memahami dengan lebih lagi kehendak-kehendak dan masala-masalah pengguna-pengguna kepada barang-barang tersebut dan penyelidikan.

Tuan Yang di Pertua, dengan tamatnya peperangan di Vietnam dan peluang-peluang untuk penyusunan semula yang akan diadakan di sana kita dapat mengharap penggunaan kayu dan barang-barang yang diperbuat daripada kayu bertambah lagi, pasaran Vietnam adalah sangat berkait kerana ia adalah terletak sangat dekat dengan kita. Saya percaya bahawa ini adalah peluang untuk kita melihat dan mengambil perhatian yang lebih serious kepada perdagangan dan perindustrian kayu kita untuk menentukan kita dapat mengambil peluang-peluang pemasaran ini dalam keadaan dunia yang sedang bertukar dan menumpukan perindustrian kita ini kepada permintaan dunia. Lembaga perindustrian kayu yang sedang disusun semula ini dengan approach perindustrian—pemasaran akan

menjadi sambungan yang penting kepada pembangunan perindustrian kayu yang dinamis dan progresif di masa hadapan.

Tuan Yang di Pertua, satu kebolehan dan satu taraf yang tinggi dengan menasihati dan membantu perusahaan-perusahaan dengan tujuan untuk memperbaiki kecekapan teknik pengeluaran barang-barang yang baru. Saya berharap perhatian akan diberi kepada Malaysia Timur untuk menentukan bahawa mereka tidak ketinggalan di dalam usaha-usaha baru ini dan juga untuk menentukan bahawa mereka akan diberi latihan-latihan yang diperlukan di lapangan perusahaan dari aspek perniagaan, teknik, ekonomi dan perusahaan-perusahaan perhutanan.

Saya berpendapat bahawa tentu sekali kita memerlukan satu barisan pakar-pakar di dalam perusahaan perkayuan yang lengkap dari penyelidikan sehinggalah pemasaran dan Lembaga ini adalah tempatnya bagi pakar-pakar tersebut dapat diletakkan. Lembaga ini dengan kerjasama semua pihak akan bukan sahaja menjadi satu kejayaan yang besar kepada kedua-dua Kerajaan Negeri dan Pusat tetapi juga kepada pihak swasta di dalam usaha-usaha memperkembangkan perusahaan ini yang seharusnya dilakukan.

Saya sangatlah berasa gembira mengetahui bahawa Sabah dan Sarawak telah diberi perwakilan dengan sepatutnya dalam Lembaga ini. Saya berharap pertimbangan juga akan diberi untuk memasukkan persatuan-persatuan perkayuan Malaysia Timur kepada Lembaga untuk menentukan bahawa kedua-dua pihak swasta dan pihak Kerajaan akan bekerjasama dan menyertai dengan giatnya untuk perkembangan perusahaan kayu-kayan di masa hadapan.

Tuan Yang di Pertua, maka di sini ingin saya minta perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya kepentingan Malaysia Timur khasnya Negeri Sarawak terjamin apabila Lembaga ini menjalankan tanggungjawabnya seperti yang ditegaskan oleh Ahli Yang Berhormat dari Payang sebentar tadi di dalam Dewan yang bertuah ini.

Satu aspek yang menarik dalam Akta ini ialah pada pertama kalinya yang satu Lembaga dibentuk untuk kepentingan seluruh negara. Kesan halus mengimpianmentasikannya

ialah perpaduan negara. Ini tercapai secara merancang kekayaan kayu-kayan negara secara seluruhnya dengan tiada menghiraukan kawasannya. Perkara ini juga bersangkut dengan aktiviti-aktiviti memberi kemahiran kepada kaum bumiputra akan disempurnakan secara Latihan Pusat yang jua akan memberi kesan yang diinginkan secara merapatkan lagi rakyat bumiputra dari seceruk rantau.

Dengan terdapatnya Lembaga baru ini bukan sahaja masa hadapan industri kayu-kayan kita terjamin tetapi perpaduan di antara kaum dalam negara kita akan lebih erat oleh kerana dalam mempergiatkan perkembangan Lembaga ini, rakyat berbilang kaum berpeluang mengganding bahu ke arah kemajuan rakyat dan negara. Dan kami rakyat dari Malaysia Timur berharap di atas bimbingan yang bijaksana daripada Kementerian yang berkenaan.

Akhirnya, saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang membentangkan Rang Undang-undang ini.

Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu (Santubong): Tuan Yang di Pertua, saya ingin menyokong Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia Perbadanan, 1973.

Tuan Yang di Pertua, perusahaan kayu-kayan kian bertambah penting kepada ekonomi Malaysia terutama sekali semenjak beberapa tahun yang lepas. Pada hari ini kayu-kayan adalah merupakan sumber pendapatan wang asing yang ketiga besarnya kepada negara iaitu hanya di bawah dua eksport tradisi yang utama iaitu getah dan bijeh timah. Lembaga Perindustrian Eksport Kayu Malaysia yang ada sekarang ini yang telah ditubuhkan pada tahun 1966 ialah satu badan bersama di antara Kerajaan Malaysia dengan Singapura yang telah ditugaskan untuk menggalak, mengawal dan menyelaraskan eksport kayu dari Malaysia Barat dan Singapura.

Tugas-tugas yang diberi kepada Lembaga ini adalah tidak mencukupi untuk mengawal perusahaan kayu seluruhnya, oleh itu ianya bertanggungjawab berkenaan dengan eksport kayu sahaja. Tambahan pula tafsiran kayu dalam Akta yang ada sekarang ini adalah meliputi hanya kayu balak dan kayu gergaji sahaja. Ia tidak meliputi perkara-perkara

seperti kayu Molding, Papan Lapis, Veniar, Papan Serpai atau Serpih, Papan Gantian, Cebis Kayu, Kayu Kisar dan sebagainya. Ekspot Kayu Lapis telah bertambah dengan pesatnya walaupun nilai kayu lapis dan ekspot veniar masih lagi merupakan kira-kira 6% dari jumlah ekspot kayu balak. Oleh yang demikian adalah didapati tugas-tugas Lembaga yang ada sekarang ini adalah tidak mencukupi untuk mengawal perusahaan kayu keseluruhannya. Oleh itu adalah kena pada masanya untuk menyusun semua Lembaga Perusahaan Ekspot Kayu Malaysia untuk meliputi bukan sahaja tugas-tugas mengawal ekspot kayu, balak dan kayu gergaji tetapi juga mengawal perusahaan kayu keseluruhannya mahupun untuk di-ekspot atau untuk digunakan di dalam negeri.

Dari segi keanggutaannya pula peraturan Lembaga Bersama yang ada sekarang ini iaitu di Malaysia dan Singapura telah menimbulkan beberapa masalah terutama sekali dari segi tugas "dual" yang ia terpaksa menghadapi, iaitu memberi perkhidmatan kepada kehendak-kehendak perindustrian kayu-kayan kedua-dua negara Malaysia dan Singapura. Pengalaman dalam masa enam tahun yang lalu telah menunjukkan dengan terangnya bahawa adalah sukar, jika tidak mustahil, untuk Lembaga ini membuat keputusan dengan cepatnya ke atas masalah-masalah penting, oleh kerana Lembaga selalunya terpaksa mengkaji pandangan yang berlainan dan bertentangan bukan sahaja dari pihak kedua-dua negara yang menjadi ahli Lembaga. Adalah juga didapati kesulitan dari segi pentadbiran untuk Pengerusi Lembaga membahagikan masanya dan berulang-alik di antara Kuala Lumpur dan Singapura untuk menjalankan tugas-tugas di kedua-dua pejabat.

Dengan penyusunan semula Lembaga Ekspot Kayu ini adalah diharapkan bahawa keanggutaannya akan tidak termasuk Singapura tetapi akan meliputi Sabah dan Sarawak. Ianya akan dapat memainkan peranannya yang lebih dinamik dalam pembangunan perindustrian kayu dan pemasaran kayu dan barang-barang yang diperbuat daripada kayu. Adalah didapati tugas-tugas Lembaga Perusahaan Kayu Malaysia yang dicadangkan itu di bawah

undang-undang yang dicadangkan telah diluaskan untuk meliputi aktiviti-aktiviti yang lebih luas lagi jika dibandingkan dengan tugas-tugas Lembaga yang ada sekarang. Dengan tugas-tugas dan kuasa-kuasa yang lebih seperti yang tersebut di dalam Rang Undang-undang tersebut, Lembaga tersebut adalah diharapkan akan menjadi jentera yang berkesan dan akan melindungi dan menggalak kebajikan bukan sahaja pengilang-pengilang dan pengeksport-pengeksport kayu balak tetapi juga perusahaan kayu-kayan keseluruhannya di Malaysia Barat dan Timur. Adalah juga menjadi tugas Lembaga yang baharu ini untuk mengujudkan Strategi Kebangsaan dalam pemasaran kayu-kayan dan barang-barang yang diperbuat daripada kayu setanding dengan dasar Kerajaan untuk membaikkan dan memodenkan perusahaan yang ada sekarang, menggalakkan pembikinan barang-barang yang bernilai lebih tinggi, memaximakan potential ekonomi sumber-sumber hutan yang masih ada dan menentukan pengaliran sumber-sumber dalam sektor perusahaan hutan. Di bawah tugas-tugas Lembaga tersebut, tafsiran kayu telah diluaskan untuk meliputi bukan sahaja kayu balak dan kayu gergaji tetapi juga barang-barang kayu yang lain. Dalam bidang pemasaran pula adalah diharapkan bahawa Lembaga yang baharu ini akan dapat menyelaraskan penggalakkan pemasaran barang-barang yang diperbuat daripada kayu yang menentukan tingkatan kualiti. Kawalan kualiti yang kuat dan pemasaran yang agresif adalah mustahak terutama sekali memandangkan kepada kehendak-kehendak pemasaran masa depan yang sophisticated.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas ucapan-ucapan aluan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Ucapan aluan daripada Ahli-ahli banyak yang datang dari Malaysia Timur. Memanglah memberi perangsang kepada diri saya untuk menjalankan tugas saya bersabit dengan kuasa-kuasa dan tanggungjawab yang berbangkit daripada undang-undang yang sedang dibincangkan ini, kerana undang-undang ini adalah bertujuan hendak melanjutkan segala peraturan dan sistem-sistem hendak mengawal perindustrian kayu ini kepada wilayah di sebelah Malaysia Timur. Dengan adanya sokongan-sokongan yang telah diberi, maka

nampaklah tanda-tandanya apakala undang-undang ini nanti dijalankan kuatkuasa di Malaysia Timur, kita akan mendapat sokongan yang cukup baik dan pengertian yang cukup jelas daripada pemimpin-pemimpin masyarakat di sana.

Dalam beberapa ucapan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Malaysia Timur tadi adalah permintaan supaya dipertimbangkan wakil-wakil yang cukup mewakili wilayah-wilayah di Malaysia Timur supaya dapat mencerminkan kepentingan-kepentingan perindustrian kayu di sebelah Malaysia Timur. Saya memanglah setuju atas permintaan yang demikian. Itulah sebabnya daripada mula-mula kita telah memberi perwakilan yang lebih kepada dua buah negeri di Malaysia Timur manakala di Malaysia Barat ini kita hanya memberi seorang wakil daripada 3 Negeri sahaja. Ini menunjukkan bukannya kita menjalankan diskriminasi terhadap Negeri-negeri sebelah Malaysia Barat ini, tetapi menunjukkan bahawa kita mengetahui betapa pentingnya sumber kayu-kayan kepada negeri-negeri di Malaysia Timur. Dalam jangka pada masa akan datang dalam 20 tahun yang akan datang barangkali wakil-wakil daripada Malaysia Timur iaitu Sarawak dan Sabah mungkin akan dapat memberi sumbangan yang lebih besar lagi kepada penubuhan, tanggungjawab-tanggungjawab di dalam Lembaga ini, kerana asas bagi penubuhan perindustrian kayu dari Malaysia Timur adalah lebih besar, lebih luas daripada yang ada di Malaysia Barat ini. Jadi tidaklah payah bagi Ahli-ahli daripada Malaysia Timur bimbang bahawa kepentingan mereka tidak akan cukup tercermin menerusi Lembaga ini.

Sungguhpun di dalam Jadual yang telah diterangkan di dalam Rang Undang-undang ini persatuan-persatuan daripada Malaysia Timur belum ada tercatat, memanglah tujuan bagi saya sebagai Menteri yang berkenaan akan meminda, atau menambah senarai di bawah Jadual Ketiga ini daripada satu masa ke satu masa apakala tumbuhnya persatuan-persatuan di Malaysia Timur sebagai juga di Malaysia Barat ini. Tetapi yang mesti saya jelaskan di sini bahawa saya tidak akan memberi pengiktirafan kepada sebarang persatuan sahaja, kita mesti ada criteria yang tertentu iaitu dengan mana kita dapat menyukat apakah sumbangan yang akan diberi oleh persatuan-persatuan itu.

Persatuan-persatuan itu mestilah menjalankan tugas membuat satu cohesion ataupun persatuan kepentingan yang sama di antara beberapa ahli-ahlinya supaya di dalam persatuan itu kita akan dapat melatih satu cara memandangkan kepada masalah-masalah yang sama, membabitkan ahli-ahli dalam persatuan itu. Di antara persatuan mestilah juga ada kesatuan kepentingan (reconciliation of interest) kalau kita hendak menjalankan kepentingan negara seperti yang telah diletakkan di dalam tujuan Rang Undang-undang ini.

Pada masa sekarang saya memanglah ingin hendak mengesyorkan terutama sekali kepada Ahli Yang Berhormat dari Payang supaya persatuan-persatuan di negeri Sarawak itu dapat diselidiki dengan cukup baik dan digalakkan supaya masuk menjadi ahli Lembaga ini supaya daripada awal lagi ahli-ahli daripada Sarawak dapat menjalankan peranan yang cukup penuh di dalam Lembaga ini.

Demikian juga saya haraplah persatuan-persatuan perdagangan yang ada sangkutan dengan perusahaan kayu-kayan ini daripada Sabah akan juga menyertai di dalam Lembaga ini daripada awalnya.

Tidaklah payah saya mengatakan masa melaksanakan beberapa perbekalan di dalam Rang Undang-undang ini, saya akan menimbangkan keadaan-keadaan yang khas yang ada di Malaysia Timur. Jaminan tidak payahlah diberi kerana daripada ucapan membentangkan Rang Undang-undang ini tadi sudahpun saya bercakap atas perkara ini.

Mengenai teguran seorang Ahli Yang Berhormat, saya akan menyatakan di sini bahawa cadangan daripada pihak Sarawak hendak menubuhkan Timber Development Corporation tidaklah bertentangan kepada tujuan Rang Undang-undang ini, kalaulah bentuk Timber Development Corporation itu seperti bentuk Jengka Triangle ada sekarang ini, iaitu mengintegrasikan the business side, the exploitation yang seolah-olahnya seperti syarikat-syarikat yang lain, tetapi peranannya ialah hendak mengawal dan menjaga kepentingan pihak-pihak perdagangan lain mestilah di dalam tangan Lembaga yang ada di peringkat kebangsaan ini.

Mengenai perlantikan Pengerusi, kita mestilah cuba dari masa ke semasa mendapatkan orang yang paling layak didapati untuk menjadi Pengerusi. Dalam perkara ini tentulah daripada semasa ke semasa calon-calon akan berlainan tetapi yang saya dapat beri jaminan di sini ialah mana yang paling baik terdapat, orang itulah akan kita lantik daripada masa ke satu masa.

Satu kebimbangan yang telah dilafazkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Miri Subis ialah soal to much power or to use his words, "This Bill has over-reached its objective and resulted in an over-kill". I must say that if one is not initiated in the complexities of a democratic Government administration, the law may be interpreted as highly arbitrary and probably giving too much power to the Minister. But if the Honourable Member concerned can recall the days when we were together in the State Cabinet of Sarawak, he would realise that we would not necessarily use the power that is given to us by law if we think that it is not really just and fair to exercise that power. The power given in any enabling legislation is probably the maximum, but like any democratic Government all over the world, we are very sensitive to the pressures of the public and to the sense of right and wrong, whenever we practise or exercise our power. That is the general limitation and probably a very strong limitation in any democratic Government which will prevent any abuse of power.

As the Honourable Member knows, Malaysia, like any other democracy, has stuck very rigidly to this practice of using its power. I know that from the point of view that the Honourable Member has put forward, there should be a strict division of power. This theory, unfortunately, has not been adhered to very strictly in the British system of parliamentary democracy, although political philosophers have advocated the concept of the division of power. For example, in the British parliamentary system, the fusion of the Executive and the Legislature in the Prime Minister and Cabinet Ministers is quite obvious. Although this seems in theory not work to a good check and balance, in actual practical working of the Government, it does seem to produce the best results so far.

Offences provided under the law seem very harsh but if one were to consider the important aims we want to achieve under the provision of Section 13, I would say that such a strict provision is necessary because unless we have strict control over the export of our timber products from this country, we can never undergo a serious exercise of modernising our industry and diversifying our market of guaranteeing our image in the world market. I would say that this is the very basis on which we can operate and implement the purpose for which the law is being passed.

The alternative for the Member, other than violating the law or exporting without complying with the law, is very simple, that is, to register as an exporter. The law does not impose very much burden on registration. All it does ask is that you show proof that you are able to export as a *bona fide* businessman and, as a good exporter, able to fulfil your order, having the capacity to supply and to deliver your goods; otherwise, we in Malaysia would be encouraging the fly-by-night adventurer who would take orders haphazardly without any capital or without any proper organisation to back up his agreement which he may enter into with overseas clients; if he can't fulfil this, he will earn a very bad name for Malaysia. The proof of being a *bona fide* businessman and an able exporter is, I think, a just criteria on which any licence or certificate of registration could be given to any exporter for the purpose of this law. What is envisaged under the law is commercial exporting. I do not think it will include export for the purpose of exchange of, say, certain species, for the purpose of scientific research for which any Government Department can easily get my clearance, and I would not be standing in the way of scientific exchange of information if it is genuinely so.

Ahli Yang Berhormat dari Payang tadi telah meminta supaya Kerajaan menukar kata-kata "integration" di bawah Fasal 12. (1) (f) kepada kata-kata "co-ordination". Sebenarnya Ahli Yang Berhormat barangkali tidak faham tujuan Seksyen itu. Sebenarnya kata-kata "integration" itu hendaklah ditakrifkan within context of forward integration or backward integration seperti telah dikatakan oleh economist tiap-tiap hari.

Co-ordination menyusun ataupun menyelaraskan kerja-kerja yang ada, boleh melibatkan pihak yang menyusun itu menambahkan langkah-langkahnya sendiri supaya dapat menyatukan langkah-langkah untuk mencapainya tujuan-tujuan yang cukup baik. Jadi pada perasaan saya, integration memanglah lebih tepat di sana dan sebenarnya seluruh ucapan saya manakala membentangkan Rang Undang-undang ini ialah berasas kepada satu presumption iaitu integrated approach to the timber industry. Jadi bagi saya tidaklah saya dapat menerima pindaan kata-kata seperti telah dicadangkan itu.

Ada cadangan-cadangan kepada saya supaya menimbangkan masa satu bulan untuk membuatkan rayuan kepada Menteri hendaklah dilonggarkan terhadap pihak-pihak yang datang daripada Malaysia Timur. Saya telahpun diberitahu, Tuan Yang di Pertua, bahawa surat memakan masa begitu panjang daripada Malaysia Barat ke Malaysia Timur, kadang-kadang sampai dua minggu dikatakan oleh seorang Ahli Yang Berhormat.

Sebenarnya kalau undang-undang ini dibaca, yang dimaksudkan ialah bukan daripada hari keputusan Lembaga itu dikirim daripada Kuala Lumpur ataupun daripada tempat kedudukan Lembaga itu ke Malaysia Timur, tetapi daripada masa surat itu diterima oleh pihak yang berkenaan di Malaysia Timur, mengikut English translationnya: from the date the decision has been communicated to the parties concerned.

Walau bagaimanapun, saya tidak akan sangat keras atas masa soal-soal meng-appeal ini. Kita akan menyemak semula kalau benar, ini akan menyebabkan satu kesusahan bagi pihak-pihak di Malaysia Timur, saya tidak akan ragu-ragu hendak menukar undang-undang ini kalau benar-benar ada buktinya masa yang disebutkan dalam undang-undang itu tidak practical.

To quote him, I am so engrossed with West Malaysian problems. It is not really true that I am engrossed solely with West Malaysian problems. In fact, if my speech

were to be re-read from the Hansard, I made special reference to Sarawak opportunities in one paragraph where I mentioned the possibility of opening up two timber complexes which will give rise to an employment opportunity of between 6,000 to 7,000 jobs in the Third and Fourth Divisions. In fact, before I really drafted this law, I had called in the U.N. expert to brief me as to the general conditions, so that I would understand how the laws can be geared for the purpose of improving the whole situation all over Malaysia. As the Honourable Member knows, the F.A.O. team which produced this report really worked in Sarawak as well as West Malaysia, and if the Honourable Member remembers I was one of the stubborn people who wanted to see Sarawak's timber extraction to be frozen in 1967 in order to enable the future planning to be done on a proper basis.

Towards the end of my speech I did mention in fact of the special conditions that may be prevailing in Sarawak and that I would like to discuss the steps for implementation with the parties in East Malaysia before I make up my mind as to the actual ways of implementation. This, I think, would not reveal someone who is thinking solely of West Malaysia and I think, if I am not being too proud, I have quite a strong interest of Sarawak at heart for I come from there too.

I do agree with the Honourable Member that the success or failure of this Board depends so much on the dialogue that we can foster between members in the private sector—among themselves, of course—and by members in the private sector with the public sector. This is the message I was trying to put across when I delivered my speech just now when introducing this Bill because I do believe that strong consultation within the industry itself is the only way whereby we can start on a solid basis on this integrated approach. I do really welcome the suggestion of the Honourable Member for Miri-Subis on that point and I hope he, as one of the members of the forest industries in Sarawak—I would say quite a prominent one—would see that this job of mine will be made more easy by his sticking to his suggestion.

Section 4, which the Honourable Member referred to, does not really envisage to get at what is called a "strait-jacket" market in Malaysia. It is a provision whereby we will try to get the industry to discuss on the basis or the methods by which, if price fixing is necessary, it can be done. But price fixing, if it is not necessary, is one of those things that we do not go for.

Under Section 30, it is a normal practice that a person who is charged for the abuse of power is normally charged in his own personal capacity, because he can't abuse power and at the same time invoke on the protection of the Government. So the person referred to there would be either the Chairman or anybody who has got written authority from him but who has not exercised his power properly and *with malice*—I emphasise the word "with malice", because that is a very important criteria by which you can judge whether a man is abusing his power or not.

Provisions are made in the Act to establish a Branch or a Special Unit or a Committee. I have not yet made up my mind as to how I am going to tackle Sarawak and Sabah on this question yet because I don't want to close my mind before my consultations with the State Governments of Sarawak and Sabah are conducted, but the provisions are there to have a Branch, a Unit or a Committee and it is up to me to see what the conditions in Sarawak and Sabah will demand by way of making a presence in East Malaysia.

There is a proposal by the Honourable Member for Miri-Subis also that there should be co-ordination, or rather co-operation, with the other Asian countries. In this respect, I would like to inform the Honourable Member that only about one month ago a representative of my Ministry did attend a meeting organised by ECAFE for the purpose of bringing together countries which are involved in the wood industries. The decision of that Conference was that only timber-producing countries should first make a move to come together and analyse their common problems. The consumer countries would have to take up

their problems in the context of general trade. So how this would develop, I am unable to say at this stage, but I think it is a good idea and we can only start on a practical basis gradually from now on.

Ahli Yang Berhormat dari Mukah telah pun meminta supaya Kerajaan mengambil lebih tindakan lagi untuk melatih rakyat Sarawak, terutama sekali ahli-ahli daripada kaum bumiputra supaya dapat menjalankan peranan yang lebih besar di dalam perusahaan kayu-kayan. Saya memanglah bersetuju cadangan beliau itu dan sekarang ini di Kuching ada sebuah sekolah di mana latihan boleh diberi untuk mempelajari mata pelajaran seperti saw-doctring ataupun cara-cara menyelenggara perkakas-perkakas yang digunakan di kilang-kilang papan. Course ini tidak berapa panjang dan bolehlah terbuka kepada mereka yang mempunyai L.C.E. ataupun Junior Cambridge. Saya harap lebih banyak lagi anak-anak daripada Sarawak mengambil peluang daripada kemudahan ini di Pusat Latihan itu. Di Malaysia Barat ini kita juga akan membuka beberapa buah sekolah yang akan mengajar cara-cara menjalankan pembalakan ataupun logging, dan saya rasa tidak keberatan kepada pihak yang berkenaan kalau ada permintaan daripada Sarawak hendak melatih anak-anak Sarawak di dalam sekolah di Malaysia Timur ini yang ada mengajar pelajaran bersabit dengan perusahaan kayu-kayan.

Tuan Yang di Pertua, saya tidak ada perkara-perkara lain yang hendak saya cakapkan di sini, jadi sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih atas cadangan-cadangan yang membina daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan saya mengucapkan juga sekali lagi terima kasih atas sokongan daripada rakan-rakan saya daripada Sarawak.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusi-
kan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 44—

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Fasal 1 (3) dan Fasal 31 dipinda seperti yang ternyata dalam surat perkeliling 1/73 yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Pindaannya seperti berikut:

Pindaan

Fasal 1— Gantikan fasal-kecil (3) dengan berikut:

“(3) Menteri boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi mula berkuatkuasanya Akta ini atau peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Akta ini, di Malaysia Barat, Negeri Sabah dan Negeri Sarawak.”

Fasal 31— Gantikan Fasal itu dengan berikut:

“Bidang-
kuasa.

“31. Walau apapun yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain, sesuatu Mahkamah Sesyen di Malaysia Barat atau Mahkamah seorang Mejistret Klas Pertama di Malaysia Timur hendaklah mempunyai bidangkuasa membicarakan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau sesuatu kaedah atau peraturan yang dibuat di bawahnya dan mengenakan penalti yang penuh yang diperuntukkan oleh Akta ini atau sesuatu kaedah atau peraturan yang dibuat di bawahnya.”

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 1 hingga 44 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Kedua diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Ketiga diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN WANITA DAN GADIS

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Kebajikan Am (Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim): Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Perlindungan Wanita dan Gadis, 1972 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Peruntukan bagi perlindungan orang-orang perempuan dan kanak-kanak perempuan ada terkandung dalam ordinan-ordinan dan enakmen-enakmen yang berasingan yang dibuat sebelum perang. Adapun tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk menyatukan undang-undang yang ada sekarang, membuang perbekalan-perbekalan usang, meminda yang mana perlu, mengemukakan beberapa perbekalan baru, dan merasionalkan kuasa-kuasa pihak-pihak berkuasa yang berkenaan dengan pelaksanaan undang-undang ini.

Undang-undang yang ada sekarang ini mengharamkan perbuatan-perbuatan, antara lain, memperdagangkan perempuan untuk maksud pelacuran, menjadi baruah atau “ibu ayam”, menguruskan tempat-tempat pelacuran hidup dengan pendapatan pelacuran-pelacuran, memujuk di khalayak ramai untuk maksud lucah, dan memperbalkan hukuman-hukuman ke atas orang-orang yang melanggar undang-undang ini. Undang-undang itu juga mengandungi perbekalan-perbekalan untuk perlindungan, jagaan dan pemulihan mangsa-mangsa pelacuran dan mereka yang terdedah kepada bahaya moral. Undang-undang yang ada sekarang memberi kuasa merangai, merampas dan menangkap kepada Polis dan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat. Perlindungan dan pemulihan wanita-wanita dan gadis-gadis yang menjadi mangsa pelacuran ialah semata-mata tanggungjawab Jabatan Kebajikan Masyarakat. Pelindung (Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat), antara lain, juga diberi kuasa untuk menahan seseorang gadis di bawah umur lapan belas tahun di rumah perlindungan untuk maksud pemulihan jika ia ada mempunyai sebab yang menasabah untuk mempercayai bahawa gadis itu sedang dilatih atau digunakan untuk maksud lucah.

Tuan Yang di Pertua, perbekalan-perbekalan Rang Undang-undang baru ini, pada keseluruhannya, adalah mengikut undang-undang yang ada sekarang kecuali beberapa perbekalan-perbekalan baru yang berhubung dengan umur orang perempuan yang diberi perlindungan, hukuman-hukuman untuk jagaan di luar yayasan, pencaruman saraan hidup, perkhidmatan-perkhidmatan jagaan lanjutan kepada mereka yang dibebaskan daripada rumah-rumah perlindungan, iklan-iklan untuk memajukan pelacuran dan perlindungan bagi pemberi-pemberi rahsia dan saksi-saksi.

Kuasa-kuasa adalah juga diperuntukkan dalam Rang Undang-undang ini bagi seorang perempuan yang dihantar masuk ke sebuah rumah perlindungan mengikut perintah yang dikeluarkan di bawah perbekalan dalam mana-mana undang-undang yang lain berkenaan dengan jagaan seseorang perempuan, diterima di sebuah rumah perlindungan yang diisytiharkan di bawah Akta ini.

Undang-undang yang ada sekarang memberikan perlindungan kepada orang-orang perempuan yang berumur di bawah lapan belas tahun; di bawah undang-undang baru, batasan umur telah dinaikkan kepada 21 tahun. Berkenaan dengan tahanan, undang-undang yang ada sekarang membenarkan tahanan seseorang perempuan itu tanpa menentukan masa tetapi tidak lebih daripada 19 tahun umurnya. Tetapi di bawah undang-undang baru, orang-orang perempuan yang berkehendakkan jagaan dalam yayasan akan dikehendaki tinggal dalam yayasan untuk jangka waktu maksima selama tiga tahun atau sehingga ia mencapai umur 21 tahun atau apabila ia berkahwin dengan sahnya, mengikut yang mana berlaku terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, jika seseorang perempuan itu diugut untuk maksud pelacuran atau meminta perlindungan dengan kehendak hatinya sendiri, ia boleh ditahan atau dikehendaki tinggal dalam yayasan lebih daripada umur 21 tahun untuk selama Pelindung berpuashati bahawa ianya berkehendakkan perlindungan.

Seseorang perempuan yang berkehendakkan pemulihan di bawah undang-undang baru ini boleh juga diletakkan di bawah jagaan seorang "fit person" yang sanggup memberi jagaan yang sempurna terhadap orang perempuan itu, atau di bawah jagaan ibu

bapa atau penjaga yang boleh dikehendaki membuat suatu jaminan untuk memberi jagaan yang sempurna terhadap orang perempuan itu; atau diletakkan di bawah seliaan seorang Pegawai Kebajikan Masyarakat.

Untuk memperkukuhkan lagi konsep tanggungjawab keluarga, ibubapa-ibubapa atau penjaga-penjaga boleh dikehendaki, jika difikirkan patut, memberi sumbangan terhadap perbelanjaan saraan hidup seseorang perempuan itu semasa ianya tinggal dalam rumah perlindungan atau di bawah jagaan seorang "fit person".

Rang Undang-undang ini juga memperbalkan jagaan lanjutan bagi orang-orang yang telah dibebaskan daripada rumah perlindungan untuk menyenangkan penyesuaian pesalah daripada kehidupan yang terkawal dalam yayasan kepada kebebasan masyarakat.

Iklan-iklan untuk memajukan pelacuran telah dijadikan suatu kesalahan di bawah undang-undang baru.

Akhirnya Rang Undang-undang ini juga memberi perlindungan kepada pemberi-pemberi rahsia dan saksi-saksi.

Tuan Yang di Pertua, di antara beberapa pindaan-pindaan yang dikemukakan dalam Rang Undang-undang baru ini, satu yang pentingnya ialah mengasingkan fungsi-fungsi pihak-pihak berkuasa yang berkenaan. Kuasa-kuasa merangai, merampas dan menangkap telah dipindahkan daripada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat dan tanggungjawab ini diletakkan pada keseluruhannya kepada Polis. Mengeluarkan perintah tahanan untuk maksud pemulihan adalah menjadi pada amnya tanggungjawab Mahkamah. Jabatan Kebajikan Masyarakat akan bertanggungjawab bagi pemulihan orang-orang yang diserahkan kepada jagaannya. Oleh kerana difikirkan bahawa tanggungjawab-tanggungjawab terhadap memerangi, merampas dan menangkap adalah bertentangan dengan kerja-kerja kemasyarakatan, maka fungsi-fungsi Polis serta Mahkamah mestilah dianggap berbeza dan diasingkan daripada fungsi pemulihan Jabatan Kebajikan.

Denda-denda maksima bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Rang Undang-undang yang baru ini telah banyak

ditambahkan, kerana adalah dirasai bahawa denda-denda yang diperbekalkan dalam undang-undang yang ada sekarang nyata tidak mencukupi.

Butir-butir perbekalan-perbekalan Rang Undang-undang ini boleh didapati dalam Huraian kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Perlindungan Wanita dan Gadis, 1972, dibaca kali yang kedua sekarang.

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Hashim bin Gera (Parit): Tuan Yang di Pertua, saya mengambil kesempatan bercakap berkenaan dengan Rang Undang-undang Perlindungan Wanita dan Gadis, 1972.

Saya menyokong penuh kerana perkara-perkara yang telah dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan tadi adalah perkara yang sedang biak dan berlaku di dalam tanahair kita.

Tujuan Kerajaan tidak lain dan tidak bukan ialah untuk menghapuskan pelacuran dalam negara ini yang merusakkan moral wanita-wanita dan bangsa di negara kita sangat benar. Tetapi adakah pelacuran ini akan dapat dihapuskan dengan sebenar-benarnya ataupun berkurangan kerana wanita dan lelaki adalah menjadi resam dunia. Sebagaimana kata orang tua-tua Melayu:

Pohon petula di Tanjung Jati,

Di tebang Cik Mahmud dibawa pulang,

Kerana gula semut mati,

Kerana semut gula terbuang.

Tuan Yang di Pertua, kita mestilah mengkaji apakah sebabnya yang menjadikan pelacuran ini dari umbi akarnya supaya dapat kita cabut dan dihapuskan, jikalau boleh, sekurang-kurangnya dikurangkan perkara itu menjadi-jadi dalam negara kita ini.

Dari pengalaman saya bahawa pelacuran terjadi bukan semuanya wanita-wanita hendak menyerahkan tubuhnya

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Pengalaman dalam soal apa? (*Ketawa*)

Tuan Hashim bin Gera: Dari pengalaman dan penyiasatan saya.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Siasatan?

Tuan Hashim bin Gera: Ya, siasatan, minta maaf, Tuan Yang di Pertua. Adalah terjadinya pelacuran itu kebanyakannya 50% daripada wanita-wanita itu kerana desakan hidup kemiskinan, oleh kerana dia tidak mempunyai kepandaian, kemiskinan, desakan hidup dan telah menjadikan 50% daripadanya dan pernah berjumpa bahawa ada di antara pelacur-pelacur itu oleh kerana kemiskinannya dengan kerjanya itu dia menyenggara anaknya di sekolah menengah sehingga lulus senior Cambridge. 20% daripada mereka itu adalah wanita-wanita yang telah patah hati oleh kerana dikahwinkan oleh ibu bapanya dengan orang yang tak sesuai dengan jiwanya, kerana ibu bapanya mata duitan ataupun berlagak sombong dengan keturunannya, maka mereka itu juga telah mengikutkan patah hatinya keluar ke bandar-bandar kerana hendak menghiburkan hati.

Di antara 20% yang saya katakan itu adalah satu dari sebabnya saya menyentuh undang-undang Islam, tetapi saya tidak bijak di dalam Ugama Islam. Saya kerap kali menjadi saksi dalam perkahwinan dan menuntut apabila seorang laki-laki Melayu berkahwin setelah mengucap ijab kabul, maka Tok Kadi atau Tok Naib itu memberikan 5 syarat kepada pengantin laki-laki satu daripadanya apabila kamu meninggalkan isteri kamu selama 6 bulan dengan tidak menunaikan nafkah zahir dan batin maka mengadulah kamu kepada Kadi maka gugurlah dengan Talak Satu.

Kemudian, Tuan Yang di Pertua, ada laki-laki yang tidak bertanggungjawab, bukannya semua. Ia pergi bekerja ke tempat lain ia berkahwin, maka ditinggalkan isterinya itu dengan tidak menanggung nafkah, maka pergilah isterinya itu mengadu kepada Kadi, maka Kadi berkata, saya akan tulis surat kepada suami kamu, maka Kadi itu menulis surat dengan suaminya dipanggil bicara, maka apakah tuduhan yang telah dibuat oleh suami kepada isteri yang tua ialah dia ini nusus iaitu tidak mahu mengikut perintah saya, maka awak dihukum nusus gantung tidak bertali. Apabila digantung tidak bertali, dia manusia biasa dia

hendakkan makan dan minum dan sebagainya, oleh kerana dia tidak dapat berkahwin dengan laki-laki lain, maka mengikut hati yang patah ia pun menjadi pelacur. Ada 10% daripada wanita yang menjadi pelacuran itu kerana tertipu dan ingin hidup berfoya-foya dalam bandar laksana kali-katu ingin melihat cahaya lampu yang terang dia pun terbang dekat lampu itu, maka sambil terbang dipatuklah oleh burung layang-layang dan setengahnya jatuh kepaknya ke bumi dipatuklah oleh ayam.

Ada pula yang 10% lagi itu kerana ditipu oleh ejensi-ejensi pemuda-pemuda yang "handsome" yang berlagak dengan memakai ties kemejanya cantik membawa "bag" masuk ke kampung mendaftarkan nama wanita yang lulus S.R.P. Bahasa Melayu Tingkatan 2 atau L.C.E. hendak mencari kerja maka oleh kerana desakan hidup anak-anak gadis ini pun mendaftarkan namanya, maka pada satu masa yang ditetapkan diambilnya wanita ini bukannya secara paksa tetapi dengan secara pelemah kata orang Perak. Wanita itu mengikut akhirnya terjuallah wanita-wanita itu ke rumah-rumah urut dan ke hotel-hotel yang di bawah kawalan "gangster".

Itulah sebabnya menjadi pelacuran. Jadi dengan sebab demikian saya kemukakan kepada Menteri yang berkenaan dan juga kepada pihak Kerajaan, umbi-umbi inilah yang mesti disiasat dan dihukum kepada mereka yang menipu kaum wanita yang masih lemah semangat dan lemah daripada segala pendirian. Tuan Yang di Pertua, daripada keadaan-keadaan inilah, maka jadi pelacuran dalam negeri ini, dan ada setengahnya pula pelacuran itu terjadinya kerana pelacuran yang terhormat yang bukan kerana desakan hidup, tetapi kerana suka sama suka memberi dan menerima. Oleh yang demikian, apabila Undang-undang ini dapat dijalankan di dalam negara kita hendaklah kita menjalankan dengan sebenar-benarnya jangan terkena kepada batang hidung kita, kita memejamkan mata, tetapi kena di padang orang kita berlari di padang kita sendiri kita bertenjek. Jalankan dan saksamakanlah Undang-undang ini dengan tidak pilih kasih, walaupun siapa tetapi dijumpai perkara ini tetap dihukum dan mesti diadili di depan Mahkamah.

Dr Chen Man Hin: (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, I wish to make one or two

observations on this Bill. Firstly, I would like to congratulate the Minister of Social Welfare for the Bill which has been presented. As I see this Bill is an attempt to control prostitution and also to protect women and young girls. Mr Speaker, Sir, prostitution is one of the oldest professions in the world and while this Bill attempts to control it, I do not think it will be successful in eradicating it; anyway, I wish the Department concerned all the success and hope that their efforts will be rewarded.

What I am particularly concerned tonight, Mr Speaker, Sir, is the problem of missing young ladies which have been reported every now and then in the papers—young girls missing from the rubber estates, young girls missing from new villages and from the rural areas. While efforts have been made to trace these young ladies, quite often they have not been found and it will be interesting to find out whether the Bureau of Missing Persons is still functioning and if not, I think it should be reactivated so that parents whose children are missing can find a place where they can report missing persons.

Mr Speaker, Sir, trafficking in white slavery has gone on for a long time, but the modern trafficker is much more sophisticated in his methods and while he will not raid a village and take away young girls or women, he will use other methods to seduce them to a life of shame and, therefore, I think to prevent this sort of trafficking it is quite important for the education authorities to educate our children in the primary schools at least an element of sex and also to be aware of people who come to them with sweet words but who actually are dangerous elements who intend to seduce them to a life of shame.

The other point I would like to make, Mr Speaker, Sir, is the question of the rising rate of venereal disease. In these days of permissiveness, in these days of the Pill, in these days where sex films are being shown so freely, in my personal experience as a medical man, there is an increasing number of young people coming to me for venereal problems and I think while it is quite important to check this problem of prostitution, it is also important for the Minister of Social Welfare to look into the matter of helping young people so that they would not fall into this trap like going to prostitution

areas and to be infected. Nowadays it is not easy to treat venereal disease because quite a number of these diseases are immune to new drugs and unless there is a serious study into the question of prostitution, I think venereal disease may become so rampant that it will be hard to control. Therefore, while there is an attempt to control brothels, it might be advisable for the authorities concerned to keep a tag on the people who are engaged in prostitution so that they know where they are and advise them to seek medical treatment and have regular checkups, weekly checkups so that they would not be sources of infection for people who are attracted to these areas of prostitution.

Tuan Loh Jee Mee: Tuan Yang di Pertua, saya bangun untuk menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang ini dan saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Minta pendek-pendekkan sedikit ucapan Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Loh Jee Mee: Tuan Speaker, the world's oldest profession, prostitution, has become very rampant in Malaysia for the past decade or so; and hardly a day goes by without stories appearing in the local papers of anti-vice raids and teenage girls being forced into brothels. Quite often investigations have proved that these teenage girls have been forced into the profession by unscrupulous people earning a living on their flesh. There are many cases of kampung and new village girls being lured into these houses of entertainment by young men under the pretext of offering them jobs in the big towns. Of late, there is also an increasing number of massage parlours, many of which are more or less prostitution dens. Another contributing factor to prostitution is divorce. Rape cases are also on the increase. Despite a certain degree of permissiveness prevalent in the Malaysian society, girls and women are far from safe when out alone. The time has now come for the Government to take a serious view of protecting our feminine gender. Deterrent laws have to be formulated and enforced in so far as cases of immoral living are concerned. I am of the strong opinion that the present sentences are far from sufficient to deter culprits from committing sexual offences. Sir, a practical programme, therefore, has got to be drawn

up for rehabilitation of wayward women and girls. In other words, more staff and welfare officers are required and sufficient protection be accorded by way of better marriage and divorce laws and the laws governing maintenance.

Puan Bibi Aishah binti Hamid Don (Kulim Utara): Tuan Yang di Pertua, saya bangun mengalu-alukan Rang Undang-undang Perlindungan Wanita dan Gadis yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia pada hari ini.

Apa yang saya hendak katakan hanya ada sedikit sahaja iaitu yang mengenai tentang structure masyarakat kita pada hari ini. Kita tahu bahawa masyarakat kita pada hari ini memang sama menyelaras dengan kemajuan negara banyak menggalakkan dalam soal-soal perindustrian, dan di dalam memperkatakan soal perindustrian yang maju dalam negara kita banyaklah mendorong orang-orang yang hendak mencari kemewahan hidup datang berhijrah daripada kawasan-kawasan luar bandar ke dalam bandar. Maka soal-soal ini telah menjadikan sebagai satu social problem yang mana terpaksa kita hadapi.

Saya rasa dengan adanya Rang Undang-undang yang dibentangkan dalam Dewan pada hari ini tidak sahaja memberikan satu tugas yang sangat berat kepada Kementerian Kebajikan Am bahkan Rang Undang-undang ini juga tidak dapat menjamin dengan sebenar-benarnya apa yang dikehendaki oleh masyarakat kita pada hari ini.

Kita tahu kalaulah Kementerian Kebajikan Am dapat mengadakan rumah bagi anak-anak cacat, anak-anak yang kita katakan cacat otak dan sebagainya ini adalah lebih senang daripada mengadakan rumah-rumah perlindungan bagi wanita dan gadis-gadis.

Apa yang saya maksudkan pada mula tadi ialah sebagaimana yang kita ketahui bahawa masyarakat kita hari ini juga patut rasa bertanggungjawab sama berkenaan apa yang telah terjadi kepada nasib anak-anak kita. Kita tahu sebagaimana keadaan perindustrian banyak perubahan-perubahan yang mana berlaku iaitu apabila anak-anak kita yang masih mentah meninggalkan kampung halaman mereka, mereka tidak lagi terkong-kong dengan adat resam yang memang membendung mereka di dalam hal ehwal

apa yang menjadi pantang-larang pada mereka hidup sehari-hari. Maka dengan kerana ini mereka ini telah merasa bahawa mereka bebas, sebeb-bebasnya. Maka sebab itulah rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Tapah tadi mengatakan bahawa permissiveness iaitu rela hidup bersama tanpa kahwin hari ini telah berlaku di mana-mana.

Saya rasa kalaulah perkara begini dapat dikawal oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah satu perkara yang sungguh-sungguh mustahil dan saya juga mengesyorkan kalaulah dapat ahli-ahli sociology kita yang ada di dalam Jabatan Kebajikan Masyarakat yang mana pegawai-pegawai kita, kita memberi latihan-latihan yang berguna dapat mengadakan ceramah-ceramah, kursus-kursus dan juga bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan akhlak yang saya rasa banyak berselerak dalam negara kita ini. Minta mereka itu sama-sama tolong merasa bahawa apa yang berlaku dalam masyarakat kita adalah menjadi tanggungjawab kita juga bersama seperti mana Badan-badan Kebajikan Wanita Islam dapat kita menggunakan mereka itu. Saya rasa di samping memberi nasihat-nasihat bahkan patut juga mereka ini kalau hendak saya bandingkan iaitu kalau di dalam bahagian-bahagian latihan jururawat dan sebagainya mereka ada mempunyai metron-metron untuk menjaga ataupun mengawal mereka itu daripada berlaku sesuatu yang kurang baik dalam masyarakat kita. Tetapi dalam kalangan-kalangan industri juga patut saya rasa ada mempunyai badan-badan yang mengawal dari satu tempat ke satu tempat supaya dapat memperlingkungan perkara-perkara yang tidak baik ini berlaku.

Dalam Rang Undang-undang ini banyaklah kita hendak menggunakan kuasa-kuasa polis dan sebagainya menggelidahkan rumah-rumah iaitu rumah-rumah yang kita katakan menggunakan wanita-wanita yang di bawah umur untuk memaksa mereka ini dalam kerja-kerja yang tidak diingini oleh masyarakat, saya rasa ini memanglah satu perkara yang betul-betul tegas, tetapi ketegasan ini tidak dapat dilaksanakan kalau kita tidak dapat kerjasama yang sepenuhnya dari pihak segenap golongan dalam masyarakat.

Tuan Edwin anak Tangkun (Batang-Lupar): Mr Speaker, Sir, speaking on the

Women and Girls Protection Bill, I wish to state a few problems that are facing us in Sarawak.

The most noted form of progress in Sarawak is the setting up by the private sector of night-clubs and bars. At first, this business was to cater for the security forces during confrontation. However, to our alarm, bars and night-clubs did not cease with the end of confrontation. It continued to spread to the smaller towns and villages. What is alarming is that young girls, as young as 14 years, are attracted to this type of life from the long-houses and the kampungs to the towns. Most of the recruits are school drop-outs and Primary VI failures. This is the fault of the society which is not properly organised and so it is led to face such problems.

My colleagues had spoken several times in our Sarawak Council Negri, but the Government's reply was not only discouraging but often was containing an attitude of *tidak apa*.

Tuan Yang di Pertua, dengan jawapan "tidak apa" itu, saya tidak berpuashati. Kerajaan Pusat ataupun Kerajaan Negeri memang bertanggungjawab kepada rakyat di seluruh Malaysia, khasnya di Sarawak.

I hope, therefore, that the Federal Government will look into the problems of our young girls of very tender age who had been attracted to night-clubs and bars like flies to the bright lights. Socially and spiritually they perish and become great losses to the country.

To overcome or lessen such problems, I suggest that the Government should set up more training programmes especially for our own wayward girls. The Federal Government should help the State Government in experience and money. More factories where girls can play important parts in our development efforts must be started in Sarawak. At the moment, some girls are trained at the Farming Training Centre. But this is not enough. We must train them as good housewives, give them knowledge in modern living, teach them home-care and cookery and the many aspects that society can offer to good girls.

Another factor is the bad influence of Western types of cultures on our young girls. In wanting to be with it, as they call such ways of foreign behaviours, they tend to look un-Malaysian and unlady-like. Often as not, they lose their virtues. Modern films, sex films and violent films also contribute to degrade our present young girls. As parents, we must do something and as leaders of this country, we must act now before we lose them.

In Malaysia, to the simple ulu parents in the kampungs and the longhouses, developments mean not having much to say as to what your daughters should or should not do or where to go or not to go. They are very confused.

In Sarawak, we tend to give more stress on developments without considering the impact of the various projects on the lives of our people. As more and more developments are made, more and more become jobless. The ulu longhouses lives become less and less glamorous. Costs of living drive young girls to seek easy money for modern clothes and cosmetics in order to get good husbands. In the end, they get no husbands but they join the oldest profession. Now, what do we do? It is not enough to ban long hair. It is not enough to ban sex films. What we must do is something more positive. We must set up more civics centres, more youth organisations and more social training programmes. We must encourage our young people to come to these centres and clubs. In this way, I am sure they will learn through group contacts and not allow themselves to fall prey to undesirable bad influence from foreign society. The time has therefore come for us to do something for our young people. Our future citizens and leaders must be looked after by us now.

Finally, Mr Speaker, Sir, I personally feel that this Bill should have been introduced in this House years ago. Had it been done before, we would have less prostitutes in this country now.

Tuan Hor Cheok Foon (Damansara): (*Dengan izin*) Tuan Yang di Pertua, on this question of protecting the women and girls of our country, I would like to submit my observations on two points.

First of all, as we know, prevention is better than cure. Therefore, before a woman or a girl is tempted to go for immoral living, we must find out what makes her to desire to become a prostitute or what compels her to go for immoral living. Practically, it is a question of financial difficulties. If a girl is corrupted in her morals and does it from her own choice, then nothing can prevent her from doing it. But in this Bill the impression given is that she is forced to do it—she could be forced by circumstances, or she could be forced by other parties. Therefore, Tuan Yang di Pertua, I hope the Government could, first of all, straighten up our social disorders and our way of life. For instance, a woman comes from a very poor family and when she sees that her family is suffering—the father cannot provide for the family, neither can the mother or the elder brothers and sisters—they are in a very poor financial position, even to educate the children, then she will go out and sell herself and thus become a victim.

We were told that in Communist countries or in Socialist countries, prostitution does not exist but, unfortunately, we in Malaysia happened to choose the capitalist path and our social pattern is such that money could dictate everything; money could buy everything. So, when a woman or a young girl without any experience or still cannot find employment, the only thing she could do is to sell her body in exchange for a few dollars. Therefore, Tuan Yang di Pertua, I hope the Government would take action more to prevent women from committing this sin rather than just finding all the measures afterwards. Of course, the measures taken like imposing heavy fines and more severe penalties against brothel owners are good, but at the same time, we must also emphasise on the building up of a more healthy society whereby everybody can find jobs.

On the question of developing the tourist industry in this country to attract tourists to come in, just like Hong Kong, Thailand and Taiwan, to name a few countries around this region, it is very unfortunate that most of the young tourists, not all of them are pensioners or old men and women, look for excitement when they travel. So I would like to urge the Government to look into the newly set-up subsidiaries of the tourist industry—like tourist guides, barber shops,

bars, massage parlours, even underground coffee houses. All these need not be where there is prostitution. There is no need to have a big signboard showing that it is a brothel. There are many other places where prostitution could be carried out.

So, I hope the Government could immediately set up registration for the operation of all these establishments.

Finally, one last point. I also observe that in West Malaysia, in the northern part, near the Thailand border and also down in Johore Bahru, prostitution is flourishing. People from our neighbouring Island State also come over to visit these places. So, I hope the Government will pay special attention to these places in order to protect our girls from becoming victims of this profession.

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: Tuan Yang di Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas pandangan-pandangan dan pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan Rang Undang-undang Perlindungan Wanita dan Gadis yang sedang dibincangkan sekarang dan saya mengucapkan terima kasih juga atas segala pujian-pujian dan aluan-aluan yang diberikan kepada Kementerian saya dalam menjalankan tugas berhubung dengan perkara ini dan juga dalam usaha mengadakan Rang Undang-undang ini dan segala pujian itu adalah sangat menggalakkan saya dan pegawai-pegawai saya untuk terus bertanggungjawab seberapa daya-upaya berhubung dengan melaksanakan Rang Undang-undang ini setelah diluluskan oleh Dewan ini.

Saya dapati Ahli-ahli Yang Berhormat lebih kurang 6 orang yang bercakap adalah serupa sahaja perkara yang diperkatakan berhubung dengan kejadian pelacuran dan bagaimana cara-cara hendak menghapuskan pelacuran dan ada juga beberapa orang Ahli Yang Berhormat mengatakan pelacuran ini tidak dapat dihapuskan dengan sebenarnya. Saya sependapat dengan Ahli Yang Berhormat terutamanya dari Parit yang mengatakan sangatlah susah kemungkinan pelacuran ini dapat dihapuskan dengan sebenarnya selagi ada manusia di dunia ini yang dua jenis iaitu lelaki dan perempuan.

Sebenarnya, Tuan Yang di Pertua, Akta ini tidak kena-mengena dengan pelacuran. Akta ini hanya mengadakan perbekalan-perbekalan untuk perlindungan wanita dan gadis. Oleh itu, soal berhubung dengan pelacuran itu tidak kena-mengena, tetapi bagaimana saya katakan tadi saya ucapkan terima kasih atas pandangan itu dan ini berertilah Ahli-ahli Yang Berhormat sedar bahawa masalah pelacuran-pelacuran ini tidak sahaja Kerajaan bertanggungjawab bahkan masyarakat bersama bertanggungjawab bagaimana kita dapat sekurang-kurangnya mengurangkan berlakunya pelacuran terutama di kalangan-kalangan muda-muda belia sekarang pernah berlakunya perkara yang tidak diingini, misalnya melarikan dan memperdayakan gadis dan sebagainya. Akta ini juga adalah untuk menjatuhkan hukuman kepada orang-orang yang memeras pelacuran untuk keuntungan mereka sendiri. Jadi saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat telah ambil kesempatan dengan ada undang-undang ini mengemukakan pendapat dan pandangan berhubung dengan pelacuran dalam masa Dewan ini membincangkan Rang Undang-undang Perlindungan Gadis dan Wanita.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timur mengemukakan berhubung dengan kehilangan anak-anak gadis. Saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat itu sekiranya beliau dapat tahu apa yang dicakapkan itu berhubung dengan kehilangan anak-anak gadis hendaklah dilaporkan kepada pihak Polis ataupun di Jabatan Kebajikan Masyarakat Tempatan. Berhubung dengan pelajaran sex, saya rasa memang ada diajar di sekolah-sekolah menengah di dalam negeri kita ini dan untuk mencegah budak-budak jangan pergi ke tempat-tempat pelacuran. Saya rasa ini adalah tanggungjawab masyarakat terutamanya tanggungjawab ibubapa mereka sendiri. Jadi dalam masalah ini Kerajaan, terutama sekali Kementerian Kebajikan Am tidak dapatlah hendak menyekatkan hak kebebasan seseorang itu. Saya harap supaya dapat kita kempen bersama seluruh masyarakat kita terutama di kalangan ibubapa dan keluarga supaya mereka itu dapat bertanggungjawab yang bersungguh-sungguh sebagai ibubapa kepada anak-anak dapat memberikan pandangan yang berat dan memberikan didikan-didikan terutama didikan-didikan akhlak dan ajaran ugama masing-masing bahawa kerja pelacuran ini

adalah sangat kotor dan terkutuk, merbahaya dan hina. Dengan ada kerjasama seluruh masyarakat dan ibubapa, saya percaya dalam usaha kita untuk mengurangkan sekurang-kurangnya berlaku pelacuran ini akan dapatlah kita lihat bersama kelak.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih atas pandangan dan pendapat-pendapat Yang Berhormat berhubung dengan adanya Akta ini dan Kementerian saya akan menerima lebih banyak lagi pegawai-pegawai untuk melaksanakan apabila Rang Undang-undang ini diluluskan oleh Parlimen.

Berhubung dengan ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kulim Utara, saya bersetuju bahawa undang-undang ini sahaja tidak mencukupi untuk kita memberi perlindungan kepada gadis dan wanita dengan sebab-sebab pelacuran dan sebagainya. Sebagaimana yang saya katakan tadi ialah dengan mendapat kerjasama dari masyarakat seluruhnya dan ibubapa terutama dalam memberikan bimbingan dan didikan kepada anak kita itu, maka insya-Allah kita akan dapat lihat bersama kekurangan berlakunya perkara rosak akhlak yang kurang menyenangkan pandangan kita semua.

Ahli Yang Berhormat dari Batang-Lupar, saya katakan di sini kita tidak dapat hendak menahan kebebasan seseorang dan Kementerian saya memang sudah mengadakan beberapa jenis latihan kerja tangan kepada wanita-wanita yang rosak akhlak. Jika mereka itu telah diserahkan oleh pihak mahkamah dan polis kepada Kementerian ini untuk dimasukkan dalam rumah yaysan bagi pemulihan. Latihan kerja dan pemulihan akhlak yang diberi kepada mereka atau gadis-gadis dan wanita masukkan ke rumah ini ialah kerja-kerja dan pemulihan yang memberikan jaminan mereka itu apabila keluar boleh berdikari, iaitu senang mendapat pekerjaan (mata pencarian) menyara hidup dia sendiri. Latihan-latihan diberi hari ini ialah cara-cara mendobi, mengunting pakaian, menjahit, masak-memasak, membuat kriting rambut dan make-up yang mana sesuai dengan tenaga wanita.

Pandangan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat kelakuan anak-anak muda kita hari ini yang tidak menyenangkan kita semua, perkara ini seperti saya katakan tadi,

Kerajaan memang tidak dapat hendak menahan kebebasan seseorang. Sekali lagi saya tegaskan di sini ialah kita merayu kepada ibubapa supaya mereka itu bertanggungjawab bersama-sama dalam memberi bimbingan dan didikan akhlak dan ugama kepada anak-anaknya, terutama memberi didikan ugama.

Demikianlah, Tuan Yang di Pertua, dan sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih atas pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat serta teguran yang telah diberikan. Walaubagaimanapun pandangan mereka itu adalah diambil catitan mudah-mudahan ini juga akan memberikan semangat dorongan kepada saya dan Kementerian saya dalam usaha melaksanakan Rang Undang-undang ini apabila diluluskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengeruskan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 38—

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan sebagaimana yang terkandung dalam kertas pindaan DR. 83/72 seperti yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Pindaannya seperti berikut:

<i>Fasal</i>	<i>Pindaan</i>
14 (1)	Gantikan perkataan "dan" di baris 2 dengan perkataan "atau".
16 (1) (i)	Potong perkataan "atau" yang terdapat di akhir perenggan itu.
28 (2)	Masukkan perkataan "atas permohonan pemunya itu," selepas sahaja perkataan "Mahkamah Mejistret boleh," di baris 7.
30 (3)	Gantikan perkataan "sebagai tambahan kepada dan bukan sebagai mengurangkan" yang terdapat di baris 2 dan 3 dengan perkataan "tanpa menyentuh".

<i>Fasal</i>	<i>Pindaan</i>
38 (2) (b) ...	Gantikan perkataan "mula-mula berkuatkuasa" yang terdapat di baris 3 dan 4 dengan perkataan "mula berkuatkuasa."
JADUAL KEDUA ...	Masukkan perkataan "dan" antara perkataan "Wanita" dan "Gadis" yang terdapat dalam butiran 3.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 1 hingga 38 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Kedua sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG TABUNG ANGKATAN TENTERA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bertajuk "Suatu Akta bagi membuat peruntukan berkenaan dengan menubuhkan suatu Kumpulanwang bernama Tabung Angkatan Tentera, pengu-rusan Tabung itu dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya", dibacakan bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk menubuhkan suatu Tabung Simpanan dan Kumpulanwang bagi memperuntukkan faedah-faedah selepas tamat perkhidmatan kepada anggota-anggota tentera yang layak mendapat faedah itu dan untuk membolehkan lain-lain anggota tetap Angkatan Tentera untuk mengambil bahagian di dalam suatu sekim simpanan.

Melalui perjalanan Tabung ini, anggota-anggota tentera akan dapat menikmati faedah-faedah persaraan yang lebih besar dan pulangan yang lebih tinggi dari simpanan mereka. Di antara lain-lain faedah yang tak

langsung yang akan timbul melalui pengum-pulan simpanan dan aktiviti-aktiviti pela-buran ini, termasuklah sumbangan yang positif kepada pembangunan ekonomi negara ini amnya.

Tuan Yang di Pertua, Rang Undang-undang ini memperuntukkan sumber-sumber pendapatan Tabung ini yang (antara lain) akan mengandungi caruman-caruman yang dibuat oleh pencarum, caruman-caruman yang dibuat oleh Kerajaan, geran, atau dermaan yang dibuat kepada Tabung ini dan juga sebarang hasil pendapatan yang terbit daripada pelaburan.

Di sebelah perbelanjaan pula, Tabung ini akan dipergunakan untuk tujuan pengeluaran-wang caruman-caruman, bersama-sama dengan apa-apa keuntungan jika ada, dan lain-lain perbelanjaan yang dibenarkan di bawah peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang ini.

Bagi tujuan mengurus dan mentadbirkan Tabung ini, suatu badan berkanun yang ber-nama Lembaga Tabung Angkatan Tentera akan ditubuhkan yang mana akan meng-andungi orang-orang sebagaimana yang di-tetapkan di dalam Rang Undang-undang itu.

Untuk membantu perjalanan tugas-tugas-nya, Lembaga ini boleh menubuhkan jawatan-kuasa-jawatankuasa dan melantik pekerja-pekerja, ajen-ajen dan penasihat-penasihat. Untuk menasihatkan Lembaga di dalam perkara-perkara berkaitan dengan pelaburan, suatu Panel Pelaburan akan ditubuhkan juga.

Bagi maksud pelaburan, Lembaga boleh melaburkan di dalam syor-syor dan debencar-debencar di dalam syarikat-syarikat.

Kaedah membuat caruman kepada Tabung dan kaedah pengeluaran wang dari Tabung ada diperuntukkan di dalam Rang Undang-undang ini.

Akhir sekali, Lembaga, dengan kelulusan Menteri diberi kuasa membuat peraturan-peraturan mengenai sebarang perkara bagi maksud melaksanakan peruntukan-per-untukan di dalam bidang Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon men-cadangkan.

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 23 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Kedua diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Ketiga diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PERKHIDMATAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri (Datuk Wan Abdul Kadir bin Ismail): Tuan Yang di Pertua, saya memohon izin supaya Rang Undang-undang yang bertajuk "suatu Akta bagi meminda Ordinan Suruhanjaya Perkhidmatan, 1957" dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di Pertua, pindaan ini adalah bertujuan bagi mengelakkan keraguan mengenai tafsiran perkataan "ex-officio member" yang disebutkan dalam Jadual kepada Ordinan Suruhanjaya Perkhidmatan 1957 itu. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong boleh melantik Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan dan Suruhanjaya Perkhidmatan Polis daripada kalangan Hakim-hakim yang masih berkhidmat mengikut Perkara 140 (3) Perlembagaan Persekutuan. Perlantikan-perlantikan semacam ini tidak boleh disifatkan sebagai lantikan-lantikan "ex-officio", kerana Hakim-hakim

itu dilantik atas nama masing-masing dan bukan atas jawatan. Oleh itu mereka berhak dibayar elaun-elaun sebagai ahli bukan "ex-officio" di samping menerima gaji-gaji dan elaun-elaun mereka sebagai Hakim-hakim. Tujuan sebenarnya ialah bahawa Hakim-hakim yang masih berkhidmat yang dilantik menjadi ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan dan Suruhanjaya Perkhidmatan Polis itu tidaklah patut dibayar apa-apa elaun tambahan kerana mereka-mereka ini sedang menerima gaji dan elaun masing-masing sebagai Hakim. Memandangkan kepada keraguan ini maka perlulah dicadangkan sekarang bahawa butiran 1 kepada Jadual Akta Suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan) 1972, masing-masing yang menyentuh Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (Judicial dan Legal Service Commission) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Polis (Police Service Commission) hendaklah dipinda sepertimana yang terdapat di perenggan 2 (a) kepada Rang Undang-undang Akta Suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan), 1973 iaitu dengan menggantikan perkataan "excluding an ex-officio member" dengan perkataan-perkataan "excluding an ex-officio member and any member appointed from amongst serving judges". Dengan pindaan-pindaan ini, Hakim-hakim yang dilantik tidak akan dibayar elaun tetap sebanyak \$750 sebulan sepertimana yang diperuntukkan oleh Jadual kepada Akta Suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan) 1972.

Mengenai bayaran ganjaran kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya Jadual kepada Akta Suruhanjaya Perkhidmatan, 1957 tidak menetapkan kepada siapakah ganjaran itu boleh dibayar apabila Pengerusi atau Ahli Suruhanjaya-suruhanjaya yang berkenaan meninggal dunia semasa memegang jawatan masing-masing. Adalah mustahak sekarang meminda butiran (6) kepada Jadual Akta Suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan) 1972 itu bagi membolehkan dibayar ganjaran kepada wakil diri Pengerusi dan ahli-ahli Suruhanjaya ataupun kepada orang-orang tanggungan sepertimana yang ditentukan oleh Yang di Pertuan Agong, sekiranya mereka itu meninggal dunia dalam memegang jawatan.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusi-kan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PILIHANRAYA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Datuk Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di Pertua, saya mohon izin supaya suatu Akta bagi meminda Akta Suruhanjaya Pilihanraya 1957 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di Pertua, mengikut peruntukan yang didapati dalam Jadual kepada Akta Suruhanjaya Pilihanraya 1957, Pengerusi dan seseorang Ahli Suruhanjaya Pilihanraya berkecuali dibayar ganjaran sekadar satu bulan gaji atau satu bulan elaun tetap bagi tiap-tiap tahun perkhidmatan yang genap, apabila ianya berhenti memegang jawatannya sebagai seorang Pengerusi ataupun Ahli Suruhanjaya tersebut. Mengikut Perkara 114 Perlembagaan Persekutuan, Ahli Suruhanjaya Pilihanraya adalah memegang jawatannya sehingga ia mencapai umur 65 tahun. Dalam pada itu, Pengerusi atau seseorang Ahli Suruhanjaya mungkin meletakkan jawatannya masing-masing dengan kerana sebab-sebab yang tertentu sebelum mencapai umur 65 tahun. Oleh yang demikian adalah dicadangkan sekarang supaya peruntukan diperbuat bagi membayar ganjaran

kepada Pengerusi ataupun seseorang Ahli Suruhanjaya itu sekiranya mereka meletakkan jawatan sebelum mencapai umur 65 tahun.

Mengenai bayaran ganjaran kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya, Jadual kepada Akta Suruhanjaya Pilihanraya, 1957 tidak menetapkan kepada siapakah ganjaran itu boleh dibayar apabila Pengerusi atau Ahli Suruhanjaya-suruhanjaya yang berkenaan meninggal dunia semasa memegang jawatan masing-masing. Adalah mustahak sekarang meminda butiran (8) kepada Jadual Akta Suruhanjaya Pilihanraya, 1957 itu bagi membolehkan dibayar ganjaran kepada wakil diri Pengerusi dan ahli-ahli Suruhanjaya ataupun kepada orang-orang tanggungannya sepertimana yang ditentukan oleh Yang di Pertuan Agong, sekiranya mereka itu meninggal dunia dalam memegang jawatan.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusi-kan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di Pertua: Mesyuarat ditangguhkan sehingga suatu masa yang belum ditetapkan lagi (*Tepuk*).

Dewan ditangguhkan pada pukul 10.10 malam.

JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS

KEMENTERIAN LUAR NEGERI

Diplomat-diplomat Wanita

1. Tuan Haji Shafie bin Haji Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan bilangan dan pangkat-pangkat diplomat-diplomat Malaysia yang terdiri dari kaum wanita yang sedang berkhidmat di dalam dan di luar negeri.

Menteri Luar Negeri (Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein): Ada 4 orang pegawai wanita yang sedang berkhidmat di luar negeri:

- (1) Timbalan Wakil Tetap bertaraf Duta Besar, Perutusan Tetap Malaysia di Bangsa-bangsa Bersatu, New York.
- (2) Setiausaha Kedua, Kedutaan Besar Malaysia di Amerika Syarikat.
- (3) Setiausaha Kedua, Kedutaan Besar Malaysia di Republik Jerman.
- (4) Setiausaha Kedua, Suruhanjaya Tinggi Malaysia di United Kingdom.

Ada 7 orang pegawai-pegawai wanita yang sedang berkhidmat di Wismaputra, Kementerian Luar Negeri, Kuala Lumpur. Seorang berpangkat Ketua Penolong Setiausaha dan 6 orang yang berpangkat Penolong Setiausaha.

There are 4 lady officers serving abroad.

- (1) Deputy Permanent Representative with the rank of Ambassador, Malaysian Permanent Mission to the United Nations, New York.
- (2) Second Secretary, Embassy of Malaysia in the United States of America.
- (3) Second Secretary, Embassy of Malaysia in the Federal Republic of Germany.
- (4) Second Secretary, Malaysian High Commission in United Kingdom.

There are 7 lady officers serving in Wismaputra, Ministry of Foreign Affairs, Kuala Lumpur.

One officer with the rank of Principal Assistant Secretary, and 6 others with the rank of Assistant Secretaries.

Bahasa Malaysia di Bangsa-bangsa Bersatu

2. Tuan Haji Shafie bin Haji Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada Kerajaan bercadang mendesak Bangsa-bangsa Bersatu supaya menerima Bahasa Malaysia sebagai salah satu daripada bahasa-bahasa resmi Pertubuhan itu memandangkan bahawa Bahasa Malaysia akan dipakai oleh lebih daripada 100 juta manusia apabila Bahasa Malaysia dan Bahasa Indonesia disatukan.

Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein: Kerajaan Malaysia tidak bercadang membuat demikian kerana saya berpendapat yang ianya akan menimbulkan banyak kekeliruan dan akan menambahkan lagi perbelanjaan organisasi tersebut. Pada masa sekarang walaupun bahasa-bahasa Inggeris, Prancis, Spanyol, Russia dan China adalah bahasa-bahasa resmi, wakil-wakil boleh bertutur di dalam bahasa-bahasa lain jika mereka ingin, jika mereka dapat menyediakan jurubahasa-jurubahasa masing-masing.

The Government does not intend to do so as I am of the opinion that there will be a great deal of confusion and it will cost more to run the organisation. At present although English, French, Spanish, Russian and Chinese are the official languages, delegates can speak in other languages if they desire provided they provide interpreters.

KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

Kewarganegaraan Malaysia

3. Tuan Md. Salleh bin Datuk Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan orang-orang asing yang telah diberikan kewarganegaraan Malaysia dan dibenarkan menetap di Malaysia sejak Hari Malaysia.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-Haj bin Datuk Abdul Rahman):

- (a) Bilangan orang-orang asing yang telah mendapat taraf kewarganegaraan Malaysia sejak Hari Malaysia (16-9-1963)

sehingga Oktober, 1972 ialah seperti berikut:

(i) dengan cara masukan (naturalization) ...	19,547
(ii) dengan cara pendaftaran (registration) ...	148,901
Jumlah ...	168,448

(b) Bilangan orang-orang asing yang telah dibenarkan menetap di negeri ini sejak Hari Malaysia (16-9-1963) sehingga bulan Jun, 1972 ialah seperti berikut:

Tahun	Jumlah
(i) Sept. hingga Dis., 1963	737
(ii) 1964	1,723
(iii) 1965	1,595
(iv) 1966	1,743
(v) 1967	1,596
(vi) 1968	1,946
(vii) 1969	1,733
(viii) 1970	1,467
(ix) 1971	1,854
(x) Jun, 1972	1,018
Jumlah ...	15,412

Rakyat-rakyat Filipina

4. Tuan Md. Salleh bin Datuk Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan ke atas rakyat Filipina yang datang ke Sabah kononnya lari dari negeri mereka.

Tun Dr Ismail Al-Haj bin Datuk Abdul Rahman: Rakyat-rakyat Filipina yang melarikan diri ke Sabah sebelum undang-undang Tentera diistiharkan pada 23-9-72 di Filipina adalah dibenarkan tinggal di Sabah atas dasar peri kemanusiaan. Setibanya di Sabah mereka itu diberi bantuan "welfare" seperti makanan dan perubatan. Mereka itu dibenarkan mencari kerja dan tinggal bersama-sama saudara mereka yang ada di Sabah. Tindakan ini adalah semata-mata berasaskan kepada dasar peri kemanusiaan sahaja.

KEMENTERIAN KEWANGAN

Pemulangan Bayaran Cukai Lebih

5. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan menyatakan:

- bilangan permohonan-permohonan untuk pemulangan bayaran cukai lebih yang telah dibuat;
- bilangan pemulangan-pemulangan yang telah dibuat; dan
- banyak jumlah pemulangan-pemulangan dibuat dalam tahun 1972.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): 3,269 permohonan untuk mendapat kembali cukai yang telah lebih dibayar telah diterima untuk tempuh masa 1-1-72 hingga 31-10-72. Daripada jumlah ini, 2,339 permohonan telah dapat diselesaikan melibatkan sebanyak \$6,989,647.17. Angka-angka ini tidak termasuk permohonan untuk pulangan balik cukai kastam yang dibuat mengikut Seksyen-seksyen 93 dan 99, Akta Kastam, 1967.

There were 3,269 applications for the refund of excess duty collected during the period from 1-1-72 to 31-10-72. Of these, 2,339 cases were settled, amounting to \$6,989,647.17. These figures do not include claims for duty drawback made in accordance with Sections 93 and 99 of the Customs Act, 1967.

KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Perjanjian Perkhidmatan Udara

6. Tuan Haji Shafie bin Haji Abdullah minta Menteri Perhubungan menyatakan negara-negara yang telah membuat perjanjian perkhidmatan udara dengan Malaysia dan nyatakan juga salah satu daripada butir-butir yang besar dalam perjanjian itu yang mendatangkan faedah kepada Malaysia.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Malaysia mempunyai perjanjian perkhidmatan udara dengan

26 buah negara-negara asing. Negara-negara itu ia-lah:

1. Amerika Syarikat.
2. Australia.
3. Belgium.
4. Bulgaria.
5. Sri Langka.
6. Czechoslovakia.
7. Denmark.
8. France.
9. Germany.
10. India.
11. Indonesia.
12. Italy.
13. Japan.
14. Korea.
15. Laos.
16. Netherlands.
17. Norway.
18. New Zealand.
19. Pakistan.
20. Singapura.
21. Sweden.
22. Switzerland.
23. Thailand.
24. Russia.
25. United Kingdom.
26. Vietnam Selatan.

Butir-butir penting yang terdapat di dalam perjanjian-perjanjian itu ia-lah pertukaran hak terafik udara di antara Malaysia dan negara-negara tersebut. Ini membolehkan syarikat penerbangan kebangsaan Malaysia iaitu MAS mengadakan perkhidmatannya ke negara-negara asing disamping membenarkan syarikat-syarikat kebangsaan negara-negara itu mengadakan perkhidmatannya ke Malaysia.

Wakil-wakil Pekerja

7. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perhubungan memberi nama wakil-wakil pekerja-pekerja dalam Suruhanjaya-suruhanjaya pelabuhan yang berikut serta dengan jawatan masing-masing dalam kesatuan-kesatuan sekerja.

- (1) Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang;
- (2) Suruhanjaya Pelabuhan Kelang.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Wakil pekerja-pekerja dalam Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang ialah Encik T. P. D. Nair dan wakil pekerja-pekerja dalam Lembaga Pelabuhan Kelang ialah Encik P. P. Narayanan. Mereka ini dilantik memegang jawatan tersebut bukanlah kerana kedudukan mereka di dalam Kesatuan-kesatuan Pekerja tetapi ialah kerana kebolehan tersendiri yang terdapat pada diri mereka.

Lesen-lesen Teksi Baru

8. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perhubungan menyatakan bilangan lesen-lesen teksi baru yang dikeluarkan dalam tahun 1972 dalam tiap-tiap negeri.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Bilangan lesen-lesen teksi dan kereta sewa yang telah dikeluarkan di antara 1-1-72 dan 30-11-72 adalah seperti berikut:

Johor	...	...	...	...	8
Melaka	...	...	...	...	3
Negeri Sembilan	...	...	...	...	5
Selangor	...	...	...	...	7
Perak	...	...	...	...	94
Pulau Pinang	...	...	...	...	4
Kedah	...	...	...	...	6
Perlis	...	...	...	...	—
Kelantan	...	...	...	...	1
Trengganu	...	...	...	...	6
Pahang	...	...	...	...	6
Jumlah	...	...	...	...	140

Permohonan-permohonan Lesen Teksi

9. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perhubungan menyatakan bilangan permohonan-permohonan untuk lesen-lesen teksi yang masih dalam pertimbangan pada akhir bulan November, 1972 pada tiap-tiap negeri.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Bilangan permohonan-permohonan yang masih lagi dalam pertimbangan Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan sehingga bulan November, 1972 adalah seperti berikut:

Johor	...	...	...	...	...	...	...	...	72
Melaka	...	...	...	...	...	...	...	...	—
Negeri Sembilan	...	...	...	...	...	...	...	...	3
Selangor	...	...	...	...	...	...	...	...	—
Perak	...	...	...	...	...	...	...	...	48
Pulau Pinang	...	...	...	...	...	...	...	...	123
Kedah	...	...	...	...	...	...	...	...	176
Perlis	...	...	...	...	...	...	...	...	6
Kelantan	...	...	...	...	...	...	...	...	28
Trengganu	...	...	...	...	...	...	...	...	16
Pahang	...	...	...	...	...	...	...	...	141
Jumlah									613

Bayaran Berlebihan

10. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perhubungan menyatakan bilangan aduan-aduan mengenai bayaran yang berlebihan dibuat oleh Jabatan Talikom diterima daripada pengguna-pengguna talipon di seluruh Malaysia Barat dan bilangan aduan yang telah diselesaikan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Di antara 1hb Januari, 1972 hingga 1hb Oktober, 1972, Jabatan Talikom telah menerima sejumlah 2,429 aduan (meter complaint) daripada pengguna-pengguna talipon seluruh Malaysia Barat. Kesemua aduan-aduan ini telah diselesaikan dengan memuaskan.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN PERIKANAN

Bantuan kepada Nelayan

11. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan jumlah yang telah dibelanjakan bagi membantu nelayan-nelayan di Pantai Timur khasnya di Trengganu dalam usaha memberi bantuan barang-barang kepada nelayan-nelayan baru-baru ini dengan menyatakan apakah rupa bantuan yang telah diberi, berapa banyak yang diberi kepada tiap-tiap seorang dan berapa ramai pada tiap-tiap kampung nelayan yang menerima bantuan.

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi): Jumlah yang diperuntukkan bagi membantu nelayan-nelayan di Pantai Timur ialah \$333,250 dan bagi Negeri Trengganu ialah \$165,000. Dari peruntukan ini alat-alat perikanan berharga \$40,000 telah diberi sehingga sekarang. Walau bagaimanapun pesanan telah dibuat bagi membelanjakan kesemua peruntukan ini dan barang-barang itu akan diberi kepada nelayan-nelayan kelak.

Bantuan yang telah diberikan itu merupakan pukut-pukat, injin sangkut dan injin dalam. Dan jenis-jenis pukut-pukat yang diberikan ialah Pukat Tunda Udang, Pukat Tenggiri, Pukat Udang, Pukat Tangsi dan Pukat Jerut Udang Baring.

RANCANGAN SUBSIDI BAGI NEGERI TRENGGANU BAGI TAHUN 1972

	Perkara	Besut	K. Trengganu	Dungun	Kemaman	Jumlah
Injin Dalam		2	8	3	2	15
Injin Sangkut		5	15	—	11	31
Pukat Tenggiri		2	18	6	4	30
Pukat Tunda Udang		4	11	7	2	24
Pukat Tangsi		—	10	—	5	15
Pukat Jerut Udang Baring		2	—	—	—	2
Jumlah		15	62	16	24	117

Tiap-tiap seorang nelayan akan menerima bantuan sebanyak antara \$270 (Pukat Tunda Udang) hingga \$4,500 (Injin Dalam). Sejumlah 117 orang nelayan akan menerima bantuan ini dan adalah dijangkakan bahawa lebih kurang 400 orang nelayan akan mendapat faedah dari rancangan ini.

Impot Daging dan Susu

12. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan apakah usaha yang dijalankan supaya tiada perlu mengimpot daging dan susu dari luar negeri dan bilakah Malaysia akan mencukupi dalam bidang ini.

Tan Sri Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi: Dalam Rancangan Malaysia Kedua peruntukan pembangunan bagi rancangan-rancangan penternakan haiwan berjumlah \$8,210,000. Rancangan-rancangan ini bertujuan membaiki mutu ternakan yang dipelihara di negeri ini dengan cara-cara baru. Baka-baka ternakan itu dibiak di Pusat-pusat pembiakan yang dijalankan oleh Jabatan Haiwan termasuk daripada baka-baka yang diimpot dari luar negeri. Anak-anak ternakan itu diberikan kepada peladang dengan cara berpawah.

Satu langkah yang tegas untuk meluaskan perusahaan Haiwan di Malaysia ialah penubuhan Lembaga Perusahaan Haiwan Negara. Antara lain-lain lembaga ini telah ditugaskan untuk mengusahakan kegiatan bagi menjayakan perusahaan ternakan dengan cara besar-besaran. Sebagai tugas-tugas permulaannya lembaga ini akan melaksanakan tujuh buah ladang pembiakan lembu baka daging dan penyusu. Kerja bagi empat buah ladang yang tersebut sudah pun dimulakan iaitu di Behrang, Ulu Perak, di Jelai, Gemas, Negeri Sembilan dan di Tersat, Trengganu dan satu lagi di Kluang, Johor ialah pertukaran dari

bahagian Haiwan kepada lembaga, dan kesemua tujuh ladang itu dijangka akan siap dalam tempoh Rancangan Malaysia Yang Kedua.

Pada masa ini Malaysia mengeluarkan lebih kurang 80% daripada daging untuk keperluan negara dan mengimpot daging lebih kurang \$6 juta setahun tidak termasuk daging-daging dalam tin.

Sungguhpun langkah-langkah untuk menambahkan pengeluaran daging telah dimulakan hasil-hasil rancangan ini dijangka hanya boleh mencukupi menampung tambahan daging yang dikehendaki sebanyak lebih kurang 3% setahun.

Impot susu dan hasil-hasil susu sangatlah besar dan bernilai \$60 juta setahun. Oleh kerana jumlah impot yang tinggi itu adalah sukar untuk membuat ramalan bila negara Malaysia boleh mengeluarkan susu dan hasil-hasil susu untuk memenuhi keperluannya sendiri. Setakat ini saya hanya dapat memberi pengakuan bahawa tindakan-tindakan yang tegas telah pun diambil untuk menjayakan perusahaan penyusu dengan lebih pesat lagi.

Udang Air Tawar

13. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dibuat supaya lebih banyak udang-udang air tawar dapat dikeluarkan, apakah galakan-galakan yang telah diberi dalam

usaha membanyakkan pengeluaran udang-udang ini dan sekiranya galakan-galakan seperti itu ada diberi, nyatakan sambutannya dan di mana projek itu dijalankan.

Tan Sri Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi: Bahagian Perikanan di bawah Kementerian saya telah menjalankan percubaan bagi pengeluaran benih anak-anak udang air tawar di pusat-pusat pembiakan ikan di Bukit Tinggi, Enggor, Tapah dan juga di Stesyen Pemeliharaan Ikan MARDI di Batu Berendam Melaka.

Sebuah pusat penetasan udang dibina di Pulau Pinang bagi pengeluaran kira-kira 200,000 benih udang galah sebulan. Benih-benih udang itu telah dibahagi-bahagikan kepada penternak-penternak ikan di Negeri-negeri Perlis, Kedah, Perak dan Selangor yang sedia bekerja rapat dengan Jabatan-jabatan Perikanan Negeri untuk menyertai percubaan memelihara udang galah dalam kolam. Mereka itu dikehendaki mencatat dan menyimpan rekod-rekod yang berkaitan dengan percubaan itu seperti yang diatitkan. Kajian akan dibuat untuk mengetahui cara-cara terbaik bagi perusahaan memelihara udang galah.

Sambutan yang diberikan oleh peserta-peserta dalam percubaan ini sangat memuaskan di samping menerima pengalaman bagi perusahaan memelihara udang.

Penyu di Pantai Timur

14. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan bagi membanyakkan bilangan penyu.

Tan Sri Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi: Bahagian Perikanan melalui Jabatan-jabatannya di Negeri Trengganu, Kelantan dan Pahang telah mengadakan Rancangan Pembiakan dengan tujuan untuk mengekalkan bilangan penyu di Pantai Timur. Langkah-langkah pembiakan yang dijalankan itu ialah:

- (i) membeli telur-telur penyu dan menyemaikan bagi menetas kan anak-anak penyu,
- (ii) menjalankan rancangan menanda penyu untuk mengetahui gerakan-gerakan binatang itu,

- (iii) memberi penerangan kepada pelancung-pelancung tentang langkah-langkah yang patut diambil semasa melihat penyu bertelur.

Rancangan yang terbesar sekali adalah dijalankan di Rantau Abang, Trengganu yang mana semenjak tahun 1961 hingga tahun 1971 adalah sebanyak 247,531 biji telur telah disemai dan sebanyak 133,884 biji telur telah menetas dan anak-anak penyu itu dilepaskan balik ke dalam laut.

Paya Cik Lijah

15. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada Kerajaan bercadang mengadakan sistem parit dan taliair di Paya Cik Lijah di Gong Pasir, Dungun secara besar-besaran memandangkan kepada keperluan petani-petani di situ; jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Tan Sri Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi: Kerajaan tiada membuat peruntukan wang bagi mengadakan sistem parit dan taliair secara besar-besaran di Paya Cik Lijah, Gong Pasir, Dungun di bawah Rancangan Malaysia Yang Kedua. Rancangan perairan besar-besaran hanya dilaksanakan bagi kawasan-kawasan penanaman padi dua musim setahun yang ekonomik.

Kawasan paya Cik Lijah yang terletak di tebing kanan Sungai Dungun meliputi seluas lebih kurang 3,000 ekar. Kawasan-kawasan yang diusahakan bagi tanaman padi dikenali sebagai kawasan padi Balai Besar ialah seluas 300 ekar dan ditanam berselang-selang tahun.

Dalam kajian yang telah dijalankan sumber air bagi kawasan Paya Cik Lijah untuk kawasan padi Balai Besar itu adalah dari Sungai Dungun sahaja. Perbelanjaan untuk membina rumah pam bagi mengairkan kawasan tersebut amatlah tinggi dan begitu juga dengan perbelanjaan mengendali dan menyelenggarakan.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR

Syarikat-syarikat Kerjasama

16. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan berapa bilangan syarikat-syarikat kerjasama yang telah

ditubuhkan dalam negeri ini dan bilangan yang telah ditutup dengan menyatakan sebab-sebab ditutup.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):

Jumlah syarikat kerjasama yang telah ditubuhkan	...	...	4,337
Jumlah syarikat kerjasama yang telah ditutup	...	...	1,778

Sebab-sebab ditutup:

(a) Perjalanan yang tidak memuaskan kerana:

- (i) kurang sokongan daripada ahli-ahli;
- (ii) Jawatankuasa tidak cergas;
- (iii) Pinjaman Lapuk;
- (iv) Kerugian perniagaan.

(b) Percantuman dengan syarikat kerjasama serbaguna.

(c) Penutupan tempat-tempat kerja seperti ladang-ladang, lombong (EMMCO) dan jabatan (War Department).

Total number of co-operative societies formed	...	...	4,337
Total number of co-operative societies dissolved	...	...	1,778

Reasons for dissolution:

(a) Unsatisfactory management:

- (i) Lack of support from members;
- (ii) Inefficient Committee;
- (iii) Bad debts;
- (iv) Business losses.

(b) Consolidation with multipurpose co-operative societies.

(c) Closure of places of employment such as estates, mining (EMMCO) and department (War Department).

Rancangan Tanah Pinggir

17. Tuan Haji Shafie bin Haji Abdullah minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menyelaraskan dan menjayakan pelaksanaan Rancangan Tanah Pinggir seperti kejayaan yang dicapai oleh FELDA yang telah membuka lebih daripada $\frac{1}{2}$ juta ekar tanah semenjak tahun 1956 hingga sekarang.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tanggungjawab memulih dan melaksanakan rancangan-rancangan Tanah Pinggir Baru di tiap-tiap negeri telah diserahkan kepada Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara dengan persetujuan Kerajaan Negeri yang berkenaan. Walau bagaimanapun, keluasan minima bagi tiap-tiap satu rancangan tidak kurang daripada 500 ekar. Sehingga tahun 1972 L.P.P.T.N. telah memulihkan 23,132 ekar tanah dan melaksanakan 6,830 ekar Tanah-tanah Pinggir Baru.

The responsibility of rehabilitating and implementing New Fringe Alienation Schemes in all states has been given to the Federal Land Rehabilitation and Consolidation Authority with the approval from the State Governments concerned. The minimum acreage of each scheme should not be less than 500 acres. Up to 1972 FELCRA has rehabilitated 23,132 acres of land and implemented 6,830 acres of New Fringe Alienation Schemes.

Pinjaman kepada Pemborong Bumiputra

18. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan adakah menjadi dasar MARA memberi pinjaman kepada pemborong-pemborong Bumiputra hanya sekali, dan sekiranya pemborong-pemborong itu kerugian maka pinjaman-pinjaman tidak akan diberi lagi sungguhpun peluang-peluang bagi mereka untuk mendapatkan tender masih ada dan mereka boleh menjalankan perniagaan mereka sekiranya diberi bantuan.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: MARA telah memberi pinjaman kepada pemborong-pemborong Bumiputra dan jika ada daripada pemborong-pemborong itu yang telah gagal apabila menerima pinjaman MARA, MARA masih memberi pinjaman lagi kepadanya. Pinjaman ini diberi apabila pemborong itu mendapat kerja kontrak yang baharu dan selepas disiasat yang kerja kontrak itu mungkin boleh berjaya, maka MARA akan memberi pinjaman yang kedua dengan syarat apabila menerima bayaran kemajuan daripada Jabatan berkenaan, sebahagian daripada wang itu akan dipotong untuk bayaran pinjaman yang pertama yang telah gagal itu.

MARA has given many loans to Bumi-putra contractors but if in any case one of them has failed to complete the contract work and wishes to apply for another loan, MARA will still consider his application. Provided the contractor has been given a new contract work and if after investigation the contract is considered viable and can be successfully completed, MARA will definitely assist with the second loan, on condition that when the Department concerned with the contract makes progress payment, a portion of the money will be taken by MARA as a repayment of the outstanding first loan.

Rancangan FELDA, Kampung Awah

19. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan apakah sebab-sebab berlakunya kejadian di rancangan L.K.T.P. di Kampung Awah dalam bulan September 1972 di mana 380 peneroka-peneroka enggan menghantar susu getah mereka; dan samada ini disebabkan oleh perasaan tidak puashati di pihak mereka terhadap "dasar potongan" atau terhadap pentadbiran dan samada langkah-langkah telah diambil bagi menyelesaikan masalah itu.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Kejadian di Rancangan FELDA Kampung Awah dalam bulan September 1972 timbul kerana seperti yang berikut:

Untuk beberapa lama peneroka-peneroka di Kampung Awah dan beberapa rancangan-rancangan FELDA yang lain telah menerima harga jualan susu getah yang baik kerana susu getah tersebut telah dijual kepada pengilang-pengilang susu getah pekat yang kemudiannya menjual bahan tersebut dengan harga yang baik ke luar negeri. Malangnya pada pertengahan tahun 1972 pesanan dari luar negeri untuk susu getah pekat berkurangan, dan ini menyebabkan pengilang-pengilang tiada dapat membayar harga yang baik. Ini menyebabkan pengilang-pengilang tempatan mengurangkan pengeluaran mereka kerana merusutnya keadaan pasaran. Pengilang-pengilang berhenti membeli susu getah dari beberapa rancangan-rancangan FELDA termasuk Kampung Awah.

Kerana pengilang susu getah pekat enggan membeli susu getah dari Kampung Awah, maka cara lain yang terbaik untuk menjual susu getah tersebut ialah kepada pengilang S.M.R. Harga yang diterima dari pengilang S.M.R. ialah lebih rendah daripada pengilang susu getah pekat. Kejatuhan harga kerana keadaan tersebut dengan sendirinya mengecewakan peneroka-peneroka dan ini menyebabkan berlakunya kejadian pada bulan September. Perkara itu telahpun diselesaikan dan peneroka-peneroka sekarang ini mengerti mengapa mereka tiada dapat menerima harga susu getah yang begitu menarik seperti waktu-waktu yang lampau. Sekarang ini FELDA juga telah menggunakan sistem pembayaran harga yang baru di mana semua peneroka-peneroka di Negeri Pahang dibayar harga yang sama untuk getah mereka. Ini bermakna sungguhpun pembeli-pembeli membayar harga yang berlainan untuk susu getah dari sesuatu rancangan, tetapi peneroka-peneroka akan dibayar harga yang sama mengikut kadar harga puklurata bagi semua rancangan.

Selain daripada itu, peneroka-peneroka juga tiada berpuashati mengenai timbangan berat getah mereka. Penentuan ukuran berat getah dari susu getah cair hanya dapat diukur dengan tepat di makmal dan kalau ini dilaksanakan akan mengambil waktu yang panjang. Untuk mendirikan makmal bagi tiap-tiap rancangan akan menggunakan banyak perbelanjaan dan tiadalah praktikal. Penentuan berat getah kering untuk tiap-tiap peneroka dilaksanakan dengan suatu cara yang praktikal dan murah. Walau-bagaimanapun, cara ini kurang tepat. Pengeluaran harian susu getah untuk tiap-tiap peneroka di timbang berasingan dan berat getah keringnya ditentukan dengan menggunakan alat "metrolac". Alat ini memberi penentuan berat getah kering dengan cepat.

Penerangan di atas telahpun diberi kepada peneroka-peneroka dan mereka telahpun diberi jaminan bahawa FELDA akan sentiasa mengawasi supaya mereka itu sentiasa memperolehi ukuran getah kering yang tepat daripada kilang-kilang.

The incident at Kampung Awah FELDA Scheme in September 1972 arose because of the following:

For quite some time settlers at Kampung Awah and many other FELDA Schemes had received better than normal prices for their latex as the latex was being sold to latex concentrate producers who were able to sell their product at favourable prices overseas. Unfortunately around the middle of 1972 the demand for latex concentrate dropped significantly and also foreign buyers were no longer willing to pay good prices. This resulted in local producers of latex concentrate reducing their production because of the poor market. The latex producers stopped buying latex from a number of FELDA Schemes and Kampung Awah was one of them. Since no latex concentrate producer was willing to buy latex from Kampung Awah the next best alternative was to channel it to a S.M.R. factory. The best prices for S.M.R. were, however, well below the best prices for latex concentrate. The sudden drop in price because of the new situation was no doubt upsetting to the settlers and thus the September incident arose. The problem has now been settled and the settlers understand why they cannot obtain the very high prices they used to receive before. In addition FELDA has now adopted a new system of pricing so that all settlers in the Pahang Region receive the same price for their rubber. This means that even though the buyers may pay a different price for rubber from different schemes, all the settlers would still receive a uniform price based on the combined average for all schemes.

In connection with this issue of prices the settlers were also not satisfied that they were being credited with the proper weight of their crop. The determination of the number of pounds of rubber for a quantity of latex can only be done accurately in a laboratory and is rather time consuming. To establish a laboratory in each scheme to determine accurately the dry rubber weight for each settler's latex would be expensive and impractical. The dry rubber weight for each settler's latex is determined by a much more practical and cheaper method. This method is, however, less accurate. Each settler's daily latex production is weighed separately and its

equivalent in dry rubber pounds is determined by using a "metrolac" which gives a quick and rough reading.

The settlers have been assured by FELDA that a constant vigilance is kept so that they receive the most accurate weight from the factory.

Potongan ke atas Pendapatan Peneroka

20. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan bagaimanakah potongan-potongan dibuat ke atas pendapatan peneroka-peneroka di rancangan kelapa sawit LKTP di Jerengau dan samada mereka berpuashati dengan cara itu dan jika ya, nyatakan mengapa masih ada sungutan-sungutan di kalangan peneroka-peneroka bahawa pendapatan mereka tidak mencukupi dan sebagainya.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Pendapatan kasar bulanan untuk seorang peneroka adalah ditentukan mengikut nilai hasil pengeluarannya dihitung daripada harga jualan puklura untuk minyak kelapa sawit dan biji kelapa sawit. Dari pendapatan kasar bulanan tersebut setiap peneroka dikehendaki membayar kepada FELDA seperti berikut:

- (i) perbelanjaan mengangkut buah kelapa sawit ke kilang;
- (ii) perbelanjaan bulanan untuk baja, bahan-bahan kimia dan lain-lain keperluan;
- (iii) bayaran perbelanjaan pembangunan dan pinjaman tunai yang telah diberikan oleh FELDA kepada peneroka.

Selepas potongan-potongan yang tersebut di atas dilaksanakan, setiap peneroka menerima pendapatan bersih yang mana dapat digunakan olehnya untuk perbelanjaan dan simpanan. Di dalam tempoh satu tahun pendapatan seorang peneroka ada kalanya rendah dari puklura dan ada kalanya lebih tinggi dari puklura sungguhpun harga minyak kelapa sawit dan biji kelapa sawit tiada berubah. Ini ialah disebabkan oleh perbezaan pengeluaran kelapa sawit dari bulan ke sebulan. Dengan demikian maka tentulah berlaku perbezaan besar pendapatan dalam bulan-bulan tersebut. Ini menjelaskan jika kita ambil bulan di mana pengeluaran rendah,

pendapatan peserta tentulah tidak mencukupi tetapi jika dikaji pendapatan purata tahunan, keadaannya sangatlah berlainan. Pendapatan kasar dan bersih purata untuk seorang peneroka di rancangan Jerangau pada tahun 1971 adalah seperti berikut:

	Pendapatan Kasar Bulanan	Pendapatan Bersih Bulanan
Peringkat I ...	\$418	\$266
Peringkat II ...	\$440	\$282

Untuk mengatasi masalah perbezaan pendapatan yang besar dari bulan ke sebulan FELDA telah mencadangkan kepada peneroka-peneroka supaya FELDA dibenarkan mengatur pemberian pendapatan bulanan. Ini bererti di dalam bulan pengeluaran banyak, FELDA tiada akan memberi semua pendapatan kepada peneroka tetapi menyimpan sebahagian daripadanya untuk di gunakan kelak apabila pendapatan berkurangan. Jika cadangan ini diterima oleh peneroka-peneroka, maka pendapatan bulanan akan menghampiri pendapatan pukl rata bagi tahun yang berkenaan.

A settler's gross monthly income is obtained by calculating the value of his crop on the basis of the average monthly price of palm oil and kernels. From this gross monthly income the settler has to repay the following to FELDA:

- (i) the cost of transporting the oil palm fruit to the mill;
- (ii) the cost of fertilizers, chemicals and other maintenance items during the month;
- (iii) the monthly instalment of the development and cash loans FELDA has provided him.

After deductions have been made for the above three items the settler is given a net income which the settler can consider his personal income for consumption and saving. In any one year there are times when the income of a settler is much lower than the average and there are times when the income is much higher than the average even if the prices for palm oil and kernels do not change. This is because the oil palm shows a great variation in yield from month to month. Definitely there is bound to be a big variation in the income between months such as these. Thus if we select a month with low crop the income would naturally appear inadequate

but on the basis of an annual average the picture could be quite the opposite. The gross and net average income per settler for Jerangau in 1971 were as follows:

	Monthly Gross Income	Monthly Net Income
Phase I ...	\$418	\$266
Phase II ...	\$440	\$282

To overcome this problem of high variation in incomes between months FELDA has proposed to the settlers that they allow FELDA to adjust the monthly payments. In months of high-income FELDA will not pay out the full earnings to the settler but reserve a portion which can be used to supplement payments during the low-income months. If this is accepted by the settlers their monthly cash income will be closer to the average for the year.

KEMENTERIAN KESIHATAN

Jururawat Masyarakat

21. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kesihatan menyatakan samada benar atau tidak bahawa Kerajaan akan mengadakan perkhidmatan apa yang dinamakan jururawat masyarakat, dan jika ya, bila dan nyatakan perbezaan antara jururawat-jururawat tersebut dengan jururawat yang ada sekarang.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Pada masa ini kita mempunyai dua kategori kakitangan perawatan rendah yang berasingan iaitu Penolong Jururawat dan Bidan. Kementerian Kesihatan sekarang ini sedang mengkaji cara memperbaiki lagi perkhidmatan yang ada sekarang ini untuk menemui aspirasi-aspirasi masyarakat dengan cara menyatukan kedua-dua kategori kakitangan yang tersebut menjadi satu kumpulan anggota yang berupa multi purpose atau anikatujuan "the community nurse". Kemungkinan melaksanakan dan implikasi cadangan ini masih lagi di dalam kajian, kerana ini bermakna melatih semula suatu bilangan yang terbesar daripada peringkat Penolong Jururawat dan Bidan. Ini akan hanya dapat dijalankan bilamana kemudahan-kemudahan latihan diadakan.

At present there are 2 distinct categories of auxiliary nursing staff (the assistant nurses and midwives), and the Ministry of Health,

is studying how best their services can be utilised to serve the needs of the community better and to combine these 2 categories of health staff into one multi purpose worker, which may be called "the community nurse". The feasibility and implications of this proposal is still under study, as the re-training would involve a considerable large number of assistant nurses and midwives. This can only be done progressively as training facilities become available.

Sukatan Makanan

22. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah sukatan makanan yang diberikan kepada pesakit-pesakit di hospital dan samada daging, ikan, ayam dan sayur-sayuran ada termasuk dalam sukatan makanan itu. Nyatakan juga samada Kerajaan bercadang menukar sukatan makanan itu supaya lebih sesuai dengan keadaan sekarang dari segi kesihatan.

Tan Sri Lee Siok Yew: Pesakit-pesakit di dalam Hospital-hospital Kerajaan sentiasa diberi makanan-makanan yang mengandungi zat-zat makanan yang perlu. Sukatan makanan ini telah disusun oleh Pakar-pakar Ikhtisas. Daging, ikan, ayam, sayur-sayuran, buah-buahan dan bijian-bijian ada termasuk dalam sukatan makanan ini dan ianya sesuai dengan keadaan sekarang dan juga sesuai dari segi kesihatan. Dengan hal demikian, Kementerian saya tidak bercadang menukar sukatan makanan itu. Nampak-nampaknya Ahli Yang Berhormat tidak sedar wujudnya "dieticians" di hospital-hospital dan beliau hendak jadi "dietitian" pula.

Patients in Government Hospitals have always been given diets which contain the necessary nutritive food values. These have been worked out by Professional Experts. Meat, fish, chicken, vegetables, fruits and cereals are included in the diets and they are suited to the present condition as well as from health point of view. My Ministry therefore does not propose to change the diets. Apparently Yang Berhormat is not aware that there are dieticians in hospitals and he is trying to become one.

Pekerja dan Pegawai Hospital

23. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kesihatan menyatakan usaha-usaha yang hendak dijalankan supaya pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja hospital menjalankan kerja-kerja mereka dengan perasaan lebih berkebakikan serta tolong-menolong dan tidak semata-mata kerana kerja.

Tan Sri Lee Siok Yew: Pegawai-pegawai dan kakitangan saya di hospital-hospital sedar di atas tugas-tugas dan tanggungjawab mereka untuk merawat dan menjaga pesakit-pesakit dan kebajikan mereka. Sungguh pun begitu Kementerian saya tidak berhenti-henti mengambil langkah untuk mengadakan perhubungan yang lebih baik dengan orang ramai dan pesakit-pesakit. Dalam lawatan-lawatan dan pertemuan-pertemuan saya dengan kakitangan, saya juga telah bertalutalu kali mengingatkan mereka terhadap tugas-tugas dan tanggungjawab mereka. Tindakan tatatertib jabatan akan diambil jika kerja dan kelakuan pegawai-pegawai dan kakitangan itu tidak memuaskan.

My officers and staff of the hospitals are fully aware of their duties and responsibilities to the cure and care of the patients and their well-being. Nonetheless, my Ministry has continuously been taking steps to establish better relationship with the public and patients. In my visits and meetings with my staff, I have also repeatedly reminded them of their duties and responsibilities. Departmental disciplinary actions are taken if officers and staff are found wanting.

Gaji Atendan

24. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kesihatan menyatakan perbezaan di antara gaji atendan-atendan hospital dengan pemandu-pemandu ambulan dan sebab-sebab perbezaan tersebut.

Tan Sri Lee Siok Yew: Gaji permulaan bagi Atendan Hospital Tingkatan Biasa yang paling rendah sekali ialah \$115 sebulan dan meningkat hingga gaji maxima \$200 sebulan, manakala gaji Pemandu Ambulan pula bermula dengan \$160 sebulan dan meningkat hingga gaji maxima \$190. Perbezaan terdapat di antara gaji kedua-dua jawatan itu ialah oleh kerana kedua-dua

sekim perkhidmatan itu telah dikaji dan dinilai oleh Suruhanjaya Gaji Suffian yang telah menetapkan tangga gaji kedua-dua jawatan yang tersebut itu.

The minimum starting salary for Time-scale Hospital Attendant is \$115 per month and increases up to the maximum of \$200 per month, whereas Ambulance Driver begins with \$160 per month up to the maximum of \$190 per month. There is a difference between these two posts because both scheme of service have been reviewed and valued by the Suffian Salary Commission which fixed the Salary Scale of the two posts in question.

Atendan/Jururawat—Naik Pangkat

25. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dibuat supaya atendan-atendan dan jururawat-jururawat yang memiliki LCE/SRP atau SPM/MCE dapat ditimbangkan untuk naik pangkat.

Tan Sri Lee Siok Yew: Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak berapa jelas maksudnya. Walau bagaimanapun, saya akan cuba menjawabnya. Atendan-atendan dan jururawat-jururawat mempunyai peluang-peluang kenaikan pangkat mengikut Sekim Perkhidmatan masing-masing. Kementerian memang menyediakan peluang-peluang kenaikan pangkat bagi pekerja-pekerjanya mengikut Sekim Perkhidmatan mereka.

Pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat di bawah Kementerian saya yang tidak terikat oleh perjanjian untuk berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan boleh membuat permohonan bagi jawatan-jawatan lain yang lebih baik di dalam perkhidmatan Kerajaan sekiranya mereka mempunyai kelulusan yang diperlukan oleh jawatan-jawatan tersebut.

The question raised by the Honourable Member is ambiguous. However, I will try to answer it. Attendants and Nurses are given the opportunities for promotion according to their Scheme of Service. My Ministry do give opportunities for promotion to its officers in accordance with their Scheme of Service.

Government officers who are serving under my Ministry and are not bound by any agree-

ment to serve with the Ministry of Health, are allowed to apply for other better posts in the government service provided they possess the necessary qualifications required for the posts.

Alat Pernafasan

26. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar bahawa Hospital Dungun tidak ada alat pernafasan bagi kanak-kanak yang menjadikan sukar bagi kakitangan-kakitangan hospital hendak menjalankan kerja mereka. Jika sedar, apakah tindakan yang telah diambil bagi mengadakan alat tersebut dan bila.

Tan Sri Lee Siok Yew: Saya sedar bahawa alat kelengkapan pernafasan jenis-jenis yang lain dikehendaki bagi kanak-kanak di Hospital Daerah Dungun selain daripada alat-alat kelengkapan pernafasan yang ada sekarang. Alat kelengkapan tambahan telah dipesan dan pengirimannya dijangka tiba dalam awal tahun hadapan.

I am aware that certain other types of respiratory equipment are needed for children in Dungun Hospital in addition to those already available. Additional equipment have been ordered and delivery is expected early next year.

Hospital Dungun

27. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar bahawa Hospital Dungun kekurangan darah dalam tabung darahnya bagi membantu orang-orang yang terlibat dalam kemalangan-kemalangan dan oleh itu orang-orang tersebut terpaksa dihantar ke Hospital Besar, Kuala Trengganu pula dan jika sedar, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi kekurangan ini.

Tan Sri Lee Siok Yew: Hospital Daerah, Dungun ada mempunyai peruntukan menyimpan sebahagian kecil bekalan darah bagi kegunaan kecemasan dan apa-apa tambahan darah yang diperlukan adalah diperolehi daripada penderma-penderma darah sukarela tempatan.

Sukacita saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pesakit-pesakit yang terlibat dalam kemalangan adalah dirujukkan

ke Hospital Besar, Kuala Trengganu kerana urusan pembedahan kepakaran khas yang selanjut yang mana perlu, dan bukanlah semata-mata kerana mereka memerlukan darah.

Walau bagaimana pun, pendermaan darah adalah satu perkhidmatan awam yang sangat-sangat dipuji dan adalah menjadi tanggungjawab tuan dan saya dan tiap-tiap warga-negara yang mempunyai semangat awam untuk mengambil bahagian dalam pendermaan darah.

District Hospital Dungun has provision to stock a small supply of blood for emergency use and any additional blood requirements are obtained from local voluntary blood donors.

I would like to inform the Honourable Member that patients involved in accidents are referred to Hospital Besar, Kuala Trengganu for further specialised surgical management that may be necessary, and are not sent solely because they need blood.

In any case, blood donation is a very laudable public service and it is the duty and responsibility of you and I and every public spirited citizen to participate in donating blood.

Pegawai Perubatan

28. Tuan Md. Salleh bin Datuk Abdullah minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau akan menimbang melantik seorang lagi Pegawai Perubatan untuk berkhidmat di kedua-dua daerah Lahad Datu dan Semporna bagi menampung kehendak jumlah rakyat yang sekarang meningkat bilangannya di daerah-daerah ini.

Tan Sri Lee Siok Yew: Ya.

Yes.

Penempatan Pesakit-pesakit Otak

29. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau telah menerima aduan-aduan menentang penempatan pesakit-pesakit otak yang dalam per-

jalan untuk dihantar ke Hospital Sakit Otak Pusat, Tanjong Rambutan, di Wad-wad lama 13 dan 14 Hospital Besar, Kuala Lumpur, yang menimbulkan bahaya kepada pesakit-pesakit lain dalam wad-wad ini dan tindakan yang telah diambil oleh beliau untuk memberhentikan amalan yang tidak memuaskan ini.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tidak, saya tidak ada menerima aduan-aduan menentang penempatan pesakit-pesakit otak di dalam wad-wad ini di Kuala Lumpur selain daripada yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Kementerian saya sedang mengusahakan seberapa daya upaya untuk mengikis salah perasangka orang ramai terhadap orang-orang yang mengidap penyakit otak dan saya berasa terperanjat Ahli Yang Berhormat menganggap amalan ini sebagai tidak memuaskan.

No, I have not received complaints against the placing of mental patients here in Kuala Lumpur other than that which the Honourable Member has just raised. My Ministry is doing its utmost to break public prejudices against the mentally disordered persons and I am rather surprised that the Honourable Member should consider this as unsatisfactory practice.

JABATAN PEGUAM NEGARA

Kekurangan Majistret

30. Tuan Md. Salleh bin Datuk Abdullah minta Peguam negara menyatakan samada beliau sedar akan kekurangan bilangan Majistret yang berkhidmat di Mahkamah-mahkamah Rendah dan setengah daripada mereka telah meletakkan jawatan, dan jika sedar, apakah rancangan Kerajaan untuk memperbaiki keadaan ini dan nyatakan sebab-sebab mereka meletakkan jawatan.

Peguam Negara (Tan Sri Kadir bin Yusof): Peguam negara sedar bahawa ada sedikit kekurangan bilangan Majistret yang berkhidmat di Mahkamah-mahkamah Rendah

sekarang. Peguam Negara juga sedar bahawa ada setengah daripada mereka telah meletakkan jawatan. Walau bagaimanapun angka ini amat kecil sekali. Bilangan pegawai-pegawai yang telah meletakkan jawatan semenjak 1 Jun, 1967 sehingga 30 Jun, 1972 ialah 19 orang sahaja.

Kerajaan telah mengambil langkah untuk mengatasi kekurangan ini. Kerajaan Persekutuan telah menguntukkan 15 buah biasiswa/dermasiswa untuk mempelajari undang-undang tiap-tiap tahun mulai tahun 1965. Dalam tahun 1971, 15 buah biasiswa telah diuntukkan tetapi hanya 7 orang sahaja terpilih, dan pada tahun 1972 hanya 10 orang sahaja terpilih. Pada tahun 1971 cuma 7 orang terpilih kerana yang lain telah tidak memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki. Sebab-sebab yang serupa dipakai dalam tahun 1972.

Sebab-sebab mereka letak Jawatan tidak dapat dipastikan tetapi adalah menjadi kebiasaan bagi seseorang yang berkelulusan Professional untuk mencari lapangan yang lebih menarik dari berbagai-bagai segi termasuk gaji dan masa hadapannya.

The Attorney-General is aware that there is a shortage of Magistrates serving in the Lower Courts at the moment. The Attorney-General is also aware that some of them have resigned from the government service. However the number is small. The total number of resignations from 1st June, 1967 to 30th June, 1972 is only 19.

The Government has taken steps to meet the shortage. The Government has allocated 15 scholarships/bursaries to study law every year w.e.f. 1965. In 1971 15 scholarships were offered but only 7 were selected and in 1972 only 10 were selected. In 1971 only 7 were selected as the other applicants did not have the necessary qualifications. The same reason applies in respect of the year 1972.

The reasons for their resignations cannot be ascertained but it is a normal practice for a professionally qualified person to seek better avenues for various reasons which includes salary and future prospects.

KEMENTERIAN KEBAJIKAN AM

Perbekalan Percuma

31. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kebajikan Am menyatakan bentuk pengawalan dan kira-kira yang dijalankan oleh Kerajaan atas perbekalan percuma yang banyak bagi barang-barang keperluan seperti barang-barang makanan, kain baju, gebar, bekalan-bekalan perubatan dan sebagainya yang diterima dari negeri-negeri sahabat di seberang laut dan pertubuhan-pertubuhan amal, dibahagi-bahagikan melalui pertubuhan-pertubuhan kebajikan sukarela kepada orang-orang miskin dan memerlukan, untuk mencegah bekalan-bekalan percuma tersebut dari dipesongkan ke pasaran untuk dijual dan menguntungkan pihak-pihak perseorangan atau kumpulan-kumpulan yang menguruskan bekalan-bekalan itu.

Menteri Kebajikan Am (Tan Sri Fatimah binte Haji Hashim): Derma-derma yang diterima terus oleh pertubuhan-pertubuhan kebajikan sukarela adalah disimpan oleh pertubuhan-pertubuhan berkenaan dan kira-kiranya diberi terus kepada penderma-penderma. Dalam hal itu pun, Pegawai Kerajaan yang mewakili Kerajaan dalam Jawatankuasa badan sukarela berkenaan juga dapat menentukan supaya derma-derma tersebut tidak dipesongkan ke pasaran untuk dijual dan menguntungkan pihak-pihak perseorangan atau kumpulan-kumpulan yang menguruskan bekalan-bekalan itu.

Donations sent from overseas directly to voluntary organisation in this country are accounted for by the recipients to the donors direct. Nevertheless, the Government representative sitting on the committee of the voluntary organisation concerned may ensure that such donations are not misappropriated and directed to market for sale and profit to individuals and groups handling such donations.

**KEMENTERIAN PERUSAHAAN
UTAMA**

Bilangan Lombong-lombong Kecil

32. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan bilangan lombong-lombong kecil yang dibuka dalam tahun 1972 dan bilangan pekerja-pekerja dalamnya.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Soalan Yang

Berhormat itu tidak berapa terang maksudnya; mungkin apa yang dimaksudkannya sebagai lombong kecil ialah lombong pam kelikir atau "gravel pump mines". Jika benar maka bilangan yang dibuka bagi tahun 1972 hingga 30hb September ialah 470 buah.

Pada hetong panjang, sebuah lombong pam kelikir memakai seramai 22 atau 23 orang pekerja. Jadinya jumlah bilangan pekerja dalam lombong baru dibuka itu ialah lebih kurang 10,240 orang.

JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS

Tambahan No. 1

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Latihan Tentera

1. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa beberapa orang rakyat Malaysia keturunan Cina telah pergi ke seberang laut untuk menjalani latihan tentera selama beberapa bulan dan kadangkala sampai setahun dan kemudian itu kembali ke Malaysia; jika sedar, nyatakan bilangan mereka, ke negeri manakah mereka pergi dan apakah tindakan Kerajaan dalam hal ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-haj bin Datuk Abdul Rahman): Perkataan-perkataan "seberang-laut" yang digunakan di dalam soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah sangat umum. Setahu saya tidak ada rakyat Malaysia berketurunan Cina yang menjalankan latihan tentera secara bersendirian di seberang laut tetapi jika pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu ditujukan kepada Singapura maka saya suka memaklumkan iaitu dari tahun 1971 hingga sekarang ini adalah ditaksirkan lebih kurang 6,000 pemuda-pemuda Malaysia telah berkhidmat dalam Angkatan Bersenjata Singapura dan Pasukan Polis Republik Singapura.

2. Warganegara-warganegara Malaysia yang berkhidmat dalam Angkatan Bersenjata dan Pasukan Polis Singapura boleh dibahagi kepada dua golongan (categories). Pertama ialah mereka-mereka yang masuk berkhidmat semasa Singapura berada dalam Malaysia dan kedua ialah mereka-mereka yang telah masuk berkhidmat selepas Singapura berpisah dengan Malaysia. Tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap mereka itu ialah seperti berikut:

- (a) Keadaan mereka-mereka yang telah masuk berkhidmat semasa Singapura dalam Malaysia akan dikaji sehalus-halusnya.
- (b) Penyiasatan akan dibuat kepada mereka-mereka yang telah masuk berkhidmat selepas Singapura berpisah

dengan Malaysia supaya mereka mengetahui iaitu kerakyatan mereka akan dilucutkan jikalau mereka terus berkhidmat.

KEMENTERIAN BURUH DAN TENAGA RAKYAT

Buruh Kontrek

2. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa ramai buruh-buruh yang bekerja dengan kontrek yang bekerja di Estet Bukit Besi, Dungun telah teraniaya kerana mereka tidak dibayar gaji, dan jika sedar, apakah langkah-langkah segera dan berkesan yang telah diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Saya sedar bahawa di dalam bulan September 1972, sebilangan pekerja-pekerja Ladang Bukit Besi yang bekerja di bawah 2 orang kontrekter belum menerima gaji. Hasil dari tindakan yang telah diambil oleh Kementerian saya, satu dari kontrekter itu telah menyelesaikan semua gaji kebelakangan.

Berkenaan dengan kontrekter yang satu lagi itu, gaji yang belum dibayar adalah bagi pekerja-pekerja yang bekerja dengan seorang sub-contractor yang telah lari bagi kontrekter itu. Walau bagaimanapun, lebih dari separuh dari gaji itu telah pun didapati dari kontrekter dan akan dibayar kepada pekerja yang berkenaan. Baki gaji yang belum dibayar akan dikendalikan oleh Mahkamah Buruh sebagai tuntutan terhadap sub-contractor itu.

I am aware that in September, 1972, a number of workers on Bukit Besi Estate working under 2 contractors were owed wages. As a result of action taken by my Ministry, one of the contractors has since settled all arrears of wages.

As to the other Contractor, wages were owing to workers employed by a sub-contractor of his who had absconded. However, more than half of the wages due have been recovered from the contractor and would be paid to the workers concerned.

The balance of wages due will be dealt with by the Labour Court in a claim against the sub-contractor.

Buruh Kontrek

3. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sampai bilakah buruh-buruh kontrek akan digunakan dalam perusahaan-perusahaan besar dan samada Kerajaan bercadang atau tidak untuk menghadkan bilangan buruh-buruh kontrek supaya mereka tidak teraniaya.

Tan Sri V. Manickavasagam: Pengambilan pekerja-pekerja oleh kontraktor bukanlah satu perkara yang buruk dan adalah sebenarnya perlu bagi setengah-setengah perusahaan. Tidaklah adil bagi mencegah atau menghadkan amalan seperti itu. Bagi berbuat demikian, ia akan membawa kepada terhentinya sebahagian besar pergerakan-pergerakan ekonomi negara. Pekerja-pekerja kontrek adalah tertaklok kepada undang-undang buruh yang sama sebagaimana pekerja-pekerja tetap, dan adalah salah satu dari tugas Kementerian saya memastikan supaya semua pekerja-pekerja termasuk yang bekerja dengan kontraktor menikmati faedah-faedah dan perlindungan undang-undang buruh.

The employment of workers through contractors is not in itself a bad thing and is in fact necessary in a number of industries. There is no justification for barring or limiting such an employment practice. To do so would bring to a standstill a large part of the nation's economic activities. Contractors' workers are subject to the same labour laws as directly employed workers and it is one of the functions of my Ministry to see that all workers including those employed by contractors enjoy the benefits and protection of the labour laws.

Pengambilan Buruh Kontrek

4. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan mengapa Kerajaan tidak merentikan pengambilan buruh-buruh kontrek atau sekurang-kurangnya menghadkan bilangan mereka.

Tan Sri V. Manickavasagam: Pengambilan pekerja-pekerja oleh kontraktor bukanlah satu perkara yang buruk dan adalah

sebenarnya perlu bagi setengah-setengah perusahaan. Tidaklah adil bagi mencegah atau menghadkan amalan seperti itu. Bagi berbuat demikian, ia akan membawa kepada terhentinya sebahagian besar pergerakan-pergerakan ekonomi negara. Pekerja-pekerja kontrek adalah tertaklok kepada undang-undang buruh yang sama sebagaimana pekerja-pekerja tetap, dan adalah salah satu dari tugas Kementerian saya memastikan supaya semua pekerja-pekerja termasuk yang bekerja dengan kontraktor menikmati faedah-faedah dan perlindungan undang-undang buruh.

The employment of workers through contractors is not in itself a bad thing and is in fact necessary in a number of industries. There is no justification for barring or limiting such an employment practice. To do so would bring to a standstill a large part of the nation's economic activities. Contractors' workers are subject to the same labour laws as directly employed workers and it is one of the functions of my Ministry to see that all workers including those employed by contractors enjoy the benefits and protection of the labour laws.

Latihan Kemahiran

5. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan pandangan Kerajaan mengenai mereka yang tiada kelulusan dalam apa-apa kemahiran dan mengapakah mereka tidak dilatih untuk menjadi pekerja-pekerja yang mahir dan cekap; jika mereka telah diberi latihan, nyatakan bilangan mereka dan dalam bidang apa.

Tan Sri V. Manickavasagam: Saya menganggap bahawa Ahli Yang Berhormat itu merujuk kepada mereka yang telah meninggalkan sistem pelajaran rasmi dan sedang menganggur.

Kerajaan, sedar bahawa sebahagian besar dari tenaga buruh yang ada sekarang terdiri daripada pemuda yang mempunyai sedikit atau tidak ada langsung mempunyai latihan teknik/ketukangan, telah menyediakan beberapa jalan dalam mana pemuda-pemuda ini boleh dilatih bagi memenuhi perkembangan perusahaan. Sistem pelajaran adalah sedang menui ke arah sains dan teknologi dan bagi menyediakan kemahiran-kemahiran vokesyenal dengan semakin bertambah. Satu usaha latihan yang meluas

adalah sedang dijalankan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, Bahagian Latihan Vokesyenal MARA dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pusat Latihan Perusahaan, Kuala Lumpur di bawah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, telah memulakan kursus-kursus latihan bagi membekalkan pemuda-pemuda dengan kemahiran-kemahiran asas di peringkat rendah (job-entry) dalam tahun 1968, dan sejak itu hingga penghujung bulan Jun, 1972 sejumlah 1,098 pemuda-pemuda telah menerima latihan berikut:

Ketukangan	Kursus Tamat
<i>Kejuruteraan</i>	
Memesin	11
Turning	2
Membaiki Kereta Motor ...	96
Kimpalan	121
Mekanik Am	56
<i>Letrik</i>	
Memasang Letrik	151
Rawatan Radio dan T.V. ...	93
Penyejukan dan Penyaman Udara	25
<i>Bangunan</i>	
Woodwork Machining ...	4
Pertukangan dan Tangan ...	41
Menerap Bata	32
Kerja Paip	89
<i>Percetakan</i>	
Atur Huruf Tangan	93
Atur Huruf Mesin	10
Ceparas (Mesin)	98
Penjilidan Buku	96
Jumlah	1,098

Seramai 242 pemuda lagi adalah di jangka tamat dalam latihan asas pada penghujung bulan Disember, 1972.

Pengambilan pelatih-pelatih di bawah rancangan latihan kemahiran asas akan ditambah lagi pada tahun hadapan apabila Pusat Latihan Perusahaan yang kedua di negara ini yang sekarang sedang dibina di Prai berjalan dalam bulan April, 1973.

Assuming that the Hon'ble Member refers to those who have left the formal education system and are unemployed—

The Government, being aware that a large portion of the available labour force comprise young people with little or no technical/trade training, has provided several avenues through which such young people can be trained to meet the needs of industrial growth. The education system is being increasingly oriented towards science and technology and to providing vocational skills. An expanded training effort is being undertaken by the Ministry of Labour and Manpower, the Vocational Training Division of MARA and the Ministry of Culture, Youth and Sports.

The Industrial Training Institute, Kuala Lumpur under the Ministry of Labour and Manpower, commenced training courses to equip young people with basic skills at job entry level back in 1968, and since then up to the end of June 1972, a total of 1,098 young persons have received training as follows:

Trade	Completed Course
<i>Mechanical—</i>	
Machining	91
Turning	2
Motor Vehicle Repairs ...	96
Welding	121
General Mechanic	56
<i>Electrical—</i>	
Electrical Wiring	151
Radio and T.V. Servicing	93
Ref. and Air-Conditioning	25
<i>Building—</i>	
Woodworking Machining ...	4
Carpentry and Joinery ...	41
Bricklaying	32
Plumbing	89
<i>Printing—</i>	
Hand Composing	93
Machine Composing	10
Letterpress (M) Printing ...	98
Bookbinding	96
Total	1,098

A further 242 young persons are expected to complete basic training by the end of December 1972.

The intake of trainees under the basic skills training programme will be further increased next year when the second Industrial Training Institute in the country now being built at Prai becomes operational in April 1973.

Mogok dan Pemberhentian Pekerja-pekerja

6. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa mogok dan pemberhentian pekerja-pekerja di Estet Kelapa Sawit, Tebak Bandi, Ulu Kemaman, Trengganu telah berlaku hasil dari perasaan tidak puas hati pekerja-pekerja terhadap majikan, dan jika sedar, apakah tindakan yang telah diambil bagi mengatasi keadaan tersebut supaya kejadian-kejadian seperti itu tidak berlaku lagi.

Tan Sri V. Manickavasagam: Mengikut rekod Kementerian saya, tidak ada Ladang ladang yang dikenali dengan nama Tebak Bandi Oil Palm itu di Ulu Kemaman. Walau bagaimana pun, saya sedar tentang rasa ketidakpuasan di kalangan pekerja-pekerja di Trengganu Development and Management Berhad, di mana mogok satu hari yang melibatkan 940 dari 1,000 pekerja dibahagian Padang Kubu berlaku pada bulan Jun, 1972. Pemogokan kerana soal pembuangan kerja seorang pengawas itu telah diselesaikan oleh kedua pihak menerusi perbincangan. Dalam bulan Julai satu aduan mengenai seorang pengawas yang menggunakan bahasa yang kasar telah disiasat oleh pegawai Kementerian saya dan telah diselesaikan dengan memuaskan hati pengadu dan pihak pengurusan.

Trengganu Development and Management Berhad menggaji kira-kira 3,000 pekerja dan 40 orang kakitangan. Bagi membolehkan majikan dan pekerja mengadakan dialog, Kementerian saya telah membantu pembentukan 3 jawatankuasa Kerja (satu bagi tiap-tiap Bahagian) bagi pekerja-pekerja dan satu Jawatankuasa Kerja bagi Kakitangan.

According to my Ministry's records, no estate known as Tebak Bandi Oil Palm Estate exists in Ulu Kemaman. However, I am aware of some dissatisfaction among workers at the Trengganu Development and Management Berhad, where a one day strike involving 940 out of 1,000 workers on Padang Kubu Division occurred in June, 1972. The strike which was over the dismissal of a supervisor was resolved by discussions between the parties. In July a complaint of usage of abusive language by a supervisor was investigated by my officers and settled to the satisfaction of the complaint and the management.

The Trengganu Development and Management Berhad employs about 3,000 workers and 40 staff. In order to establish dialogue between the workers and the management, my Ministry has assisted in the establishment of 3 Works Committees (one for each Division) for the workers and one Works Committee for the staff.

Kemalangan kepada Pekerja Kayu Balak

7. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bilangan kemalangan-kemalangan kepada pekerja kayu balak sejak sepuluh tahun yang lalu dan apakah bantuan yang telah diberi oleh Kerajaan kepada mangsa-mangsa dan keluarga-keluarga mereka.

Tan Sri V. Manickavasagam: Terdapat sebanyak 1,983 kemalangan kepada pekerja di dalam perusahaan kayu balak dalam masa 10 tahun yang lalu di Malaysia Barat. Dalam semua kes-kes itu, pegawai Kementerian saya telah mengambil tindakan segera bagi menentukan bahawa bayaran pampasan yang kena di bayar di bawah Ordinan Pampasan Pekerja adalah di bayar kepada pekerja-pekerja atau tanggungan mereka.

There were a total of 1,983 accidents to workmen in the logging industry during the past 10 years in West Malaysia. In all cases, officers of my Ministry have taken prompt action to ensure that compensation due under the Workmen's Compensation Ordinance is paid to the workman or their dependants.

Seksyen 26 (3) Ordinan Kesatuan Sekerja 1959

8. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat memberi butir-butir pekerja-pekerja yang dibuang daripada Kesatuan-kesatuan dibawah Seksyen 26 (3) Ordinan Kesatuan Sekerja 1959 dalam tahun 1972 kerana mengambil bahagian mogok haram seperti berikut:

Tan Sri V. Manickavasagam: Berikut adalah butir-butir yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat:

Nama Kesatuan	Bilangan Ahli-ahli dibuang	Sebab Mogok
(a) Non-Metallic Mineral Products Manufacturing Employees Union	8	(i) Membantah perkhidmatan pekerja-pekerja kontrek (ii) Membantah perkhidmatan seorang bukan warganegara
(b) National Union of Petroleum and Chemical Industry Workers	342	Menuntut supaya surat amaran kepada dua orang pekerja ditarik balik
(c) National Union of Drink Manufacturing Industry Workers	221	Pekerja-pekerja bersimpati dengan pemogok-pemogok di Malayan Breweries (M) Sdn. Bhd. yang telah enggan membuat kerja-kerja pekerja-pekerja sementara
(d) Transport Workers Union, F. of M.	47	Lewat bayar gaji bulan September, 1972 dan potongan gaji untuk 13-9-72

Kesatuan Sekerja

9. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan usaha-usaha yang telah diambil oleh beliau untuk menggalakkan pekerja-pekerja luar bandar memasuki kesatuan-kesatuan sekerja dan hasil-hasil yang telah dicapai setakat ini.

Tan Sri V. Manickavasagam: Kerajaan adalah masih mengkaji keperluan dan kemungkinan bagi membolehkan pekerja-pekerja luar bandar menubuhkan kesatuan sekerja dan jika perlu perkhidmatan pakar luar negeri akan diminta untuk tujuan ini.

The Government is still looking into the desirability and practicability of enabling rural workers to organise themselves into trade unions and if necessary the service of a foreign expert will be enlisted for this purpose.

Pembuangan Kerja

10. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat memberi butir-butir di atas pembuangan yang telah dirujuk kepada Kementerian beliau dalam tahun 1972 seperti di bawah ini:

- (1) bilangan kes-kes yang dilaporkan;
- (2) bilangan kes-kes yang telah diselesaikan berfaedah kepada majikan-majikan;
- (3) bilangan kes-kes yang telah diselesaikan berfaedah kepada pekerja-pekerja; dan
- (4) bilangan kes-kes yang dirujuk ke Mahkamah Perusahaan.

Tan Sri V. Manickavasagam: Butir-butir lanjut pembuangan kerja yang dirujuk ke Kementerian saya dalam tahun 1972 sehingga 31hb Oktober, 1972 adalah:

(1) Bilangan kes yang dilaporkan	1,660
(2) Kes yang dikeluarkan perentah menyebelahi	251
(3) Kes yang dikeluarkan perentah menyebelahi pekerja	131
(4) Kes yang dirujuk ke Mahkamah Perusahaan	283

Dalam masa yang sama juga, 721 kes telah diselesaikan menerusi rundingdamai dan 238 kes telah ditarik balik/dipotong.

Details of dismissals referred to my Ministry during 1972 up to 31st October were:

(1) Number of cases reported	1,660
(2) Number of cases ordered in favour of employers	251
(3) Number of cases ordered in favour of employees	131
(4) Number of cases referred to the Industrial Court	283

During the same period also, 721 cases were settled through conciliation and 238 cases were withdrawn/struck off.

Perjanjian Bersama

11. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat memberi butir-butir perjanjian bersama yang telah ditandatangani tahun ini di antara majikan-majikan dan kesatuan-kesatuan yang bersabit dengan fasal bayaran bonos tahunan, nilai bayaran tiap-tiap bonos dan bilangan pekerja-pekerja yang mendapat faedah dari bayaran tersebut.

Tan Sri V. Manickavasagam: Jumlah Perjanjian Bersama yang diketahui telah ditandatangani oleh majikan dan kesatuan sekerja pekerja-pekerja sehingga 31-10-72, berkenaan dengan bayaran bonus tahunan ialah 44. Bilangan pekerja yang mendapat faedah dari perjanjian itu ialah 37,760. Jumlah bonos yang patut dibayar dibawah perjanjian berbeda mengikut kadar yang telah dipersetujui oleh kedua pihak. Biasanya kadar bonos yang telah dipersetujui ialah di antara seminggu gaji hingga 2 bulan gaji setahun.

The total number of collective agreements known to have been concluded between employers and trade union of workmen up to 31-10-72 containing provisions pertaining to annual bonus payments is 44. The number of workers benefitting from these agreements is 37,760. The quantum of bonus payable under these agreements varies in accordance with the rates mutually agreed between the parties. Generally, the annual bonus agreed upon is from a week's wages to 2 months wages.

Sekim Keselamatan Sosial

12. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- bilangan pekerja-pekerja yang mendapat kecederaan yang telah mendapat faedah di bawah Sekim Keselamatan Sosial dan jumlah pembayaran yang dibuat dalam tahun 1972; dan
- bilangan pekerja-pekerja dan tanggungan-tanggungan mereka yang menerima pencen di bawah Sekim ini dalam tahun 1972 dan jumlah pembayaran pencen-pencen yang dibayar tiap-tiap bulan dalam tahun 1972.

Tan Sri V. Manickavasagam.

- Bilangan pekerja-pekerja yang mendapat kecederaan yang mendapat faedah di bawah Sekim Keselamatan Sosial dan jumlah bayaran yang dibayar sehingga November, 1972 adalah masing-masing 1,179 pekerja dan \$78,014.64.
- Bilangan pekerja-pekerja yang berhak mendapat pencen dalam masa yang sama ialah 25. Walau bagaimanapun mereka telah memilih untuk menerima bayaran tunai daripada menerima pencen bulanan sebagaimana yang dibenarkan di bawah Peraturan-peraturan Keselamatan Sosial, 1971. Bayaran yang telah dibuat ialah \$33,269.62. Pertumbuhan juga membuat bayaran bulanan, di antara \$72 kepada \$92 kepada empat

keluarga pekerja-pekerja yang telah meninggal dunia akibat bencana pekerjaan. Sehingga bulan November, 1972 sejumlah \$1,571.75 telah dibayar kepada 23 tanggungan dari empat pekerja-pekerja sebagai faedah tanggungan.

- (a) The number of injured workers who have benefitted under the Social Security Scheme and the total amount paid out up to November, 1972 are 1,179 workers and \$78,014.64 respectively;
- (b) The number of workers entitled for pensions during the same period is 25. They have, however, opted for lump sum payments instead of a monthly pension as allowed under the Employees' Social Security Regulations, 1971. The amount of payments made was \$33,269.62. The Organisation is also making monthly payments, varying in amount from \$72 to \$92, to four families of workers who died as a result of employment injury. Up to November, 1972, a total of \$1,571.75 was paid to the 23 dependants of the four workers as dependants' benefits.

Akta Perhubungan Perusahaan, 1967

13. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bilangan dakwaan

- (a) yang dibuat; dan
- (b) menunggu, kerana bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 terhadap
- (i) majikan-majikan; dan
- (ii) pekerja-pekerjanya.

Tan Sri V. Manickavasagam:

- (a) Bilangan dakwaan kerana melanggar perbekalan Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 hingga sekarang adalah kosong.
- (b) Bilangan dakwaan yang menunggu keputusan:
- | | | |
|---------------------------|-----|---|
| (i) Terhadap majikan ... | ... | 2 |
| (ii) Terhadap pekerja ... | ... | 1 |

- (a) The number of prosecutions for violations of provisions of the Industrial Relations Act, 1967 to date is nil.

- (b) The number of prosecutions pending:
- | | | |
|---------------------------|-----|---|
| (i) against employers ... | ... | 2 |
| (ii) against workers ... | ... | 1 |

Akta Perhubungan Perusahaan

14. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat memberi butir-butir atas tindakan yang telah diambil oleh Kementerian beliau untuk menerangkan peruntukan-peruntukan Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 kepada pekerja-pekerja rendah.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tindakan yang diambil oleh Kementerian saya bagi menerangkan perbekalan-perbekalan Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 kepada pekerja-pekerja rendah adalah:

- (i) Dengan mengadakan lawatan ke tempat-tempat pekerjaan di mana pekerja-pekerja ditemui dan nasihat-nasihat sebagaimana yang diminta diberikan.
- (ii) Dengan mengadakan ceramah-ceramah di dalam kursus Sivik dan kursus-kursus kesatuan sekerja.
- (iii) Ceramah-ceramah di tempat seminar yang dianjurkan oleh berbagai-bagai badan.
- (iv) Menerusi penerangan yang diberikan kepada pekerja-pekerja yang memerlukan nasihat di Pejabat-Pejabat Kementerian ini.
- (v) Menerusi perjumpaan Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen dengan pekerja-pekerja.

The actions taken by my Ministry to explain the provisions of the Industrial Relations Act, 1967 to unsophisticated workers are:

- (i) By making contact visits to places of employment where workers are met and such advice as sought is given.
- (ii) By giving talks in Civics Courses and Trade Union courses.
- (iii) By talks given at Seminars organised by various bodies.
- (iv) Through explanations given to workers who seek advice at offices of the Ministry.
- (v) Through Minister's, Deputy Minister's and Parliamentary Secretary's meet the people sessions.

Tabung Kebajikan

15. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada Tabung Kebajikan Pekerja-pekerja Pengangkutan Sri Jaya Sdn. Bhd. suatu tabung yang berdaftar dan diluluskan oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja Malaysia.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tabung Kebajikan yang dinyatakan itu adalah bukan satu tabung yang berdaftar yang diluluskan oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja Malaysia.

The said Welfare Fund is not a registered fund approved by the Registrar of Trade Unions, Malaysia.

Angka Pekerja-pekerja Lombong yang Terbunuh

16. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat memberi butir-butir angka pekerja-pekerja lombong yang terbunuh di waktu tanah runtuh dalam tahun 1972 dan cara-cara bantuan yang diberi kepada keluarga-keluarga mereka.

Tan Sri V. Manickavasagam: Dalam tahun 1972, sehingga bulan Oktober, 5 orang pekerja lombong telah terbunuh akibat dari tanah runtuh di dalam lombong timah kapal korek. Kes pertama berlaku pada 20-4-72 di Ipoh, kes kedua berlaku pada 8-5-72 di Ipoh, kes ketiga pada 28-6-72 di Kuala Lumpur, Kes keempat berlaku pada 30-7-72 di Kampar dan kes kelima berlaku pada 13-8-72 di Ipoh.

Bagi tiap-tiap kes itu, pegawai-pegawai Kementerian saya telah mengambil tindakan segera bagi menolong tanggungan pekerja yang malang bagi membuat tuntutan pampasan mengikut Ordinan Pampasan Pekerja dari majikan-majikan mereka.

In 1972, up to the end of October, 5 mining workers have been killed as a result of landslides occurring in gravel-pump tin mines. The first case occurred on 20-4-72 in Ipoh, the second case occurred on 8-5-72 in Ipoh, the third case occurred on 28-6-72 in Kuala Lumpur, the fourth case occurred on 30-7-72 in Kampar and the fifth case occurred on 13-8-72 in Ipoh.

In each of the above cases, officers of my Ministry took immediate action to assist the dependants of the deceased workmen to

claim compensation in accordance with the Workmen's Compensation Ordinance from their employers.

Pampasan Pekerja-pekerja

17. Tuan Khoo Peng Loong minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau akan menambah pampasan yang dibayar kepada pekerja-pekerja yang mendapat kecederaan atau mati daripada jumlah \$7,200 sekarang ini kepada jumlah yang lebih berpatutan.

Tan Sri V. Manickavasagam: Jumlah pampasan pekerja yang patut dibayar di bawah Ordinan Pampasan Pekerja, 1952 di Malaysia Barat adalah sedang di-kaji, dan perkara itu telah pun dibentangkan di mesyuarat Majlis Penasihat Buruh Bersama Kebangsaan. Adalah dicadangkan bahawa kajian ini pada dasarnya akan dipakai juga bagi Ordinan Pampasan Pekerja di Sabah dan Sarawak.

The quantum of workmen's compensation payable under the Workmen's Compensation Ordinance, 1952 in West Malaysia is being reviewed and the matter has been placed before the National Joint Labour Advisory Council for deliberation. It is intended that this review would in principle apply to the Workmen's Compensation Ordinance in Sabah and Sarawak.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR

Pusat-pusat Perubatan Hutan

18. Dr A. Soorian minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar bandar menyatakan:

- (i) bilangan pusat-pusat perubatan hutan yang dikendalikan oleh pembantu perubatan yang terlatih yang ada sekarang ini untuk menjaga kesihatan Orang Asli dan berapa banyak pusat-pusat ini yang mempunyai kawasan pendaratan helikopter dan alat-alat radio; dan
- (ii) bilangan Pusat Pengangkutan bila berlaku kecemasan yang mempunyai kaki-tangan sambilan dan dilengkapi dengan radio dan tempat pendaratan helikopter.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):

- (i) Bilangan Pos-pos Perubatan di pedalaman hutan yang dikendalikan oleh kakitangan Bahagian Perubatan, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli berjumlah 72 semuanya. Semua Pos-pos ini mempunyai kawasan pendaratan helikopter dan alat-alat perhubungan radio (wireless transceivers).
- (ii) Jabatan Hal Ehwal Orang Asli mempunyai 69 Pos-pos Kecemasan. Di tiap-tiap tempat tersebut, Jabatan menempatkan seorang kakitangan sementara, dan menyelenggarakan satu kawasan pendaratan helikopter. 18 dari pos-pos

tersebut ada dilengkapi dengan alat-alat perhubungan radio (wireless transceivers).

- (i) There are 72 deep-jungle Medical Posts that are manned by officers of the Medical Division, Department of Orang Asli Affairs. All of these Posts are equipped with wireless transceivers and helicopter landing pads.
- (ii) The Department of Orang Asli Affairs maintains a total of 69 Emergency Evacuation Aid Posts in deep jungle areas. At each of these posts, there is a part-time Departmental Staff. The Department has also equipped wireless transceivers at 18 of these places.

JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS

Tambahan No. 2

JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Kakitangan Kerajaan

1. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri memberi butir-butir kakitangan Kerajaan yang berkhidmat pada

(a) Hari Merdeka 31hb Ogos, 1957; dan

(b) angka-angka serupa sehingga ke hari ini di bawah tajuk berikut:

Bahagian 31-8-57 Pada masa ini

(1) Bahagian 1

(2) Bahagian 2

(3) Bahagian 3

(4) Bahagian 4

(5) Kumpulan I.M.G.

Perdana Menteri (Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein): Bilangan kakitangan Kerajaan Persekutuan yang sebenarnya berkhidmat pada 31hb Ogos, 1957 tidaklah diketahui dengan tepat, tetapi bilangan jawatan-jawatan pada tarikh itu tidak termasuk jawatan dalam Perkhidmatan Keretapi, Angkatan Tentera dan guru-guru yang bukan dalam Perkhidmatan Kerajaan pada masa itu ialah seperti berikut:

Bahagian	Bilangan jawatan
I ...	2,550
II ...	2,705
III ...	58,953
IV ...	10,799
I.M.G. ...	— **
Jumlah ...	75,007

2. Bagi tahun 1957 sistem pembahagian jawatan adalah mengikut bahagian (divisions) tetapi bagi tahun 1972 sistem pembahagian

KETERANGAN:

** Oleh kerana kakitangan dalam Kumpulan I.M.G. dibayar dari Peruntukan Terbuka (Open Vote) bilangan jawatan I.M.G. tidak dapat ditentukan.

jawatan yang dipakai adalah mengikut kumpulan (groups). Asas yang digunakan bagi membahagikan jawatan-jawatan mengikut bahagian dan mengikut kumpulan ini adalah berlainan dan oleh itu sesuatu bahagian itu tidaklah boleh disamakan dengan mana-mana kumpulan. Bilangan-bilangan jawatan dan kakitangan Kerajaan yang berkhidmat pada 31hb Oktober, 1972 adalah seperti berikut:

Kumpulan	Bilangan Jawatan	Bilangan Pegawai
(a) Pengurusan dan Iktisas ...	6,860	5,583
(b) Kerja dan Separa Iktisas ...	17,113	13,867
(c) Perkeranian dan Teknik ...	74,795	71,853
(d) Kakitangan Rendah dan Buruh Kasar ...	44,821	tidak diketahui†
Jumlah ...	143,589*†	91,303*

Pengambilan Semula Pegawai-pegawai Kerajaan

2. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri memberi bilangan dan butir-butir pegawai-pegawai Kerajaan yang telah bersara diambil bekerja semula sebagai (a) pegawai konterek, dan (b) pegawai-pegawai yang diambil bekerja semula pada tarikh sekarang dan sebab-sebab mengapa mereka dilantikan bekerja pada hal orang-orang Malaysia berkelulusan yang sesuai boleh didapati sekarang.

KETERANGAN:

* Tidak termasuk pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Keretapi, Angkatan Tentera dan guru-guru yang dahulunya dalam Perkhidmatan guru yang dipersatukan (U.T.S.).

† Tidak termasuk jawatan-jawatan/pegawai-pegawai di Malaysia Timur.

‡ Oleh kerana kakitangan dalam Kumpulan I.M.G. dibayar dari Peruntukan Terbuka (Open Vote) bilangan jawatan I.M.G. tidak dapat ditentukan.

Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein:

- (i) Butir-butir mengenai pengambilan semula pegawai-pegawai bersara Kerajaan sebagai pegawai-pegawai kontrek adalah seperti di Lampiran "A" manakala butir-butir mengenai pengambilan semula pegawai-pegawai bersara kerajaan secara sementara adalah seperti di Lampiran "B".
- (ii) Sebab-sebab mengapa perkhidmatan-perkhidmatan mereka dilanjutkan secara kontrek ataupun secara sementara adalah seperti berikut:
 - (a) pengalaman mereka di bidang-bidang tertentu maseh diperlukan terutama sekali dalam bidang perubatan.
 - (b) bahawa perkhidmatan mereka diperlukan sehingga menantikan calon-calon yang akan mengisi kekosongan itu tamat kursus/latihan-latihan.
 - (c) oleh kerana desakan-desakan perkhidmatan, dan bahawa kekosongan-kekosongan itu tiada boleh dibiarkan terutama sekali bagi setengah-setengah Jabatan-jabatan yang tertentu, yang ada kaitannya dengan memberi perkhidmatan terus kepada orang awam dan kerja-kerja penguatkuasa;
 - (d) bagi menampung pegawai-pegawai untuk mengisi kekosongan-kekosongan yang terdapat di dalam Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas.

LAMPIRAN "A"

**NAMA-NAMA JAWATAN DAN BILANGAN JAWATAN-JAWATAN YANG
DIPENUHI SEMULA OLEH PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN SELEPAS
BERSARA SECARA KONTREK**

(1-1-1972 hingga 31-10-1972)

Bilangan	Nama Jawatan	Bilangan Jawatan
1	Setiausaha Sulit kepada Pengerusi Perkhidmatan Awam	1
2	Majisteret	3
3	Datuk Pengelola Bijaya Diraja/Setiausaha Sulit kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung	1
4	Jurutera Awam	1
5	Setiausaha Peribadi kepada Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman	1
6	Penolong Pegawai Kemajuan Masyarakat	1
7	Pembantu Pertama Undang-undang	1

LAMPIRAN "B"

**PEGAWAI-PEGAWAI BERSARA YANG DILANTIK SEMULA SECARA
SEMENTARA (1-1-72-31-10-72)**

Kementerian/Jabatan					Jawatan				Bilangan dilantik semula
Akauntan Negara	...	...	...	...	Penyimpan Kira-kira	...	...	...	4
					Akauntan	...	...	...	1
Buruh	...	...	...	...	Penolong Pemeriksa Kilang Jentera	...	...	...	1
					Pendaftar Kesatuan Sekerja	...	...	...	1
					Ketua Pengajar	...	...	...	1
Citak Kerajaan	...	...	...	...	Penyelia Keselamatan	...	...	...	1
					Penyelia	...	...	...	1
Hutan	...	...	...	...	Pembantu Kewangan/Pentadbiran	...	...	...	1
Hal Ehwal Dalam Negeri	...	...	...	...	Kerani	...	...	...	1
Kastam	...	...	...	...	Penolong Penguasa Kastam	...	...	...	2
					Penolong Pengawal Kastam	...	...	...	3
					Pegawai Kastam	...	...	...	38
Kemajuan Kerjasama	...	...	...	...	Pemeriksa Kira-kira Kanan	...	...	...	2
Kebajikan Masyarakat	...	...	...	...	Pembantu Rumah Sakit	...	...	...	6
Kerja Raya dan Tenaga	...	...	...	...	Penyelia Kerja	...	...	...	6
Kimia	...	...	...	...	Ahli	...	...	...	1
					Pembantu Makmal	...	...	...	1
Kementerian Luar Negeri	...	...	...	...	Pegawai Penyelidikan Kanan	...	...	...	1
Mahkamah Tinggi	...	...	...	...	Jurubahasa Cina	...	...	...	7
					Jurubahasa Melayu	...	...	...	3
					Jurubahasa India (Tamil)	...	...	...	3
					Jurubahasa Punjab	...	...	...	2
Melaka	...	...	...	...	Pemeriksa Pelajaran Dewasa	...	...	...	1
					Penghulu	...	...	...	1
N. Sembilan	...	...	...	...	Imam	...	...	...	1
					Pegawai Penyelesaian Tanah	...	...	...	1
					Pegawai Urusan Cina	...	...	...	1
					Pembantu Urusan Haiwan	...	...	...	1
Parit dan Taliair	...	...	...	...	Penjaga Jentera Gr. II	...	...	...	1
					Pembantu Teknik	...	...	...	3
					Penyelia Kerja	...	...	...	1

Kementerian/Jabatan					Jawatan			Bilangan dilantik semula
Peguam Negara ...	...	...	...	...	Setiausaha/Jurutringkas	...	...	1
					Penterjemah Kanan	...	...	1
Pelajaran ...	...	...	...	...	Pengelola Sekolah	...	...	1
					Juruteknik	...	...	1
					Pensyarah	...	...	1
Perangkaan ...	...	...	...	...	Pegawai Perangkaan Kanan	...	...	1
					Pemeta	...	...	1
					Penyelia	...	...	1
Pendaftaran Negara ...	...	...	...	...	Penolong Pegawai Pendaftaran	...	...	18
Penerangan ...	...	...	...	...	Pembantu Luar	...	...	1
					Pegawai Penyelidik	...	...	1
					Pembantu Teknik	...	...	1
					Pegawai Kerani	...	...	1
Penjara ...	...	...	...	...	Guru Bahasa Sendiri	...	...	2
Perdana Menteri ...	...	...	...	...	Setiausaha Peribadi	...	...	1
					Guru Ugama (Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam)	...	...	1
						...	...	1
Perancang Bandar dan Kampung ...	...	...	...	...	Kerani	...	...	1
Pertahanan ...	...	...	...	...	Pembantu Rumah Sakit	...	...	3
					Guru Ugama Kanan	...	...	1
					Ketua Jururawat	...	...	1
Perubatan (Kementerian Kesihatan) ...	...	...	...	...	Pembantu Rumah Sakit	...	...	149
					Pegawai Pergigian	...	...	5
					Merinyu Kesihatan Umum	...	...	7
					Ketua Jururawat	...	...	1
					Pembantu Makmal	...	...	1
					Guru	...	...	1
					Pegawai Perubatan	...	...	14
					Penyemak Kira-kira Barang	...	...	1
Talikom ...	...	...	...	...	Juruteknik	...	...	4
					Pembantu Teknik	...	...	9
Ukur ...	...	...	...	...	Penyelia	...	...	1
					Pemeta	...	...	1
P. Pinang ...	...	...	...	...	Pemangku Yang Di Pertua Hal Ehwal Ugama	...	...	1
Perlis ...	...	...	...	...	Pegawai Petempatan	...	...	1

Pegawai-pegawai Kerajaan

3. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri memberi satu senarai nama-nama pegawai Kerajaan yang telah bersara dari Bahagian I dan II yang diberi kebenaran oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam mencampuri perindustrian swasta dalam tahun 1972 seperti yang berikut:

Nama pegawai Bersara	Jawatan yang telah dipegang dan gaji pada tarikh bersara	Jawatan baru dan tempat jawatan itu
-------------------------	---	---

Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein: Badan yang menguruskan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu bukanlah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam tetapi sebenarnya ialah Jabatan Perkhidmatan Awam.

Sehingga penghujung tahun 1972 seramai 14 orang pegawai iaitu 11 orang dari Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas dan 3 orang dari Kumpulan Kerja dan Separa Ikhtisas telah diberi kebenaran tersebut. Untuk menjaga kepentingan pegawai-pegawai yang berkenaan saya tidaklah dapat memberi butir-butir berkenaan dengan nama-nama mereka itu.

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Pendaftaran Penduduk-penduduk

4. Tuan Chan Fu King minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa perlu dikenakan pendaftaran penduduk-penduduk (tenants' registration) di kawasan Sungai Siput dan bila pendaftaran tersebut akan dibatalkan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-haj bin Datuk Haji Abdul Rahman): Maklumat yang diterima semasa pelancaran Gerakan Setia pada bulan September, 1971 telah menunjukkan bahawa kawasan Sungai Siput di Perak adalah satu kawasan di mana pegganas-pegganas kominis maseh aktif. Mereka telah diketahui membuat percubaan untuk berhubung dengan penyokong-penyokong dan penduduk-penduduk dalam kawasan tersebut. Untuk mencegah mereka daripada membuat perhubungan bebas dengan penduduk-penduduk dalam kawasan tersebut adalah perlu pendaftaran penghuni dikuatkuasakan di kawasan Sungai Siput. Pendaftaran tersebut akan dibatalkan sebaik sahaja keadaan keselamatan di kawasan tersebut membenarkan.

Orang-orang tahanan di Balai Polis Petaling Jaya

5. Tuan Yeoh Teck Chye bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengapa orang-orang tahanan di Balai Polis Petaling Jaya tidak dibenarkan memakai baju atau singlet. Adakah ini amalan biasa yang dilakukan dalam semua bilik tahanan (lock-up) Polis dan kalau benar, mengapa.

Tun Dr Ismail Al-haj bin Datuk Haji Abdul Rahman: Tuduhan Ahli Yang Berhormat itu tidak benar oleh kerana orang-orang tahanan di Balai Polis Petaling Jaya dibenarkan menggunakan singlet atau baju mengikut peraturan 7 Kaedah Lokap (Lock-up Rules) tahun 1953. Kaedah-kaedah tersebut digunakan disemua balai-balai Polis di negeri ini.

Hamid Tuah—Buang Daerah

6. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan syarat-syarat yang dikenakan ke atas Hamid Tuah yang telah dibuang daerah ke Pulau Langkawi; berapa lamakah hukuman buang daerah ini akan dikuatkuasakan, dan nyatakan samada Kerajaan akan mengembalikan kebebasannya semula terutama sekali memandangkan kepada usianya yang telah lanjut iaitu dalam lengkungan enam puluhan dan keadaannya uzur pula.

Tun Dr Ismail Al-haj bin Datuk Haji Abdul Rahman:

- Syarat-syarat yang dikenakan ke atas Hamid Tuah adalah mengikut arahan Penggantungan Perintah Tahanan di bawah Seksyen 4B Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah), 1969 yang mana beliau tidak dibenarkan berpindah atau bertukar daripada kawasan Pulau Langkawi, tanpa kebenaran Pegawai Penjaga Daerah Polis di situ. Di samping itu beliau dikehendaki sentiasa menjaga keamanan dan berkelakuan baik.
- Tempuh Perintah Sekatan ini ialah 1 tahun 19 hari mulai 10hb Oktober, 1972.
- Kebebasan mutlak kepadanya akan ditimbang dari masa ke semasa apabila beliau didapati menunjukkan pemulihan akhlak yang memuaskan hati dan tidak lagi dianggap akan membahayakan ketenteraman awam serta keselamatan negara.

- (d) Bagi makluman Ahli Yang Berhormat itu, Hamid Tuah bukanlah berusia dalam lengkongan enam puluhan. Beliau dilahirkan dalam tahun 1919. Umornya adalah lebih kurang 53 tahun. Beliau sentiasa diberi rawatan seperlunya oleh Pegawai Perubatan apabila didapati uzur.

KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Talipon Daerah Kuala Penyu

7. Tuan Pengiran Tabir bin Pengiran Patara minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa Daerah Kuala Penyu belum mempunyai hubungan talipon dengan lain-lain daerah di Sabah dan samada beliau mempunyai rancangan hendak membina ibusawat talipon di daerah ini; dan jika ya, bilakah pembinaannya akan dimulakan.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Saya sedar bahawa Daerah Kuala Penyu belum mempunyai hubungan talipon dengan lain-lain daerah di Sabah tetapi pada masa ini ada disediakan Perkhidmatan Panggilan Radio untuk orang awam dan Pejabat Daerah. Rancangan sedang dibuat sekarang untuk membina sebuah ibusawat talipon di daerah tersebut dan adalah dijangkakan perkhidmatan ibusawat ini akan dapat dimulakan pada akhir 1974.

Tempat Pelancungan

8. Dr A. Soorian minta Menteri Perhubungan menyatakan iaitu memandangkan kepada kemungkinan Port Dickson menjadi tempat pelancungan:

- (i) bila lapangan terbang akan dibina di sana;
- (ii) bila Perkhidmatan Feri akan dimulakan dari sana, Pulau Pinang dan Melaka ke Dumai (Sumatra); dan
- (iii) bilakah Pusat Penerangan Pelancungan akan dibina di Port Dickson bagi memberikan penerangan tentang tempat-tempat yang menarik di kawasan ini kepada pelancung-pelancung.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:

- (i) Adalah didapati tidak perlu dan tidak ekonomi bagi Negara membina lapangan terbang di Port Dickson untuk menarik pelancung-pelancung

ke situ. Kementerian berpendapat kemudahan-kemudahan pengangkutan yang sedia ada sudah mencukupi untuk membawa pelancung-pelancung melawat ke Port Dickson yang cumanya 60 batu sahaja daripada Kuala Lumpur.

- (ii) Kajian yang sudah siap telah menunjukkan bahawa tidak banyak lalu lintas antara Port Dickson dan Melaka ke Dumai yang boleh menjustifikasikan perancangan perkhidmatan feri cara moden seperti "roll-on and roll-off". Sekiranya ada pihak-pihak swasta yang ingin menjalankan perkhidmatan feri di sektor ini iaitu Melaka dan Port Dickson—Dumai, Kerajaan akan membenarkan tertakluk kepada peraturan-peraturan biasa mengenai keselamatan laut dan sebagainya. Pihak Kerajaan hanya menimbang kemungkinan menguruskan perkhidmatan feri moden antara Penang—Belawan sahaja dan mungkin kemudiannya ke Pelabuhan Kelang. Perlaksanaan projek ini akan mengambil masa sekurang-kurangnya dua tahun.

- (iii) Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan adalah bercadang untuk menempatkan Pusat Penerbangan Pelancungan di Bangunan Pejabat Daerah dan Tanah yang baru yang akan dibina di Port Dickson. Tawaran telah dipanggil dan mungkin bangunan ini akan siap dibina pada awal tahun 1974. Langkah-langkah positif telah diambil untuk menyediakan kertas-kerja yang lengkap untuk memajukan kawasan Port Dickson sebagai tempat pelancungan. Biro Pelancungan Negeri Sembilan yang ditempatkan di Seremban akan siap dibina pada akhir bulan Mac 1973 dan Biro ini akan menjadi pusat penerangan bagi ke seluruh tempat-tempat pelancungan di Negeri Sembilan. Dengan itu buat sementara waktu pelancung-pelancung boleh mendapatkan penerangan mengenai tempat-tempat yang menarik di Port Dickson disertai dengan risalah-risalah mengenai kawasan-kawasan menarik para pelancung daripada Biro Pelancungan yang bertempat di Jalan Paul, Seremban.

KEMENTERIAN BURUH DAN TENAGA RAKYAT

Pemuda dan Pemudi Bekerja di Sabah

9. Tuan Md. Salleh bin Datuk Abdullah minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bilangan pemuda dan pemudi dari Malaysia Barat yang bekerja di Sabah di:

- (a) restoran dan kedai minum;
- (b) kelab-kelab malam;
- (c) Jabatan Berkanun; dan
- (d) syarikat-syarikat perusahaan.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Bilangan pemuda dan pemudi dari Malaysia Barat yang bekerja di Sabah pada 31-12-72 adalah seperti berikut:

	Lelaki	Perempuan
(a) Restoran dan Kedai Minum ...	118	—
(b) Kelab-kelab malam	260	176
(c) Jabatan Berkanun	236	55
(d) Syarikat-syarikat perusahaan ...	3,356	165
Jumlah ...	3,970	396

KEMENTERIAN KESIHATAN

Penyakit Taun

10. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kesihatan menyatakan angka-angka bandingan kejadian-kejadian penyakit taun di Malaysia bagi tahun 1969, 1970, 1971 dan 1972, dan samada langkah-langkah yang cukup untuk mengawasinya telah diambil untuk menghalang kejadian-kejadian selanjutnya di masa hadapan.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):

Pecahan Bilangan Kes-kes Kolera

1969 ...	70
1970 ...	76
1971 ...	6
1972 ...	418 (termasuk 111 kes-kes dari Malaysia Timur)

Segala langkah-langkah yang berkesan sedang diambil.

Sehingga ini 440,476 penduduk telah mendapat suntikan kolera di dalam kawasan-kawasan yang diserangi oleh penyakit taun. 121,208 perigi-perigi telah dibubuh dengan "chloride of lime". 12,555 perniagaan barter (barter traders) telah pun diperiksa di semua saluran masuk yang tertentu. Aktiviti-aktiviti pelajaran kesihatan dan kawasan kebersihan sekeliling telah pun diperhebatkan di semua kawasan-kawasan yang diserangi oleh penyakit taun. Langkah berjaga (surveillance) telah dipelihara keseluruhannya dan pemeriksaan najis dari kes-kes cirit-birit telah dibuat untuk menyingkirkan penyakit taun.

Breakdown Figures of Cholera Cases

1969 ...	70
1970 ...	76
1971 ...	6
1972 ...	418 (including 111 cases from East Malaysia)

All effective measures are being taken.

Up to-date 440,476 people have been inoculated against cholera in the affected areas. 121,208 wells have been disinfected with chloride of lime. 12,555 barter traders have been examined at all legal points of entry. Health Education and Environmental Sanitation activities have been intensified in all the affected areas. Surveillance activities are being maintained throughout and all diarrhoea cases are rectal swabbed to rule out cholera.

KEMENTERIAN PELAJARAN

Permohonan-permohonan Hendak Belajar ke Luar-negeri

11. Tuan V. David minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar terhadap kelambatan di Kementerian dalam memproses permohonan-permohonan dari pelajar-pelajar yang hendak ke luar negeri, dan jika ya, samada beliau akan mengambil langkah-langkah supaya permohonan-permohonan ini diselenggarakan dengan segera dan cekap.

Menteri Pelajaran (Datuk Hussein Onn): Saya telah jawab soalan ini pada 8hb Disember, 1972 yang lepas ketika menjawab soalan yang dikemukakan oleh ahli Yang Berhormat dari Bagan.

Ejaan Baru Bahasa Malaysia

12. Tuan V. David minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa sekolah-sekolah di Pulau Pinang belum lagi bersedia menerima ejaan baru Bahasa Malaysia dalam tahun 1973 kerana guru-guru tidak dilengkapi dengan buku-buku penerangan mengenainya, jika ya, apakah tindakan yang akan diambil oleh Ketua Pegawai Pelajaran, Pulau Pinang mengenai perkara ini.

Datuk Hussein Onn: Pada mula-mulanya hanya 12 naskah sahaja buku penerangan mengenai sistem ejaan baharu Bahasa Malaysia yang diberi kepada Jabatan Pelajaran Pulau Pinang. Tetapi semenjak bulan November, tahun 1972, 1,000 naskah tambahan telah dibuat dan dibahagi-bahagi oleh Jabatan Pelajaran Pulau Pinang kepada guru-guru yang menghadiri dua kursus mengenai ejaan baharu yang telah dianjurkan oleh Jabatan tersebut.

Jabatan Pelajaran Pulau Pinang akan mencetak sekurang-kurangnya 1,000 naskah lagi untuk dibahagi-bahagikan kepada guru-guru lain apabila Jabatan itu mengadakan dua kursus di Seberang Perai pada tahun ini.

Memandangkan kepada keterangan ini jelaslah bahawa guru-guru di Pulau Pinang telah pun dilengkapi dengan buku-buku ejaan baharu itu untuk membolehkan mereka mengajar mengikut sistem ejaan yang baharu itu dengan cekap.

Datuk Hussein Onn:

- (i) Sekiranya Ahli Yang Berhormat itu maksudkan bilangan penuntut-penuntut yang memasuki fakulti-fakulti di Universiti Malaya bagi Tahun Pengajian 1972/73, bilangannya adalah seperti berikut:

Fakulti	Jumlah Penuntut			
	Melayu	China	India	Lain-lain
Universiti Malaya				
(a) Sastera	2,595	544	218	86
(b) Sains	188	1,135	97	47
(c) Pergigian	14	17	—	1
(d) Perubatan	173	400	51	34
(e) Kejuruteraan	45	526	17	10
(f) Pertanian	194	193	24	6
(g) Undang-undang	31	10	4	6
(h) Ekonomi dan Pentadbiran	679	622	130	48
(i) Pendidikan	232	315	36	20

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Universiti Malaya tidak mempunyai sebuah Fakulti Perubatan Permulaan.

Bilangan penuntut-penuntut

13. Tuan V. David minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (i) bilangan penuntut-penuntut yang memasuki fakulti-fakulti yang berikut bagi tahun pengajian 1972/73 dengan memberi angka-angka mengikut kaum:

(a) Fakulti Sastera;

(b) Fakulti Sains;

(c) Fakulti Pergigian;

(d) Fakulti Perubatan Permulaan;

(e) Fakulti Perubatan;

(f) Fakulti Kejuruteraan;

(g) Fakulti Pertanian;

(h) Fakulti Undang-undang;

(i) Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran;

(j) Fakulti Pendidikan; dan

- (ii) samada beliau akan menggunakan sistem kota bagi kemasukan-kemasukan yang akan datang untuk mencerminkan penuntut-penuntut yang berbilang kaum di Universiti Malaya dan lain-lain universiti yang mendapat bantuan dan yang dikelolakan oleh Kerajaan di Malaysia.

- (ii) Pada masa ini Kementerian saya sedang mengkaji semula sistem pengambilan penuntut-penuntut yang digunakan sekarang. Kementerian saya berharap akan dapat memperbaiki lagi sistem tersebut supaya ianya dapat mencerminkan dengan jelas keadaan penduduk Malaysia yang terdiri dari berbilang kaum dan juga mencapai perseimbangan kaum di fakulti-fakulti di dalam pengambilan penuntut-penuntut.

Undang-undang Mewajibkan Persekolahan

14. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pelajaran menyatakan, untuk mengatasi masalah keciciran, samada Kerajaan bercadang mengadakan undang-undang mewajibkan persekolahan hingga ke Tingkatan III dan mengadakan persekolahan percuma pada semua peringkat. Jika jawabnya tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

Datuk Hussein Onn: Pada masa ini undang-undang mewajibkan persekolahan di peringkat rendah telahpun ada, iaitu, mengikut Seksyen 22, Akta Pelajaran, 1961. Walaupun demikian Kerajaan belum lagi membuat apa-apa peraturan mengenai perkara itu kerana memandangkan bahawa jumlah kanak-kanak yang berumur 6+ tahun yang patut bersekolah dan yang mendaftarkan diri di dalam sekolah-sekolah ada-lah melebihi 95%.

Mengenai perkara mewajibkan belajar bagi murid-murid sehingga ke Tingkatan III pula, undang-undang ini tidak ada.

Mengenai persekolahan percuma pula, sebagaimana ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelajaran di sekolah rendah dan di sekolah menengah kebangsaan di negara ini adalah percuma. Bagi sekolah menengah jenis kebangsaan pula, Kementerian Pelajaran sedang mengkaji perkara menghapuskan bayaran yuran di sekolah-sekolah tersebut dan akan membuat satu kenyataan mengenainya kelak.

Surat Cara Kerajaan

15. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan akan memberi jaminan bahawa dengan adanya Surat Cara Kerajaan diberi kepada Kolej Tunku Abdul Rahman, Kolej itu akan mematuhi benar-benar dan mengikuti dasar pelajaran kebangsaan untuk

menjamin atas adanya kadar yang seimbang dalam bilangan penuntut-penuntut Bumiputra dengan yang bukan Bumiputra dalam Kolej itu.

Datuk Hussein Onn: Perkara ini telahpun saya jawab di dalam Dewan Rakyat pada 19hb Disember, 1972, ketika menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kubang Pasu Barat.

Bilangan Kanak-kanak Ponting Sekolah

16. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mengelakkan daripada bertambahnya bilangan kanak-kanak ponting sekolah dan nyatakan sebab-sebab berlakunya perkara seperti itu.

Datuk Hussein Onn: Kementerian Pelajaran memandangkan berat tentang masalah kanak-kanak ponting sekolah ini, tetapi peranan Kementerian Pelajaran untuk mengelakkannya adalah terhad kepada memberi nasihat dan menggalakkan murid-murid datang ke sekolah. Tanggungjawab utama untuk mengelakkan keadaan ini terletak di atas bahu ibu bapa atau penjaga kanak-kanak itu sendiri.

Mengenai sebab-sebab mengapa murid-murid ponting sekolah, Kementerian Pelajaran tidaklah dapat mengatakan dengan tepatnya kerana tiap-tiap murid yang ponting itu mempunyai sebabnya yang tersendiri.

Peperiksaan Masuk Darjah Enam

17. Tuan Khoo Peng Loong minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau akan menghapuskan Peperiksaan Masuk bagi Pengajian Darjah Enam sebelum tahun 1975 supaya semua kanak-kanak sekolah dapat meneruskan pelajaran mereka hingga ke peringkat Menengah Rendah.

Datuk Hussein Onn: Sebelum peperiksaan itu dapat dihapuskan banyak implikasi yang perlu diteliti seperti implikasi kewangan, kekurangan guru, bilik darjah, asrama dan lain-lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bilangan murid-murid yang akan masuk ke sekolah menengah telah ditambah daripada 30% pada tahun 1972 kepada 50% pada tahun 1973.

Matapelajaran Ekonomi

18. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan bersetuju dengan syor supaya matapelajaran ekonomi dimasukkan dalam sukatan pelajaran Ilmu Sains Am di sekolah-sekolah rendah dan menengah rendah. Jika ya, nyatakan apakah faedah-faedah yang terdapat dengan pelaksanaan langkah seperti itu.

Datuk Hussein Onn: Sebenarnya Kementerian Pelajaran sendiri belum menerima syor seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, adalah tidak sesuai jika dimasukkan matapelajaran ekonomi ke dalam sukatan pelajaran Ilmu Sains Am di sekolah-sekolah rendah dan menengah rendah kerana kedua-dua matapelajaran tersebut adalah disiplin yang berbeza dan diajar di peringkat persekolahan yang berlainan.

KEMENTERIAN TEKNOLOJI, PENYELIDIKAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Perancang-perancang Bandar

19. Tuan Goh Hock Guan minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan samada lebih banyak

Perancang-perancang Bandar akan diambil untuk menjadi kakitangan Jabatan Perancang Bandar dan Negeri, terutamanya di Bandaraya Kuala Lumpur kerana kekurangan Perancang-perancang yang terdapat sekarang telah melambat dan melibatkan dengan teruknya Persediaan Plan Induk untuk Kuala Lumpur. Samada Menteri akan menimbang mengambil sekurang-kurangnya seorang Akitek "landscape" yang berkelulusan untuk membaiki pemandangan Ibu Kota.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Ong Kee Hui): Dewan Bandaraya ada rancangan untuk memperkemas dan menyusun semula Jabatan Perancang Bandaraya. Ini termasuk rancangan menubuhkan satu yunit dalam Dewan Bandaraya yang akan dianggotai oleh berbagai pakar dalam bidang yang tertentu, umpamanya "landscape artist", "landscape architect", "biologist" dan sebagainya bagi menolong melaksanakan kerja mencantikkan Bandaraya Kuala Lumpur.

The City Hall has drawn up a plan to strengthen and reorganize its Town Planning Department. This includes the establishment of a unit within the City Hall to be staffed by various experts, e.g., landscape artist, landscape architect, biologist, etc., to assist in the task of beautifying the City.